

**NYAI HJ. MASRIYAH AMVA: CORAK KEPIMPINAN WANITA
DARI ASPEK PERUNDANGAN ISLAM**

QISTI ROBHATI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**NYAI HJ. MASRIYAH AMVA: CORAK KEPIMPINAN
WANITA DARI ASPEK PERUNDANGAN ISLAM**

QISTI ROBhati

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

NYAI HJ. MASRIYAH AMVA: CORAK KEPIMPINAN WANITA DARI ASPEK PERUNDANGAN ISLAM

ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan tentang seorang tokoh wanita yang memimpin Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy dan bagaimana beliau berhadapan dengan cabaran dan memperkukuh usaha bagi mendepani keadaan masyarakat yang masih tidak menerima kesamarataan jantina. Corak dan gaya kepimpinan wanita yang digunakan seorang pengetua dan pengasas adalah suatu bentuk interaksi yang wajib dipunyai demi mencapai tujuan pesantren. Corak kepimpinan wanita dan lelaki yang berbeza menjadi suatu bentuk rintangan yang perlu difikirkan. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui: 1) Corak kepimpinan wanita dilihat dari pelbagai aspek 2) Corak kepimpinan Nyai Hj. Masriyah dari aspek perundangan Islam. 3) Cara Nyai Hj. Masriyah Amva dalam menghadapi cabaran dan usaha memperkukuh kepimpinannya. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi Nyai Hj. Masriyah Amva sepanjang kariernya Namun, berbekalkan pengalaman menjadikan beliau seorang wanita yang mempunyai karier tersendiri sebagai pengasas serta pengetua kepada sebuah Pesantren wanita. Kajian ini dilakukan melalui metod kualitatif dan kajian kes *Life Story* atau kisah kehidupan dan *Multi Case* yang pelbagai dengan bersandarkan kepada dokumen-dokumen peribadi, temubual tokoh, dan pemerhatian secara langsung. Hasil kajian menyatakan bahawa Nyai Hj. Masriyah menerapkan fungsi *Leader* dan *Manajerial* dalam kepimpinannya. Kepimpinan Nyai dalam pesantren dan organisasi lainnya tidak dipermasalahkan kerana memiliki kecakapan dan berada pada syariat Islam. Dapat disimpulkan juga bahawa kepimpinan Nyai Hj. Masriyah mempunyai unsur dan komitmen terhadap kajian kitab Islam klasik dalam *konstruksi religio-kultural* yang kental dan menjadi corak kepimpinan yang jelas dalam memelihara budaya organisasi dan pesantren, sehingga boleh membangun karakter pelajar dan lembaga yang membezakan dengan

pesantren lainnya.berbeza, dan bukan hanya mendewakan Suatu pengalaman, kerana pengalaman boleh menyesatkan suatu organisasi dan pesantren. Kajian ini mengambil kiranya aspek perundangan Islam agar bersesuaian dengan budaya masyarakat yang sering berubah-ubah.

University of Malaya

NYAI HJ. MASRIYAH AMVA: THE MODEL OF WOMAN'S LEADERSHIP ACCORDING TO THE VIEW OF ISLAMIC JURISPRUDENCE

ABSTRACT

This research describes about a woman who leads Kebon Jambu Al-Islamy Islamic boarding school and about how she solves the verify challenges also about her struggle towards her surrounding environment that still reject the gender equality. The feature of women leadership is used by her as a leader to interact with her surrounding people to achieve boarding school's goals. However, the different of the leadership style between men and women become the challenges that should be thought. Furthermore, the aim of this research is to understand: 1) The description of woman leadership in many perspectives. 2) The description of leadership's characteristics of Nyai Hj. Masriyah in Islamic law perspective. 3) The description of Nyai Hj. Masriyah's efforts on dealing with many challenges in her leadership. There are a lot of challenges faced by Nyai Masriyah throughout her carrier. Apart from that, she becomes the leader of that Islamic boarding school now is just because of her experiences that lead her there. This study is a qualitative study and case study on *Life Story* and various multiple cases that based on personal documents, interview which were conducted in person with some parties in Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy, Cirebon, Indonesia and direct observation. The result of the research reveals that Nyai Hj. Masriyah implements the leader and managerial function in her leadership. Her leadership on Islamic boarding school and organization is not an issue because she has the capability of leadership and her leadership is based on Islamic sharia. It could be concluded also that Nyai Hj. Masriyah has the aspect and commitment on Islamic classic literature in religio-cultural construction and it becomes the clearly leadership characteristic in sustaining the culture of organization and Islamic boarding school, in order to build the character of the student and institution which differentiates with other Islamic

boarding schools, and not to be fanatic of experience, because it may mislead the organization an Islamic boarding school. This research put Islamic law aspect to deal with the temporary cultural society.

University of Malaya

PERHARGAAN

Alhamdulillah, puji syukur penulis haturkan kehadiran Allah S.W.T kerana atas izin limpahan rahmat serta hidayah-Nya kajian ini dapat diselesaikan dengan baik.

Penghargaan yang setinggi-tingginya dan jutaan terimakasih khusus untuk penyelia PROF. DATIN DR. RAIHANAH BINTI HAJI ABDULLAH yang telah memberikan bimbingan, pengorbanan masa, dan pelbagai curahan ilmu yang bernilai sehinggakan kajian ini dapat diselesaikan. Semoga segalanya menjadi amalan sholeh beliau dihadapan Allah S.W.T

Jutaan terimakasih kepada pensyarah Akademi Pengajian Islam terutama Jabatan Syariah dan Undang-undang atas segala bimbingan yang diberikan selama menempuh pengajian di Universiti Malaya. Dan kepada Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam dan Institut Siswazah diatas segala bantuan dalam menyelesaikan pengajian di Universiti Malaya.

Jutaan terimakasih kepada NYA HJ. MASRIYAH AMVA selaku tokoh atas kerjasama, kesediaan, dan keramahannya dalam membantu penulis dan temu bual terkait dengan disertasi ini. Juga yang tidak dapat dilupakan adalah bantuan guru dan santri Kebon Jambu Al-Islamy, Cirebon, Indonesia.

Doa, penghargaan dan ucapan terimakasih kepada ibunda dan ayahanda tercinta yang telah bersusah payah, mengasuh, mendidik, membesarkan, dan memberikan biaya selama studi di Universiti, dan yang terpenting adalah selalu mendoakan penulis untuk kejayaan di masa hadapan. Semoga mereka mendapat kasih sayang dari Allah S.W.T. Ucapan terimakasih juga kepada adik-adik kesayangan Faiz Haq, Shofira Husna, Faruq Azhar, Mazaya Islami Dhini, Diva Native Deen, dan Gaza Dziaul Haq yang telah

mendoakan penulis selama studi di Malaysia. Juga kepada Calon Suami Fardana Khirzul Haq yang telah memberi dukungan penuh untuk penulisan ini.

Ucapan terimakasih kepada para sahabat Gontor Putri 1, IKPM Malaysia, Prime Pattern Malaysia, Rumah Berkah Taman Bukit Angkasa Block 19 dan 21, seluruh pelajar Indonesia di Unversiti Malaya. Seterusnya buat sahabat-sahabat di Jabatan Syariah Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Segala ilmu dan pengalaman akan selalu tersemat di hati. Semoga ilmu yang kita dapatkan memperoleh keberkahan dan bermanfaat untuk masa hadapan.

Terimakasih banyak kepada yang selalu mendoakan dan mendukung dalam penulisan ini, semoga doa-doa dan harapan yang mereka panjatkan dibalas dengan kebaikan dari Allah S. W.T.

Kuala lumpur, 9 Julai 2018

Qisti Robhati

DAFTAR ISI

	Halaman
HALAMAN TAJUK.....	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
DAFTAR ISI.....	vii
SENARAI KEPENDEKAN.....	xii
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xiii
 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.3 Pernyataan Masalah.....	7
1.4 Soalan Kajian.....	10
1.5 Objektif Kajian.....	10
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Skop Kajian.....	12
1.8 Huraian Istilah.....	13
1.9 Kajian Lepas.....	16
1.10 Metodologi Kajian.....	21
1.11 Kaedah Analisis Data.....	25

BAB DUA: TINJAUAN KONSEP DAN CORAK KEPIMPINAN WANITA

2.1 Pendahuluan	29
2.2 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita Secara Umum	30
2.3 Gaya Kepimpinan yang Pelbagai	37
2.4 Konsep dan Corak Kepimpinan dalam Perundangan Islam.....	40
2.5 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita di Indonesia.....	53
2.6 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita di Pesantren.....	57
2.7 Kesimpulan	63

BAB TIGA: BIOGRAFI, LATAR BELAKANG NYAI HJ. MASRIYAH AMVA DAN PROFIL PESANTREN KEBON JAMBU AL-ISLAMY, BABAKAN, CIREBON

2.1 Biografi Nyai Hj. Masriyah Amva.....	64
3.1 Latar Belakang Keluarga Hj. Masriyah Amva.....	64
3.1.1 Latar Pendidikan Nyai Hj. Masriyah Amva.....	73
3.1.2 Kerjaya dalam Bidang Intelektual dan Politik	74
3.1.3 Karya-karya Penulisan Hj. Masriyah Amva	76
3.2 Profil Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy.....	78
3.2.1 Visi dan Misi Pesantren dan Tugas Utama	81
3.2.2 Struktur Organisasi	82
3.2.3 Pendidikan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Cirebon.....	86
3.3 Kesimpulan	95

**BAB EMPAT: ANALISA CORAK KEPIMPINAN NYAI HJ. MASRIYAH AMVA
DALAM MENGHADAPI CABARAN DAN USAHA SEBAGAI PENGASAS
PESANTREN WANITA KEBON JAMBU AL-ISLAMY**

4.1 Pendahuluan	96
4.2 Deskripsi Pemikiran dan Sikap Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Menghadapi Cabaran dan Usaha yang Dilihat Daripada Bahagian Internal	97
4.2.1 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Pengurusan Kurikulum Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy	97
4.2.2 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Pengurusan Institusi	101
4.2.3 Pengurusan kewangan Pelajar	104
4.2.4 Pelatihisasi Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy	105
4.2.5 Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Membentuk Akhlak Pelajar	107
4.3 Deskripsi Pemikiran dan Sikap Nyai Hj. Masriyah Amva Melalui Wawasan dan Idea dari Sudut Eksternal	109
4.3.1 Surat Khabar	109
4.3.2 Buku-Buku Sastera	110
4.3.3 Ceramah-Ceramah	116
4.4 Deskripsi Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Forum Diskusi (International Seminar on Women Ulama) atau KUPI (Konferensi Ulama Perempuan Indonesia)	118
4.4.1 Poligami Antara Bentuk Kekerasan dalam Rumah Tangga/KDRT	118
4.4.2 Intoleransi, Radikalisme, Terorisme Menjadikan Wanita sebagai Mangsa ...	123
4.4.3 Indonesia dan Usia Perkahwinan Anak	130
4.4.4 Indonesia dan Konteks Keganasan Seksual	132
4.4.5 Indonesia dan Kerosakan Alam Dalam Konteks Masalah Sosial	134

4.5 Kesimpulan	136
----------------------	-----

BAB LIMA: PENUTUP

5.1 Pendahuluan	137
5.2 Kesimpulan	138
5.2.1 Deskripsi Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Menghadapi Cabaran dan Usaha dilihat Daripada Aspek Internal	138
5.2.1.1 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva di Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy	139
5.2.1.2 Peranan Nyai dalam Pengurusan Institusi	140
5.2.1.3 Pentadbiran Kewangan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy.....	141
5.2.1.4 Kaderisasi Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy	142
5.2.1.5 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Pembentukan Karakter Pelajar.....	143
5.2.2 Deskripsi Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam menghadapi cabaran dan usaha dilihat dari aspek Eksternal	143
5.2.2.1 Buku-Buku Sastera	143
5.2.2.2 Ceramah-ceramah	143
5.2.2.3 Surat Khabar.....	144
5.2.2.4 Forum Diskusi.....	144
5.2.3 Corak Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva Sebagai Pengasas Pesantren Wanita dilihat dari Aspek General (Transformational)	152
5.2.4 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva di Lingkungan Pesantren dan Sosial Masyarakat (Fungsi Leader dan Manajerial)	152
5.2.5 Konsep dan Corak Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dilihat dari Aspek Perundangan Islam.....	153

5.3 Saranan dan Cadangan	155
Bibliografi	159
Lampiran	171

University of Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

S.W.T	Subhanahu Wata'ala
S.A.W	Salla Allahu 'Alaihi Wassalam
Ed.	Editor
Cet.	Cetakan
<i>Ibid</i>	Ibidem (pada tempat yang sama)
UUD	Undang-undang Dasar
UUP	Undang-undang Perkawinan
KUA	Kantor Urusan Agama
KHI	Kompilasi Hukum Islam
KUHP	Kitab Undang-undang Hukum Pidana
KUPI	Konferensi Ulama' Perempuan Indonesia
GBHN	Garis-garis Besar Haluan Negara

JADUAL TRANSLITERASI

ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN
ا, ء	a, (hamzah)	ط	t
ب	B	ظ	z
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	H	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sy	ي	y
ص	s	ة	h
ض	d		

VOKAL PANJANG

ARAB	ROMAN
آ	ā
و	ū
ى	i

VOKAL PENDEK

ARAB	ROMAN
Fathah َ	a
Dammah ُ	u
Kasrah ِ	i

DIFTONG

ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN
أو	aw	يـ	iy/i
اي	ay	وا	uww

Sumber: Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi (2006), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kepimpinan boleh didefinisikan sebagai sebuah gerakan dengan kerjasama melalui sumbangan kemampuan dan kebolehan masing-masing untuk mencapai tujuan dan cita-cita bersama-sama.¹ Oleh itu, kepemimpinan muncul melalui proses *leadership from the inside out* iaitu ukuran kejayaan seseorang itu bergantung kepada keperibadian dan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam masyarakat.²

Penyertaan wanita dalam dunia kepemimpinan dengan bentuk yang berbeza dan pendominasian penyertaan dalam politik telah meningkat kerana sebahagian daripada mereka ingin menyeru terhadap persamaan hak-hak mereka dengan lelaki. Namun, ahli fiqah konservatif (yang mendukung nilai-nilai tradisional)³ berpendapat bahawa dalam peranan politik, lelaki dan wanita memiliki hak kewajipan yang sama tetapi dalam aspek politik amalan atau yang memerlukan penetapan keputusan seperti dalam mahkamah, badan legislatif (Perundangan) dan eksekutif (*Al-Wilāyah Al-Uzma*), peranan lelaki dan wanita sangat berbeza.⁴

Masalah kepemimpinan wanita adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian untuk seorang pemimpin menjadi tumpuan utama menurut kaca mata Islam sama ada yang bersifat pemikiran atau sosial. Kebanyakan pandangan masyarakat yang berkait dengan wanita menyimpang daripada pandangan Islam yang sebenar. Oleh itu, sebahagian

¹ Griffin W. Ricky, dan Ebert J. Ronald, *Business*, edisi 5, (New Jersey, Prentice Perkaral International Inc: 1999), 228.

² Domingo, dan Rene T., *Quality Means Survival: Caveat Vendidor Let the Seller Beware*, (Singapore, Prentice Perkaral: 1997), 184.

³ Jajat Burhanuddin dan Oman Fathurahman Eds, *Tentang Perempuan Islam: Wacana dan Gerakan*, (Jakarta, Gramedia Pustaka Utama: 2004), 187-205.

⁴ Lajnah Fatwa bī Al-Azhar, *Hukm Al-Syāriah Al-Islāmiyah fī Isytirāk Al-Mar'ah fī Al-Intikhab li Al-Barlaman*”, dalam *Al-Harakah An-Nisā'iyah wa Šilātuha bi Al-Isti'mār*, 101.

pemerhati mengemukakan bahawa faktor ideologi dan budaya yang memihak kepada lelaki boleh dijustifikasikan oleh beberapa agamawan.⁵ Semua yang berkaitan dengan permasalahan di atas menyebabkan terbentuk ketidakadilan antara lelaki dan wanita dalam kepimpinan atau disebut sebagai jantina *inequality* yang merupakan kenyataan agama yang mengelirukan dan sangat berbahaya sehingga boleh memberi pengaruh terhadap tradisi dan budaya Patriarki (sistem sosial yang menempatkan lelaki untuk memegang kekuasaan utama dan mendominasi peranan kepimpinan politik, otoritas moral, dan social),⁶ ideologi kapitalisme atau kesan terhadap budaya Timur Tengah pada pertengahan abad.⁷ Realiti kehidupan wanita zaman moden dipandang enteng oleh masyarakat kerana hak-haknya terhad dengan kehidupan yang sangat eksklusif dan marginal.⁸

Di samping itu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa wanita yang kurang dalam pendidikan agama tidak mengetahui hak-hak mereka.⁹ Seorang wanita yang berperanan sebagai seorang ibu perlu mendahulukan peranannya sebagai seorang pemimpin. Perkara ini kerana, beban wanita pada era moden lebih berat daripada sebelumnya dan kadar tanggungan wanita menjadi sama dengan lelaki, maksudnya seorang pemimpin wanita tentu dapat mengubah dunia kerana figura bukanlah sesuatu yang boleh diharapkan tetapi prinsip dan bentuk kepimpinan wanita yang dapat mewarnai dunia.¹⁰

⁵ Husein Muhammad, *Fiqh Wanita*, (Yogyakarta, LKIS Pelangi Aksara: 2007), 23-24.

⁶ Bressler, Charles E, *Literal Criticism: An Introduction to Theory and Practice 4th Ed*, (Pearson Education, Inc 2007, ISBN-13, 978-0-13-153448-3).

⁷ Siti Musdah Mulia, *Muslimah Reformis Wanita Pembaharu Keagamaan*, Cetakan. I, (Bandung, Mizan: 2004), 36-37.

⁸ Amirudin Arani (ed.), *Tubuh, Seksualitas dan Kedaulatan Wanita*, (Jakarta, Rahima: 2002), 11.

⁹ Sayid Muhammad Husayn Fadhlullah, *Dunya Al-Mar'ah fi Al-Islām*, diterjemahkan oleh Muhammad Abdul Qadir Alkaf dengan tajuk: *Dunia Wanita Dalam Islam*, Cetakan 1, (Jakarta, Lentera: 2000), 3.

¹⁰ A. Nunuk P. Murniati, *Getar Jantina: Wanita Indonesia dalam Perspektif Agama, Budaya, dan Keluarga*, Cetakan 1, (Magelang, Indonesiatara: 2004), 62-63.

Mendefinisikan bentuk kepemimpinan wanita merupakan suatu permasalahan yang kompleks dan sulit kerana sifatnya adalah berdasarkan kepemimpinan. Maka perkembangan ilmu ketika ini telah membawa kepada perubahan dan kemajuan sehingga maksud kepemimpinan menjadi lebih berobjektif dan sistematik.¹¹Perilaku lelaki dan wanita mempunyai pengaruh yang besar terhadap bentuk kepemimpinan yang akan diterapkan oleh setiap individu.

Berdasarkan pernyataan di atas, terdapat beberapa ciri dan bentuk kepemimpinan yang telah dihuraikan dalam perspektif hukum Islam seperti integriti. Integriti adalah sesuatu yang merujuk kepada kewujudan manusia iaitu perkataan dengan perbuatan yang seimbang. Pemimpin yang positif, partisipasi dan sentiasa berorientasikan pertimbangan tidak selamanya dikenali sebagai pemimpin yang ideal, justeru konsistensi dalam tugas sangat penting, kerana konsistensi membentuk sebuah kepemimpinan yang ideal.

Dalam perkara ini, Nyai Hj. Masriyah Amva mempunyai kekuatan jiwa yang luar biasa selepas kematian suaminya. Kekuatan jiwa beliau tersebut telah digambarkan di dalam 10 buku sastera dan puisi. Di dalam bukunya, beliau banyak membahaskan tentang usaha beliau memimpin pesantren secara bersendirian dan kesaksamaan bentuk kekuatan lelaki dan wanita dari segi kepemimpinan dan kewujudannya. Oleh itu, beliau beranggapan bahawa pola pemikiran seorang wanita dan pergerakan seorang wanita dalam suatu organisasi wajib diangkat dan tidak boleh dipandang biasa. Dalam perundangan Islam, kepemimpinan wanita dan yang berkaitan dengannya merupakan sebahagian daripada ajaran Islam. Maka, mengikut sudut pandang Hak Asasi Manusia (HAM) dan demokrasi, menyekat wanita dalam memegang tampuk kuasa sesebuah

¹¹ Triantoro Safaria, *Kepemimpinan*, (Yogyakarta, Graha Ilmu: 2004), 3.

lembaga (termasuk pesantren) boleh disebut sebagai suatu pelanggaran terhadap budaya masa kini.

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji berasa perlunya penelitian berkaitan bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita di Cirebon, yang membawa kepada transformasi serta gerakan positif terhadap disiplin diri yang beliau lakukan serta bentuk wawasan dan kebijaksanaan beliau dalam menghadapi cabaran dan usaha yang berkaitan dengan kepimpinannya melalui aspek perundangan Islam.

Bagi memahami kedudukan wanita secara terperinci, pengkaji menggunakan metod tertentu seperti yang terdapat dalam pengajian *usūl fiqh* (prinsip-prinsip perundangan Islam). Dalam menghuraikan metod yang tertulis, pengkaji membuat kesimpulan daripada nilai-nilai ilmiah dan tahap intelektual yang dimiliki, di samping nilai-nilai persekitaran, masa dan tempat yang ada.

1.2 Latar Belakang Masalah

Permasalahan utama yang berlaku apabila penilaian yang dilakukan menurut perspektif Islam memberi implikasi terhadap peluang dan potensi wanita untuk melibatkan diri dalam masyarakat. Ruang menjadi terbatas sehinggakan majoriti masyarakat berpendapat bahawa posisi terbaik bagi wanita terhad di rumah sahaja. Pemikiran tersebut adalah pemikiran Islam tradisional yang direfleksikan oleh kitab-kitab fiqh secara umum. Dengan kata lain, seorang wanita masih berada di bawah dominasi seorang lelaki.¹²

¹² Faisar Ananda Arfa, *Wanita dalam Konsep Islam Modernis*, (Jakarta, Pustaka Firdaus: 2004), 11.

Kepimpinan wanita secara norma mempunyai legitimasi yang sangat kuat, sama ada secara teologi, filosofis atau hukum (Perundangan Islam). Dalam deklarasi global hak asasi manusia disebutkan bahawa negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) memberi kebebasan kepada wanita untuk memilih pemimpin atau menjadi seorang pemimpin dengan melihat kepada sistem yang sesuai dengan hukum. Begitu juga dalam konvensyen mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita yang disahkan melalui Undang-undang Republik Indonesia (UURI) nombor 7 tahun 1984 (UU No. 30/1999) dan penghapusan deklarasi kekerasan terhadap wanita. Ini merupakan bentuk kepedulian pemerintah dalam menangani perkara yang berkait dengan wanita.

Telah disebutkan juga bahawa Undang-undang (UU) Nombor 39 menjelaskan bahawa perwakilan wanita dalam kepimpinan sama ada secara legislatif, eksekutif atau judikatif telah dibenarkan. Namun, realitinya adalah cara berhadapan dugaan dan usaha internal atau eksternal. Terdapat beberapa kes menyatakan bahawa tiada wanita yang berjaya dan layak menjadi seorang pemimpin sesuai dengan kelayakan yang ditentukan.

Isu bentuk kepimpinan wanita adalah dilihat daripada aspek perundangan Islam telah wujud sejak zaman era reformasi pada tahun 2001 ketika zaman pemerintahan Megawati Soekarno Putri. Isu kepimpinan golongan wanita bukan suatu isu yang asing dalam bidang politik, gerakan Islam di Indonesia atau penggerak organisasi Islam Indonesia. Penurunan kadar golongan buta huruf dalam kalangan wanita menjadi salah satu faktor berlakunya peningkatan kadar penglibatan golongan wanita dalam bidang pendidikan. Pada peringkat global pula, secara tidak langsung ia membuka banyak peluang pekerjaan untuk wanita bagi melibatkan diri dalam alam perkerjaan seterusnya

mampu berperanan sebagai seorang pemimpin. Ironinya, perubahan ini telah berlaku sejak tahun 1998 dan terus mencatatkan peningkatan secara drastik.¹³

Corak kepimpinan dan pengaruhnya dalam dunia politik, pada masa hadapan di peringkat negara adalah merupakan isu terpenting dalam Islam. Penglibatan corak bukan sahaja bertujuan untuk bersaing atau mengambil alih hak lelaki sebagai pemimpin, bahkan bertujuan untuk mendapatkan hak sama rata dalam bidang ini.¹⁴ Kepimpinan wanita selalunya mendapat cemuhan daripada masyarakat dan pengaruh dalam membentuk dasar dan terdapat beberapa dugaan yang sering dihadapi oleh seorang pemimpin wanita iaitu cemuhan teologis, cacian fizikal dan sindiran.¹⁵

Bukti-bukti kukuh tentang penglibatan wanita dalam kepimpinan dan bidang politik seperti kongres wanita pertama di Jogjakarta pada tahun 1928, merupakan suatu momentum gabungan wanita Indonesia untuk memperjuangkan hak-hak wanita dengan kerjasama kerajaan Belanda. Kerjasama ini bertujuan memperluaskan kuasa secara tidak radikal dan bukan berbaur politik. Implikasinya, masyarakat kelas pertengahan berpotensi melibatkan diri dalam usaha mengembangkan gerakan ini. Rentetan daripada itu, muncul kongres-kongres dan gerakan-gerakan baharu wanita dalam kepimpinan dan politik secara perlahan-lahan.

Setelah itu, semangat reformasi dan mengangkat tinggi hak kesamarataan jantina membuktikan bahawa bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas tidak terlalu ketara jika dilihat melalui pandangan mata kasar. Sumbangan beliau lebih kepada mengajar di institut pengajian yang tidak menolak peranan lelaki dalam kehidupan. Buktinya, terdapat karya-karya penulisannya yang tidak asing dalam dunia

¹³ Mansour Fakih, *Analisa Jantina dan Transformasi Sosial*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar: 1996), 15.

¹⁴ Siti Musdah Mulia, *Muslimah Wanita Pembaharu Keagamaan Reformis*, (Bandung, Mizan: 2004), 275.

¹⁵ Gurniwan Kamil Pasya, Mengutip Pemikiran Ibrahim dalam artikel yang bertajuk, *Peranan Wanita dalam Kepemimpinan dan Politik*, (Bandung, UPI (Universitas Pendidikan Indonesia): 2012), 9.

kita. Pengasas dan pemimpin wanita dalam pesantren menjadi sangat populer dan banyak mendapat persetujuan pelbagai pihak, sehinggalah wanita menjadi sangat dipercayai.

Oleh itu, kajian yang dijalankan perlu diperkasa untuk mengenalpasti bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam aspek perundangan Islam. Beliau merupakan tokoh wanita yang mempunyai pengaruh terhadap pemikiran dan gerakan-gerakan yang bergerak sendiri. Pengkaji mahu memaparkan dan menyelidik beberapa karya sastera-sastera beliau khususnya berkaitan dengan kejayaan beliau dalam memimpin sebuah pesantren walaupun berhadapan dengan rintangan. Beliau juga dikenali sebagai ahli akademik dan penggerak dalam komuniti-komuniti kewanitaan (Fatayat Nahdlatul Ulama') sejak kebelakangan ini. Beliau bergerak aktif di pelbagai forum dan diskusi-diskusi di pelbagai institusi dan kampus. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau adalah sebagai salah seorang pemimpin wanita di Pesantren Al-Islamy Kebon Jambu, Babakan, Ciwaringin yang melibatkan 1000 pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Kepimpinan wanita di Indonesia bukan isu baharu untuk dipersoal dan diperdebatkan. Malah, ada sebahagian ulama berpendapat bahawa wanita kurang memiliki kebolehan dalam memimpin kerana kemampuan yang dimiliki. Masalah ini seolah-olah dipandang ringan dan tidak diangkat dalam dunia Islam. Justeru itu, kelebihan kepada lelaki yang tidak mempunyai ciri kepimpinan selayaknya digalas posisi kepimpinan tersebut oleh wanita kerana pesaing utamanya ialah golongan wanita itu sendiri.¹⁶

¹⁶ Effendi, Bachtiar, dkk, *Wanita dalam Literatur Islam Klasik*, (Jakarta, PT. Gramedia Pustaka Utama: 2002), 12.

Selain daripada itu, gerakan feminisme di Indonesia telah mempengaruhi budaya, sosial dan fikiran masyarakat. Tidak terkecuali juga dengan apa yang berlaku dalam kalangan sesama penganut dan pejuang feminisme yang berbeza seperti feminisme Liberal, feminisme Radikal, feminisme Moderat dan feminisme Marxis. Menariknya, feminisme di Indonesia yang bersifat keagamaan dan dinominasikan oleh agama Islam melahirkan modal feminisme baharu bercirikan Islamik.¹⁷

Golongan feminism Islam di institut pengajian di Indonesia diukur selaras dengan peningkatan kadar penubuhan institut pengajian pelajar wanita daripada zaman prakemerdekaan sehingga pasca reformasi. Situasi ini memberi pengaruh terhadap semangat kesatuan dan organisasi sehingga mampu menggugat keutuhan semangat berparti secara tidak langsung memberi impak negatif terhadap bidang keilmuan melalui artikel dan karya berbentuk keagamaan.

Permasalahan yang timbul adalah kefahaman masyarakat terhadap bentuk kepimpinan wanita dan penyertaan mereka dalam masyarakat secara umum adakah menepati dengan apa yang disyariatkan dalam fiqah politik secara terperinci. Oleh kerana itu, sebaiknya kita meneliti sudut pendapat kebanyakan ulama mengenainya, salah satunya ialah bentuk kepimpinan Nyai. Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita di Cirebon yang berperanan penuh terhadap kemajuan institut pengajiannya.

Isu berkaitan dengan bentuk kepimpinan wanita dalam perundangan Islam bukan sahaja dilihat daripada sudut pentafsiran ayat Al-Qur'ān dan pendapat beberapa ulama mengenai makna yang benar mengenai bentuk dalam kepimpinan tersebut, tetapi dinilai melalui aspek moral dan usaha seorang tokoh dalam menyelesaikan cabaran dan usaha mengenai bentuk kepimpinannya dengan segera tanpa bantuan individu lain dalam

¹⁷ Gamble, Sarah (Ed), *The Routledge Companion to Feminism to Postfeminism*, (London and New York, Routledge: 2004), 62.

tempoh yang sangat panjang dan berbahas tentang transformasi yang beliau lakukan dalam usaha ke arah mendominasi kaum lelaki.

Wanita pada era moden ini mendapat banyak cemuhan sebelum mempunyai kerjaya dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang kepimpinan dan politik kerana syarat-syarat yang tidak sesuai dengan dirinya, bukan sahaja domestik bahkan biologi. Wanita dalam bidang politik masih mempunyai penyertaan yang terhad, akan tetapi peranan wanita Indonesia khususnya dalam bidang pembangunan mulai berkembang sedikit demi sedikit. Seiring peredaran waktu, sudah pasti negara memerlukan susuk tubuh yang berintegriti dan berwawasan dengan melihat segala aspek pergerakan. Bukti daripada pergerakan wanita pada era moden adalah semakin banyaknya penglibatan wanita dalam kancah politik dan kepimpinan.

Di Indonesia, kemajuan dalam kesamarataan jantina adalah bukti bahawa wanita mendominasi dan ia sesuatu yang sangat ketara, seperti yang dikatakan oleh Menteri Agama Indonesia, A. Wahid Hasyim, bahawa beliau memberi hak kepada wanita untuk menjadi hakim sejak tahun 1951 lagi.¹⁸ Dari sini menunjukkan bahawa kedudukan wanita dalam dunia politik dan kepimpinan mulai berkembang.

Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk mendapatkan jawapan yang jelas sehingga setiap individu mendapat posisi terbaik sesuai dengan kemampuan dan bentuk kepimpinan yang mereka miliki bukan hanya dilihat daripada jantainya sahaja.

¹⁸ KH. Husein Muhammad, *Fiqh Wanita (Pandangan Ulama Terhadap Wacana Agama dan Jantina)* diterjemahkan oleh Norhayati Haji Kaprawi dan Zaitun Mohamed Kasim, *Sister in Islam*, (Kuala Lumpur, Micom Sdn Bhd: 2004), 14.

1.4 Soalan Kajian

Permasalahan mengenai bentuk kepimpinan wanita di pelbagai jabatan dalaman, politik dan khalayak umum belum dapat dirungkai. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif untuk meneliti dan menganalisis tentang bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas dan pengetua pesantren wanita di Cirebon melalui aspek perundangan Islam. Dalam kajian ini, permasalahan diwujudkan untuk difahami dan diterokai sebelum penyelesaian permasalahan dibina. Antara permasalahan tersebut adalah:

1. Bagaimanakah corak kepimpinan wanita dalam Islam dan di Indonesia dilihat dari aspek perundangan Islam?
2. Bagaimanakah corak kepimpinan dan peranan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita Kebon Jambu Al-Islamy, Cirebon dilihat dari hubungan sosial dengan masyarakat?
3. Apakah bentuk cabaran dan usaha yang dihadapi oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam memimpin pesantren wanita Kebon Jambu Al-Islamy?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang dan rumusan masalah di atas, maka objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengkaji corak kepimpinan wanita dalam Islam dan di Indonesia dilihat dari aspek perundangan Islam.

2. Menganalisa corak kepimpinan dan peranan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita Kebon Jambu Al-Islamy, Cirebon dilihat dari hubungan sosial dengan masyarakat.
3. Mengkaji bentuk cabaran dan usaha yang dihadapi Nyai Hj. Masriyah Amva dalam memimpin pesantren wanita Kebon Jambu Al-Islamy.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat diperlukan untuk menyelesaikan beberapa isu kepimpinan wanita dalam pesantren. Iaitu hasil kajian yang diperolehi boleh dijadikan sebagai rujukan dan dilaksanakan oleh pihak yang berautoriti. Penting untuk mengetahui pendapat yang sesuai dengan perundangan Islam yang sering dilupakan agar masyarakat tidak cenderung menganalisis suatu pendekatan yang berkaitan dengan pola hubungan gender dalam perspektif ekonomi sahaja. Manakala, bentuk kepimpinan wanita, politik dan khalayak umum adalah suatu permasalahan yang tiada noktahnya.

Kajian ini juga mampu menjadi medium kepada penyelidik agar dapat menganalisis peringkat kefahaman dan mengkaji bentuk kepimpinan yang Nyai Hj. Masriyah Amva tunjukkan. Menganalisa cabaran dan usaha Nyai Hj. Masriyah dan sejauh mana beliau mampu menghadapi isu-isu dalam pengambilan keputusan yang sering bertolak belakang dengan kepimpinan kyai dalam suatu pesantren berdasarkan pandangan kakitangan dan pelajar dalam usaha melaksanakannya kepada masyarakat.

Sesungguhnya, permasalahan bentuk dalam kepimpinan wanita bukanlah suatu perkara untuk terus ke hadapan tetapi sebagai mengambil langkah-langkah yang produktif dan efektif. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menyelesaikan isu yang dihadapi.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang bertajuk corak kepimpinan Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita di Cirebon dilihat daripada aspek Perundangan Islam merupakan suatu perbincangan yang luas. Kajian ini menjurus kepada persoalan teori dan praktikal, bentuk dan penglibatan wanita dalam aspek perundangan Islam dan ideologi seorang pemimpin wanita yang sebenar. Manakala untuk mendalaminya, pengkaji memilih Nyai Hj. Masriyah Amva di kawasan Cirebon, dan Indonesia sebagai tokoh dan tempat kajian.

Nyai Hj. Masriyah Amva dipilih pengkaji sebagai tokoh utama pembela hak-hak wanita melalui beberapa karya sastera yang sangat dikenali dalam kalangan masyarakat Indonesia antara karya utama tersebut ialah *Suamiku Inspirasiku*. Kemampuan beliau dalam mengendalikan pesantren pengajian tanpa seorang suami yang berada disampingnya, membuah hasil yang sangat memuaskan. Beliau memiliki lebih 1000 pelajar dan pesantren pengajian salaf yang luar biasa yang majoriti dihuni oleh perempuan, walaupun menerima banyak perspektif bahawa Nyai Hj. Masriyah Amva adalah salah seorang tokoh feminisme dalam kalangan masyarakat tradisional.

Di samping itu, kajian ini merupakan suatu usaha dalam menyingkap masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan corak kepimpinan beliau dan solusi tepat dalam menghadapinya didasari pelbagai aspek dan bahagian, sekaligus berperanan sebagai inisiatif lain dalam menyelesaikan kesalahfahaman masyarakat. Terdapat ketidakseimbangan antara keindahan yang dianjurkan oleh agama dengan hakikat sosial dan kita perlu melakukan penafsiran semula agar lebih seiring dan sesuai dengan apa yang diinginkan.

Kajian ini juga bertujuan untuk membuka wacana umum yang disebut dengan *life history* (Sejarah hidup individu yang diceritakan oleh orang yang tinggal dalam

komuniti tertentu)¹⁹ dan salah satu bentuk usaha untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap isu-isu jantina bahawa perbezaan antara seks dan jantina serta bentuk yang diberikan daripada seorang pemimpin wanita bukanlah perkara utama. Pengkaji mengkaji tentang kehidupan Nyai Hj. Masriyah Amva menjadi pengetua sama ada secara teologis, politis atau sejarah. Pengkaji akan menyoroiti usaha kepemimpinan wanita seiring dengan Al-Qur'ān, hadith dan perundangann Islam.

1.8 Huraian Istilah

1.8.1 Kepimpinan

Kepimpinan dalam Islam sudah lama berkembang selepas wafatnya Rasulullah SAW, kerana tiada rasul dan nabi selepas kematian Baginda. Kepimpinan adalah ajaran Islam dan sebahagian daripada politik. Fakta sejarah Islam menyebutkan bahawa perpecahan umat Islam adalah kerana faktor kepimpinan.²⁰ Oleh itu, manusia sebagai pelaksana dalam kepimpinan hendaklah mengetahui makna kepimpinan itu sendiri.

Secara etimologi, kepimpinan dalam Islam membawa maksud *imāmah*, *khilāfah* dan *imārah* yang mempunyai kemampuan dan tindakan untuk memimpin dan yang bertanggung jawab dalam pengurusan agama Islam.²¹ Manakala, perkataan *khulafa'* iaitu jamak daripada kalimah *khalifah* yang mempunyai makna menggantikan atau seseorang yang datang selepas orang sebelumnya.²²

Kepimpinan menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) iaitu perkara-perkara yang berkait dengan pemimpin dan kepimpinan.²³ Kepimpinan adalah keupayaan (kebolehan, pencapaian) sebagai pemimpin dan daya (tindak-tanduk,

¹⁹ Victor Minicheillo, *In-depth Interviewing: Principals, Thecniques, Analysis*, (Australia, Pearson Education: 1995), 105.

²⁰ Moh Roqib, *Pendidikan Perempuan*, (Yogyakarta, Gama Media: 2013), 117.

²¹ Mohammad. Syed Al-wakil, *Al-Qiyadah wa Al-Jundiyyah fi Al-Islam, Jilid 1*, (Mansurah, Dar-Al-Wafa: 1988), 115

²² Muḥammad Quraysy Syihāb, *Tafsīr Al-Miṣbāh*, Jilid IV, (Lentera Hati, Jakarta: 2001), 362.

²³ Kemendikbud, <http://kbbi.web.id/pimpin>, 13/02/2014, pukul 17:55 WIB.

kecekapan seorang pemimpin.²⁴ Di dalam buku yang ditulis oleh Nurkolis²⁵, beliau menyatakan bahawa kepimpinan merupakan suatu proses mempengaruhi dan memberi contoh daripada pemimpin kepada pengikutnya dalam supaya setiap sasaran dapat dicapai.

Henry Pratt Fairchild²⁶ menyatakan bahawa makna kepimpinan iaitu cara untuk mengatur, mengawal, mengarahkan dan mengelola tingkah laku sosial dan dikaitkan dengan kekuasaan²⁷ serta kewibawaan dan kemampuan lebih baik daripada ahli biasa.

Dalam sebuah hadith diriwayatkan: *“Tiap-tiap kamu adalah pemimpin dan tiaptiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas orang yang dipimpin tersebut”*.²⁸ Hadith ini menegaskan bahawa lelaki dan wanita sebagai pemegang amanah Allah SWT untuk memelihara bumi ini.²⁹ Sebahagian besar ilmunan menyatakan bahawa wanita dilihat dari aspek kekuatan fizikal, spiritual dan mental lebih lemah berbanding lelaki, tetapi perbezaan tersebut tidak menyebabkan perbezaan khusus antara kepimpinan lelaki dan wanita dalam bakat dan cara pemerintahan yang dimiliki.

Perbahasan yang lebih terperinci mengenai makna kepimpinan akan dikupas dalam Bab II, khususnya pada bahagian kepimpinan.

²⁴ *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa, dan Pustaka: 1996), 1038.

²⁵ Nurkholis, *Manajemen Berbasis Sekolah: Teori, Model dan Aplikasi*, (Surabaya, Grasindo: 2003), 20.

²⁶ Henry Pratt Fairchild, *Dictionary of Sociology and Related Sciences*, (Littefield Adam & Co. Peterson, New Jersey: 1960), 174.

²⁷ Penggunaan *power* (kekuasaan) sangat diperlukan, kerana dengan *power* tersebut seseorang dapat memimpin orang lain demi mencapai tujuan yang diinginkan, tetapi di sisi lain dengan *power* (kekuasaan) yang menjurus kepada autoriti, justeru akan membuat buruk suasana dan kelangsungan organisasi. James L. Gibson, *Organizations*, terjemahan Djoerban Wahid, (Jakarta, Erlangga: 1994), 260.

²⁸ H.R Muslim.

²⁹ Lily Zakiyah Munir (ed.), *Memposisikan Kemampuan Wanita dan Perubahan dalam Perspektif Islam*, (Bandung, Mizan: 1999), 69.

1.8.2 Wanita

Definisi wanita dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) adalah wanita dewasa atau kaum perempuan yang berada pada julat umur 20-50 tahun ketika terdapat perubahan fizikal dan psikologi yang menyebabkan pengurangan kemampuan reproduktif atau tergolong dalam julat umur dewasa awal atau dewasa muda.³⁰

Wanita juga sering kali didefinisikan sebagai lawan kepada lelaki dan diertikan sebagai seorang manusia yang mempunyai puka (punggung kanan), bermenstruasi, mampu hamil, melahirkan, dan menyusui.³¹

Jadi, kepimpinan wanita boleh membawa erti kepada seorang wanita yang menjadi pengawal selia atau berpengaruh bagi orang lain, dengan kata lain efektifnya kekuasaan sebagai seorang pemimpin.³²

1.8.3 Perundangan Islam

Undang-undang Islam merupakan salah satu sumber undang-undang yang terpakai kepada mereka yang beragama Islam. Adapun pentadbiran undang-undang Islam disetiap Negara dilaksanakan melalui system yang berbeza-beza, di Malaysia contohnya melalui system Mahkamah Syariah di peringkat negeri dan wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, kedudukan Mahkamah Syariah buat masa ini telah diberikan kedudukan yang lebih baik berbanding dizaman penjajah dan perlu dikaji dan dikanunkan supaya orang ramai lebih mudah mengetahui dan mentadbirnya.

Undang-undang Islam dalam bahasa Arab disebut dengan Al-Syariah, yang bermaksud apa-apa yang ditetapkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Skop yang ada

³⁰ Hurlock E. B, *Psikologi Perkembangan: Suatu Pendekatan Sepanjang Ruang Kehidupan*, Edisi 5, (Jakarta, Erlangga: 1999), 39.

³¹ Hasan Alwi, dkk, *KBBI (Kamus Besar Bahasa Indonesia)*, (Jakarta, Bali Pustaka: 2002), 1268.

³² Ayub Ranoh, *Kepemimpinan Kharismatis: Tinjauan Teologis Etis atas Kepemimpinan Kharismatis Soekarno*, (Jakarta, BPK Gunung Mulia: 1999), 72.

dalam perundangan Islam luas dan menyeluruh, salah satunya adalah soal ibadah, kekeluargaan, muamalah, siyasah, dan lain sebagainya.³³

Undang-undang Islam bermaksud apa sahaja yang disyariatkan oleh Allah berupa hokum-huku yang yang berasaskan oleh dalil Al-qur'an, Al-sunnah, dan cabangnya iaitu ijma' dan qiyas.³⁴

Hukum di dalam perundangn Islam dibagi menjadi dua bahagian iaitu:³⁵

- 1.) Hukum yang ditetapkan langsung oleh nas-nas Al-Qur'an, Al-Sunnah dengan jelas dan terang.
- 2.) Hukum yang ditetapkan melalui ijtihad para ulama'dan fuqoha' yang berpedomankan Al-Qur'an dan Al-Sunnah, atau hokum yang qiyash, istishlah, ihsan, dan lain sebagainya.

1.9 Kajian Lepas

Setakat ini belum ada kajian yang membahaskan mengenai “Nyai Hj. Masriyah Amva: Corak Kepimpinan Wanita dari Aspek Perundangan Islam” tetapi perbahasan yang ada lebih banyak melibatkan bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita di Cirebon dan meneliti bentuk kebijaksanaan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam mengatasi cabaran dan usaha yang berkaitan dengan kepimpinannya. Adapun kajian tentang bentuk kepimpinan wanita yang pernah dilakukan oleh para pengkaji adalah:

³³ Yusof Al-Qardhawi, *Syariah Al-Islam Solihah li Al-Thathbiq fi Kulli Zaman wa Makan* diterjemah ke Bahasa Malaysia oleh Juanda Jaya, *Perlaksanaan Syarih Islam sesuai dilaksanakan pada setiap Tempat dan Masa*, (Maktabah Al-Qardhawi, Selangor: 1998), 6-9.

³⁴ Wahbah Al-Zuhayli, *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*, (Dar Al-Fikr, Yusof Al-Qardhawi, Madkhal fi Al-Dirasat Al-Syariah Al-Islamiyah, diterjemah ke Bahasa Malaysia oleh Abu Azzam, *Panduan Memahami Syariat*, (Pustaka Ilmi, Selangor: 1998), 421.

³⁵.Ibid, 27.

1.9.1 Corak Kepimpinan Wanita secara Umum

Nuri Herachwati³⁶ dan Novianti Jefry³⁷ menyatakan bahawa corak kepimpinan wanita lebih cenderung mengajak ahlinya untuk menyertai dalam melaksanakan tugas untuk mencapai tujuan dengan pendekatan emosional, sedangkan lelaki berbeza jauh dengan wanita kerana cenderung memikirkan batas-batas tugas antara orang atasan dan bawahan. Beliau juga menjelaskan bahawa salah satu faktor yang memberi pengaruh besar dalam kepimpinan wanita dalam sektor pembangunan adalah *The Mother* (keibuan), mempunyai sifat yang simpati dan mudah memahami semua permasalahan. Bukan itu sahaja, pemimpin wanita cenderung menjadi pemberi semangat dan bersifat tegas kepada orang bawahannya.

Medina Rahmah, Millati Izzatillah, dan Aris Budi Setiawan³⁸ dalam artikelnya menyebutkan salah satu corak kepimpinan wanita dalam suatu organisasi adalah sifat demokratis yang sangat diperlukan bagi tujuan bersama.

Rohman³⁹ dan Nina Zulida Situmorang⁴⁰ menjelaskan bahawa corak kepimpinan pengetua dan pengasas dalam pesantren adalah memberi motivasi, membentuk perilaku pelajar dengan tauladan, disiplin, kepatuhan dan keberdikarian. Beliau juga menyebutkan bahawa bentuk kepimpinan wanita dengan lelaki tidak jauh berbeza kerana bentuk kepimpinan tersebut lebih pada faktor keperibadian dan tuntunan dalam pekerjaan serta persekitaran pekerjaan yang sesuai.

³⁶ *Gaya Kepemimpinan Laki-laki dan Wanita*, Jurnal Majalah Ekonomi, Vol. 22, No. 2, Ogos 2012.

³⁷ *Efektivitas Kepemimpinan Wanita dalam Karir*, MUSAWA, Journal for Gender Studies, Vol.6, No.1 Jun 2014.

³⁸ *Analisis Kepemimpinan Wanita dalam Organisasi yang Bergerak di Bidang Teknologi Informasi*, Jurnal Proceeding PESAT (Psikologi, Ekonomi, Sastra, Arsitektur & Teknik Sipil), Vol. 5, Oktober 2013 Bandung, 8-9 Oktober 2013.

³⁹ *Pendidikan Karakter di Pesantren Darul Falah, Kecamatan Jekulo, Kabupaten Kudus*, Journal of Educational Social Studies, Vol. 1, No. 2, Novembe 2012, 131-137.

⁴⁰ *Gaya Kepemimpinan Wanita*, Jurnal Proceeding PESAT (Psikolog, Ekonomi, Sastera, Arsitektur, dan Sipil), Vol. 4, No. 1, Oktobe 2011, 1858-2559.

Alice H. Eagly, Mary C. Johannesen-Schmidt⁴¹, Alan Belasen dan Nancy Frank⁴² menyatakan bahawa kepimpinan transformasional di pesantren lebih diperuntukkan kepada wanita kerana mempunyai tujuan khusus dalam bidang pengurusan yang lebih teliti daripada lelaki.

Misbah Mustofa⁴³ dalam artikelnya menyatakan bahawa corak kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva mengedepankan *Disciplinary Power* adalah suatu cara untuk mengajarkan kepada pelajar dalam mengontrol aktiviti dan perilaku dengan hati nurani dan kesedaran pribadi. Dengan ini corak kepimpinan seorang nyai dalam pesantren tidak bersifat deskruftif melainkan produktif dan positif.

1.9.2 Corak Kepimpinan Wanita dalam Islam

Norma Dg. Siame, Mismiwati⁴⁴, dan Dr. Hindi Al-khuli⁴⁵ dalam artikelnya menyebutkan bahawa seorang pengetua dan pengasas wanita mempunyai corak kepimpinan yang sama iaitu kemampuan dan kesetiaan serta kecerdasan yang tinggi dalam bidang politik dan Perundangan Islam yang berlaku saat ini. Lebih banyak menerapkan corak kepimpinan yang demokrasi atau partisipasi, akan tetapi kerana perbezaan pemahaman masyarakat bahawa dalam Islam wanita hanya mempunyai tugas sebagai pelayan kepada lelaki walaupun dia mempunyai potensi dan bentuk yang sempurna dalam kepimpinan, maka kepimpinan wanita cenderung dilihat sebagai bermasalah.

⁴¹ *The Leadership Styles of Women and Men*, Journal of Social Issues, Vol. 57, No. 4, 2001, 781–797.

⁴² *Women's leadership: Using the Competing Values Framework to Evaluate the Interactive Effect of Jantina and Personality Traits on Leadership Roles*, International Journal of Leadership Studies, Vol.7, No. 2, 2012.

⁴³ *Analisis Disiplin dan Kuasa Tubuh Michel Foucault dalam Kehidupan Santri Pondok Kebon Jambu AL-Islamy Pesantren Babakan Ciwaringin Cirebon*, Jurnal Yaqz(Mustofa, 2013)han, Analisis Filsafat Agama dan Kemanusiaan, Vol.3, No. 1, Jun 2013.

⁴⁴ *Kepemimpinan dalam Islam: Pandangan Posisi Manajerial bagi Wanita*, Jurnal NURANI, Vol. 13, No 1, Jun 2013, 91-116.

⁴⁵ *Kepimpinan Wanita dalam Jabatan Tertinggi dalam Islam*, Jurnal Universiti Damaskus, Hukum Ekonomi, Vol. 27, No.1, 2011

Ahmadireja⁴⁶, dan Siti Aminah Caniago⁴⁷ menyatakan bahawa Islam memberikan dasar-dasar normatif dan filosofi tentang kepimpinan yang bersifat komprehensif dan global, bukan sahaja umat Islam tetapi umat manusia keseluruhannya. Ada beberapa corak seorang pemimpin yang perlu dimiliki, salah satunya adalah kelembutan diri. Dalam perkara ini kepimpinan wanita dilihat daripada kaca mata Islam adalah diperbolehkan kecuali dalam bentuk kepimpinan tertinggi seperti ketua negara dengan ketentuan tidak berlebih-lebihan, mengutamakan kepentingan hal ehwal rumahtangganya, dan mempunyai potensi yang sesuai dengan bidangnya. Islam menentukan corak seorang pemimpin, kerana dalam Islam setiap pemimpin perlu menurut ajaran Al-Qur'an dan Al-Sunnah yang bermaksud bahawa sebuah kepimpinan bukan dilihat daripada bentuk yang mereka miliki akan tetapi mengacu kepada kemampuan dan konsisten dalam melaksanakan tanggungjawab.

Rahmawati, Rukiyah, dan Hj. Rusdayah Basri⁴⁸, Muhammad Thoha⁴⁹ dalam kajian yang membezakan antara larangan dan kebolehan kepimpinan wanita mengatakan bahawa kepimpinan wanita hanya bersifat *Daruriy* (Mendesak), dalam konteks politik lelaki mempunyai kewenangan yang dominan, semua itu dikeranakan kejelasannya dalam suatu majelis wanita lebih meyorot dan menelaah muatan yang substansi dan menyinggung keperempuanan dan pembelaan. Secara terang-terangan mereka menolak dan golongan ini disebut dengan *Neo Konservatif* (golongan dengan wajah yang berwajah yang berorientasi mengembalikan kajian keIslaman seperti dalam teks, tidak boleh adanya interpretasi apapun diluar bunyi teks hokum). Interpretasi yang demikian hanya berdasarkan kepentingan kaum tertentu, sehingga posisi perempuan selalu dimarjinalkan.

⁴⁶ *Konsep Kepemimpinan dalam Islam*, Jurnal Edukasi, Vol. 2, No. 2, Novembe 2014, 533-549.

⁴⁷ *Kepemimpinan Islam dan Konvensyeonal*, Jurnal RELIGIA, Vol. 13, No. 2, Oktober 2010, 239-254.

⁴⁸ *Studi Analisis Gender Terhadap Materi Fiqh Perempuan pada Pengajian Majelis Taklim Se-Kota Pare-Pare*, Jurnal Kuriositas, Edisi 6, Vol. 2, Disember, 2013.

⁴⁹ *Paradigma Baru Fiqh Perempuan (Studi Analisis atas Gender Mainstreaming Omid Safi dalam Agenda Muslim Progressif)*, Jurnal Al-Ihkam, Vol. 8, No. 2, Disember 2013.

Dalam perundangan Islam yang berkaitan dengan kepimpinan wanita Marzuki⁵⁰ menjelaskan bahawa keikutsertaan wanita dalam wilayah bukan ibadah iaitu memberikan celah yang maknanya tidak membolehkan dan melarangnya, akan tetapi apabila ada seorang wanita yang terjamin keagamaanya dan memahami sesuatu yang berkaitan dengan syariat-syariat Islam maka diperbolehkan.

1.9.3 Corak Kepimpinan Wanita di Indonesia

Nasaruddin Umar⁵¹ dan Nurlina⁵² menyebutkan bahawa kepimpinan wanita dibenarkan dan identiti jantina bukan dilihat daripada faktor biologi sahaja. Bentuk kepimpinan lelaki dan wanita mempunyai peluang memiliki potensi dan maju dalam bidang apa pun, terutama dalam bidang intelektual. Kepimpinan wanita di Indonesia sudah menjadi perkara yang biasa, contohnya terdapat presiden wanita yang pernah menjawat sebagai ketua negara. Dalam perkara ini, beliau menyatakan bahawa wanita tidak perlu cemas dengan gaya dan maskulin lelaki yang seringkali dimitoskan sebagai satu-satunya yang sesuai dan digunakan untuk meraih kejayaan kerana ukurannya adalah berdasarkan interaksi dalam organisasi dan pola pengurusan.

Edi susanto⁵³ dan Nur Aulia dan Anthon Rustono⁵⁴ mengatakan adanya bentuk perbezaan cabaran dari kepimpinan lelaki dan wanita, kepimpinan wanita traditional mahupun non traditional lebih mengutamakan pekerjaan yang mereka inginkan, mempunyai kendali atas dirinya sendiri tanpa melihat jabatan yang ia pegang saat itu. Adapun bentuk cabarannya adalah dalam menciptakan tim berkinerja tinggi dan mengambil resiko, adapun kepimpinan lelaki yang cenderung kharismatik membuat

⁵⁰ *Kepemimpinan Perempuan dalam Perspektif Ulama' Pesantren di Aceh*, Akademika, Vol.19, No.1, Januari-Julai 2014. 180-183.

⁵¹ *Kepemimpinan Wanita dalam Islam*, Jurnal Politik, Akses Wanita, Vol. 1, No. 5, Jun 2001, 422.

⁵² *Model Kepemimpinan Karakter Jantina*, Jurnal Al-Nisa, Vol. VIII, No. 1, Jun 2008, 179-185.

⁵³ *Krisis Kepemimpinan Kiai: Studi atas Kharisma Kiai dalam Masyarakat*, Islamica, Vol. 1, No. 2, Maret 2007, 5.

⁵⁴ *Pengaruh Kepemimpinan Perempuan Terhadap Kualitas Akademik pada Program Studi Manajemen Bisnis Telekomunikasi dan Informatika (MBTI) Fakultas Ekonomi Bisnis Universitas Telkom*, E-Proceeding Management, Vol.3, No. 2, Ogos 2016, 962.

para pengikut sering bersikap labil dan mudah berubah dalam suatu pekerjaan. Hingga batas tertentu mereka sangat loyal dan loyalitasnya mengabaikan kewajibannya dan menjual sesuatu untuk mengikuti anjuran pemimpinnya.

Dalam kajian yang berkaitan dengan Kepimpinan wanita dalam pesantren di Indonesia Towaf⁵⁵ dan Wardah Nuroniyah⁵⁶ mengatakan bahawa menyetujui tentang kepemimpinan wanita kerana dalam kehidupan rumah tangga yang dibutuhkan bukan sahaja relasi tetapi subordinasi, perbezaan perlakuan antara lelaki dan perempuan sebagai budaya traditional warisan mulai hilang secara perlahan kerana kapasiti dan kompetensi lebih diperlukan daripada sekedar sebuah jantina. Dalam hal yang berkaitan dengan corak kepemimpinan wanita sering disebut sebagai *Singel Decision Maker* iaitu seseorang yang selalu dominan dalam mengambil keputusan, perencanaan. Warisan tradisional dalam budaya pesantren semakin hilang dan berganti menjadi sebuah profesionalisme kerja. Dalam hal cabaran disebutkan juga bahawa kepemimpinan wanita adalah banyak merubah pola pikir dan sikap masyarakat yang egaliter, khususnya untuk wanita.

1.10 Metodologi Kajian

Menurut salah seorang penulis menyatakan bahawa metodologi adalah prosedur yang sistematis dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan agar dapat dicapai dengan sempurna.⁵⁷ Bentuk kajian ini terdiri daripada kajian Perpustakaan (*library Research*) dan kajian Lapangan (*field Research*).

⁵⁵ Peran Perempuan, Wawasan Gender dalam Implikasinya terhadap Pendidikan di Pesantren, Jurnal Ilmu Pendidikan, Oktobe 2018, 143.

⁵⁶ Feminisme dalam Pesantren: Narasi Pemberdayaan Perempuan di Pondok Pesantren Buntet Cirebon, Jurnal Holistik, Vol. 14, No. 3, 2013, 166-167

⁵⁷ Othman Thalib, Asas Penulisan Thesis Penyelidikan & Statistik, (Bangi, MPWS, Rich Publication: 2014), 54.

Dalam menyelesaikan kajian, pengkaji membahagikan rangkanya kepada dua peringkat iaitu pengumpulan data dan analisis data.

1.10.1 Pengumpulan Data

Dengan penyelidikan ini, penulis mengkaji data-data mengenai bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita yang bersumberkan daripada buku-buku klasik atau bahan kontemporari berbahasa Arab, Melayu, Indonesia, dan bahasa Inggeris contohnya, Griffin W. Ricky, dan Ebert J. Ronald, *Business* edisi 5 (1999), Al-Farabi, Al-Mawardi, dan Wahbah Al-Zuhayli.

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran mendalam tentang corak kepimpinan wanita dari aspek perundangan Islam dengan pendekatan kualitatif.⁵⁸ Kerana kajian ini adalah kajian *multi kes* maka secara tidak langsung akan menginvestigasi suatu kehidupan yang real yang diamati melalui suatu tindakan dan pemikiran Nyai Hj. Masriyah Amva untuk memahami subjek disekitar kejadian sehari-hari. Dan adapun karakteristik utama dalam metod ini adalah meneliti subjek kajian, dan tempat penyimpanan data. Studi kasus ini mempunyai sasaran kajian iaitu manusia, peristiwa, latar belakang, dokumen, dan akan ditelaah agar sesuai dengan konteksnya untuk memahami variable-variabelnya.⁵⁹

Teknik pengumpulan data dengan menganalisa dan menghimpun dokumen, artikel-artikel, makalah dan puisi-puisi yang ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva seperti *Ketika Aku Gila Cinta (2007)*, *Setumpuk Surat Cinta (2008)*, dan *Ingin Dimabuk Asmara (2009)* dan bukunya yang berjudul *Matematika Allah*. Selain daripada itu, pengkaji juga merujuk kepada buku-buku sains sosial dan psikologi bagi mendapatkan definisi-definisi kepimpinan wanita, semua data yang diperoleh akan dijadikan asas

⁵⁸ Sanapiah Faisal, *Penelitian Kualitatif: Dasar-Dasar dan Aplikasi*, (Malang, YA3: 1990), 22.

⁵⁹ Imron Arifin, *Penelitian Kualitatif dalam Ilmu-Ilmu Sosial dan Keagamaan*, (Malang, kalimahasada Press: 1996), 57.

untuk penulisan. Oleh itu, kajian ini berbentuk dokumentasi kerana data dalam bentuk dokumen-dokumen seperti buku-buku, risalah, dan laporan-laporan penyelidikan.

1.10.1.1 Penyelidikan Lapangan

Pemahaman suatu perkara yang berkaitan dengan isu-isu agama lebih mudah diukur dengan menilai dari sudut objektif yang ingin disampaikan bukan menurut perbuatan yang dilakukan semata kerana tidak semua pemahaman agama mampu diaplikasikan dalam perbuatan.⁶⁰

Oleh itu, pengkaji berusaha memahami kepimpinan Nyai. Hj. Masriyah Amva melalui aspek perundangan Islam sebagai pengasas pesantren wanita, memahami cara yang beliau lakukan dalam menghadapi dan menyelesaikan cabaran dan usaha berkaitan dengan kepimpinannya yang sedikit terarah kepada kesamarataan jantina dengan menggunakan kaedah dokumentasi, temubual dan pemerhatian. Memahami makna yang mendasari tingkah laku peserta, mendeskripsikan latar belakang dan eksplorasi untuk mengenalpasti jenis-jenis informasi dan fenomena yang ada. Jenis pendekatan yang sesuai iaitu melalui pendekatan ahli fenomologi alam kerana kita dapat memahami peristiwa yang berkaitan dengan golongan tersebut dalam situasi tertentu.⁶¹

a) Kaedah Dokumentasi

Iaitu mengambil data-data yang ada daripada buku, artikel dan majalah kemudian mengumpulkannya menjadi satu bahagian.⁶²

Bentuk pengumpulan data ini sangat diperlukan untuk menyelesaikan kajian ini melalui berita-berita baharu yang belum diterbitkan sama ada daripada beberapa laporan atau dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk ini. Pengkaji

⁶⁰ Laurence B. Brown, *Social Attitudes and Religion*, Laurence B. Brown (ed), dalam *In Advance in the Psychology of Religion*, International Series in Experimental Social Psychology, Vol. 11, (Oxford, Pergamon Press: 1985).

⁶¹ Rebert C. Bogdan, dan Sari Knopp Biklen, *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*, (Boston, Aliyn and Bacon, Inc: 1998), 31.

⁶² Moh. Nadzir PhD, *Metodologi Penelitian*, (Jakarta, Ghalia Indonesia: 1999), 57.

menggunakan instrumen kajian iaitu memanfaatkan alat-alat elektronik untuk merakam dan mengambil gambar bangunan fizikal dan kegiatan pelajar selama di pesantren, khususnya kegiatan Nyai Hj. Masriyah Amva di dalam atau di luar pesantren.

b) Kaedah Temu Bual

Iaitu proses memperoleh keterangan untuk mendapatkan informasi bagi sesebuah kajian dengan cara bertanya secara langsung kepada responden menggunakan *Interview Guide*.⁶³

Kaedah ini diajukan untuk mendapatkan maklumat secara lisan. Pengkaji akan mendapatkan keterangan yang jelas dan tepat. Kaedah ini juga akan dilakukan untuk mengetahui dan memahami secara langsung mengenai bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai pengasas pesantren wanita Kebon Jambu al-Islamy. Pengkaji menemubual Nyai Hj. Masriyah Amva secara langsung dan melakukan kajian individu sepanjang tempoh lebih kurang 1 tahun dengan beberapa soalan yang berkaitan dengan filosofi, ideologi, visi, misi dan cara pandang beliau.

Teknik temu bual yang digunakan adalah temu bual tidak terstruktur (*Unstandardized Interview*) yang dilakukan tanpa menyusun senarai soalan. Kelebihannya adalah dapat dilakukan lebih privasi yang memungkinkan perolehan informasi sebanyak-banyaknya.

Pengkaji juga menemubual secara etnografi dengan para pelajar, kakitangan dan beberapa tokoh seperti pensyarah, ulama', dan kaki tangan yang mempunyai ikatan atau beberapa kali mengikuti kajian yang diketuai oleh Nyai

⁶³ Winarno, dan Surahman, *Dasar dan Tehnik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, (Bandung, Warsito: 1987), 123.

Hj. Masriyah Amva untuk mengumpulkan informasi berkaitan dengan peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam sosial masyarakat, keadaan mereka dan pendapat-pendapat peribadi para pelajar terhadap Nyai Hj. Masriyah Amva. Sehubungan dengan itu, pengkaji perlu mendapatkan segera hubungan komunikasi dengan komuniti demi melahirkan kepercayaan untuk memperoleh data yang diinginkan dengan mudah dan lengkap.

c) Kaedah Pemerhatian

Iaitu teknik pengumpulan data di mana pengkaji mengamati secara langsung objek kajian dan melihat dari dekat kegiatan yang dilakukan dan mencatatnya dengan beberapa tahap. Metod ini lazimnya disebut dengan *Non Participant Observer* kerana pengkaji hanya mengamati dan bukan mengikuti kegiatan Nyai Hj. Masriyah Amva secara langsung.⁶⁴ Pengkaji berterus-terang kepada sumber data untuk melakukan penelitian, tetapi penelitian dilaksanakan secara sembunyi dalam mengikuti salah satu kegiatan pesantren dengan tetap menjaga privasi dan identiti pengasas. Dan di akhir kegiatan yang saya ikuti beberapa soalan yang berkaitan dengan ritual-ritual keagamaan, proses pembelajaran dan pengajian akan diberikan oleh beliau.

1.11 Kaedah Analisis Data

Data-data yang diperoleh kemudian dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah tertentu.⁶⁵

Analisis data iaitu mengkoordinasi data-data ke bahagian-bahagian tertentu, dipecahkan kepada unit-unit, menyusun ke dalam pola, memilih perkara yang penting

⁶⁴ Moh. Nazir, *Metodologi Penelitian*, (Jakarta, Ghalia Indonesia: 1999), 57.

⁶⁵ Koentjanigrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, (Jakarta, PT Gramedia Pustaka Utama: 1977), 328.

dan mengambil kesimpulan agar mudah difahami diri sendiri terutamanya orang lain. Makna analisis data sendiri iaitu mengatur dan mengkoordinasi data ke sebuah pola dalam uraian dasar.⁶⁶Pengkaji menggunakan metod (Miles dan Huberman)⁶⁷ Ada tiga bahagian dalam menganalisis data iaitu:

a) Reduksi Data (*Data Reduction*)

Iaitu memilih dan menfokuskan kepada perkara-perkara utama yang kita anggap penting, sama ada data tersebut memberikan gambaran jelas dan memudahkan pengkaji untuk mengumpul data dengan merangkumkan data yang lebih kepada *life history*.⁶⁸ Pemusatan perhatian untuk penyederhanaan, penyempurnaan dan transformasi data mentah yang ada dalam nota-nota tertulis dan ayat di lapangan sehingga laporan akhir tersusun.

b) Penyampaian Data (*Data Display*)

Dalam kajian ini sebahagian data bersifat deskriptif dan disampaikan secara terperinci. Dalam bentuk huraian yang singkat dan hubungan antara kategori sangatlah jelas untuk menyusun kerja selanjutnya yang perlu dilakukan.⁶⁹ Penyediaan data yang sering digunakan dalam kajian kualitatif adalah berbentuk teks naratif. Namun, cara penyampaian data dalam bentuk teks naratif sering dianggap tidak praktikal.

c) Verifikasi Data (*Conclusion Drawing*)

Iaitu mengambil kesimpulan untuk menjawab rumusan-rumusan masalah yang sudah dirumuskan tetapi jawapan yang diperoleh belum dapat

⁶⁶ Lexy Moleong J, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, (Bandung, Rosda: 2007), 103.

⁶⁷ Prof. Dr Sugiyono, *Memahami Penelitian Kualitatif*, Cetakan 1, (Bandung, Al-fabeeta: 2005), 88.

⁶⁸ *Ibid*, 92.

⁶⁹ *Ibid*, 95.

dikenal pasti secara tepat kerana boleh berubah-ubah dengan bukti-bukti yang lebih kuat.⁷⁰

- d) Membuat kesimpulan sementara dan menguji kembali dengan metod *triangulasi*, sama ada menggunakan triangulasi peneliti, teori, data atau metod.
- e) Dan tahap terakhir iaitu membuat pernyataan atau kesimpulan mengenai apa sahaja yang diertikan secara pasti tentang suatu permasalahan yang diteliti dalam bahasa kualitatif yang deskriptif dan bersifat interpretatif.

⁷⁰ *Ibid*, 99.

1.12 Sistematik Penulisan

Hasil kajian ini ditulis dalam Lima Bab, dan masing-masing Bab dibahas di bawah Bab, susunan secara sistematik seperti berikut:

Bab satu, A. Pendahuluan, B. Latar Belakang Masalah, C. Pernyataan Masalah, D. Soalan Kajian, E. Objektif Kajian, F. Kepentingan Kajian, G. Skop Kajian, H. Huraian Istilah, I. Kajian Lepas, J. Metodologi Kajian.

Bab dua, A. Pendahuluan, B. Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita dalam Perundangan Islam dan di Indonesia, C. Gaya kepimpinan yang pelbagai, D. Konsep dan Corak kepimpinan wanita dalam perundangan Islam, E. Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita di Indonesia, F. Konsep dan Corak kepimpinan Wanita di Pesantren, G. Kesimpulan.

Bab tiga, A. Pendahuluan, B. Biografi Nyai Hj. Masriyah Amva yang terdiri dari latar belakang keluarga, Pendidikan, Karir Intelektual dan Politik, Aktiviti-aktiviti Nyai Hj. Masriyah Amva, Karya-karya Tulis Nyai Hj. Masriyah Amva, C. Profil Pesantren Kebon Jambu al-Islamy, D. Kesimpulan.

Bab empat, A. Pendahuluan, B. Deskripsi Pemikiran dan Sikap Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Menghadapi Dugaan dan Usaha dilihat dari Aspek Internal yang terdiri dari, Kurikulum Pesantren Kebon Jambu al-Islamy, Peranan dalam Pengurusan Kelembagaan, Pengurusan Kewangan Pelajar, Pelatihisasi, dan Karakter Pelajar, C. Deskripsi Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dilihat daripada aspek eksternal yang terdiri daripada, Surat Khabar, Buku-buku Sastera, Ceramah-ceramah, dan Forum Diskusi, D. Kesimpulan.

Bab Lima, A. Pendahuluan, B. Kesimpulan, C. Saranan dan Cadangan

BAB DUA

KONSEP DAN CORAK KEPIMPINAN WANITA DALAM PERUNDANGAN ISLAM DAN DI INDONESIA

2.1 Pendahuluan

Islam mempunyai pandangan yang luas berkaitan dengan kepimpinan. Wacana kepimpinan terus berkembang yang bermula daripada kewafatan Rasulullah SAW. Kita maklum bahawa Islam di Indonesia terbahagi kepada beberapa kelompok dan golongan yang pastinya akan membawa kepada beberapa permasalahan. Permasalahan ini mampu diselesaikan melalui mekanisma diskusi.

Kepimpinan lazimnya akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa kerana sifatnya yang kontekstual. Perubahan ini berlaku kerana dasarnya yang melibatkan perkembangan sosial, politik dan budaya yang muncul pada masa itu. Salah satu penyebab terjadi perpecahan adalah kerana sebahagian besar pemimpin tidak faham erti kepimpinan itu sendiri. Apalagi dalam dunia moden masa kini yang hanya memfokuskan kepada kompetensi dan corak⁷¹ persembahan, manakala jantina bukan merupakan faktor pembeza dominan.

Seiring dengan wujudnya gerakan emansipasi wanita dan kesamarataan jantina di Indonesia yang menuntut kesamarataan hak dalam pelbagai bidang, maka tahap demi tahap wanita sangat dipandang dengan usaha tampil ke hadapan dan berjaya dalam pelbagai sektor. Oleh itu, pengkaji akan menghurai makna kepimpinan secara terperinci dan mendalam, dari bentuk kepimpinan wanita secara umum, kontemporari (Indonesia), tradisional (Pesantren) dan Perundangan Islam.

⁷¹ Mastuki HS dkk, *Manajemen Pondok Pesantren*, (Jakarta, Diva Pustaka, Cetakan 2: 2005), 23.

2.2 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita Secara Umum

Sebahagian besar penulis menyatakan bahawa konsep kepimpinan berkait rapat dengan proses penekanan dan pengaruh kepada orang lain, membimbing, membuat struktur dan terdapat aktiviti kelompok untuk menyamakan persepsi yang sama.⁷² Sebahagian besar penulis literasi kepimpinan juga mempunyai pengertian yang berbeza-beza sehinggakan maksud kepimpinan kompleks dan terasing kepada sebuah visi dan misi yang hampir sama.⁷³

Kepimpinan dalam bahasa Inggeris, *leadership* yang berasal daripada perkataan *leader* ini muncul pada tahun 1300 Masehi yang menunjuk kepada individu sahaja, sedikit berbeza maksudnya dengan perkataan *leadership* yang muncul pada tahun 1800 Masehi.⁷⁴ Kepimpinan ini membawa erti kepada kemampuan seseorang sehingga terbentuk elemen-elemen untuk memimpin dan mencapai cita-cita yang diinginkan, Antara elemen tersebut adalah:

- a. Rasa hormat (*Respect*).
- b. Kepercayaan (*Trust*).
- c. Pengakuan (*Recognize*).
- d. Kesetiaan (*Royalty*).
- e. Ketaatan (*Obedience*).

Makna kepimpinan tidak terlepas daripada perkataan memimpin yang mempunyai banyak maksud, seperti memegang tangan seseorang sambil berjalan, memandu, melatih dan mendidik. Selain itu, terdapat juga perkataan terpinpin dan

⁷² Triantoro Safaria, *Kepemimpinan*, (Yogyakarta, Graha Ilmu: 2004), 4-5.

⁷³ Wahjosumidjo, *Dasar-dasar Kepemimpinan dan Komitmen Kepemimpinan Abad XXI*, (Jakarta: Lembaga Administrasi Negara: 2000), 4-5.

⁷⁴ Veithzal Rivai dan Dedy Mulyadi, *Kepemimpinan dan Perilaku Organisasi*, (Jakarta, Rajawali Press: 2012), 6.

pemimpin.⁷⁵ Boleh juga dilihat makna kepemimpinan melalui pelbagai sudut pandang yang berbeza seperti berikut:

- a. Mullins⁷⁶ dalam bukunya lebih menekankan bahawa makna kepemimpinan adalah suatu konsep yang mempengaruhi perilaku atau tindakan seseorang kepada orang lain. Kepimpinan dalam definisi yang sedemikian dapat berlaku sama ada dalam organisasi rasmi atau tidak rasmi dalam sebuah kelompok.⁷⁷ Maka, kepemimpinan lebih tertumpu kepada kelompok tersebut dan proses mempengaruhi tetap berlaku walaupun tiada ikatan yang kuat dalam sesebuah organisasi yang lebih menitikberatkan sebuah fungsi yang bukan bergantung kepada struktur sahaja.⁷⁸
- b. Freeman, Gilbert⁷⁹, dan Stoner⁸⁰ menyatakan bahawa makna kepemimpinan adalah mengarahkan ahli-ahli yang ada untuk menjalankan tugas-tugas yang telah ditentukan.
- c. Sedarmayanti pula menyatakan bahawa makna kepemimpinan adalah kemampuan seseorang untuk mempengaruhi orang lain melalui dirinya sendiri dengan cara tertentu sehingga perilaku orang lain berubah atau menjadi integrasi.⁸¹ Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi, tetapi mengajak untuk meluahkan idea-idea

⁷⁵ Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan, *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*, Edisi Kedua, Cetakan 10, (Jakarta, Balai Pustaka: 1999), 769.

⁷⁶ Mullins. Laurie J, *Management and Organisational Behavior*, 7th edition, (Essex, Pearson Education Limited: 2005), 282.

⁷⁷ Hemphill J.K, dan Coons A.E, Development of the Leader Behavior Description Questionnaire, in R.M Stogdill & A.E Coons (Eds), *Leader Behavior: Its Description and Measurement* (Colombus, Bureau of Business Research, Ohio State University: 1957), 7.

⁷⁸ Khatib Pahlawan Karyo, *Kepemimpinan Islam dan Dakwah*, (Jakarta, Amzah: 2005), 5.

⁷⁹ Ernie Trisnawati Sule, *Pengantar Pengurusan*, (Jakarta, Kencana: 2009), 225.

⁸⁰ T. Hani Handoko, *Pengurusan*, Edisi 2, Bab 14, (Yogyakarta, BPFE: 2003), 306.

⁸¹ Sedarmayanti, *Reformasi Administrasi Public, Reformasi Birokrasi dan Kepemimpinan Masa Depan*, (Bandung, Rafika Aditama: 2009), 121.

yang dimiliki⁸² dengan cara menggerakkan sumber daya institusi, politik, psikologi dan pelbagai sumber.

- d. Hary S. Truman menyatakan bahawa kepimpinan boleh membawa erti kepada kemampuan untuk mengabaikan apa sahaja yang tidak disukai dan melakukan apa sahaja yang disukai.⁸³
- e. Hisyam al-Thalib (*Training Guide for Islamic Workers*) menyatakan bahawa kepimpinan ialah proses menggerakkan manusia menuju ke arah sesuatu yang diinginkan dengan lahirnya motivasi tanpa ada sebuah paksaan kerana seperti yang diketahui kebanyakan penulis menyatakan bahawa makna kepimpinan adalah kekuasaan berorganisasi dalam sebuah komuniti sosial dan negara.⁸⁴
- f. E.H Schein⁸⁵ juga menjelaskan bahawa kepimpinan adalah kemampuan untuk bertindak di luar budaya untuk memulakan proses perubahan sebuah evolusi agar boleh diadaptasi.

Secara umum makna kepimpinan adalah sebuah kemampuan, keperibadian dan kewibawaan untuk meyakinkan bahawa dia adalah seorang pemimpin yang perlu dihormati dan ditauladani oleh ahlinya.⁸⁶ Bentuk keperibadian yang terpuji tersebut dijadikan contoh untuk melaksanakan tugas-tugas dengan penuh semangat, hati tanpa ada paksaan untuk para

⁸² Sondang P. Siagian, *Filsafat Administrasi*, (Jakarta, Gunung Agung: 1985), 28.

⁶³ J.M. Burns, *Leadership*, (New York, Harper & Row: 1978), 18.

⁸³ Miftah Thoha, *Kepemimpinan dalam Pengurusan, Suatu Pendekatan Perilaku*, (Jakarta, Raja Grafindo Persada: 1995), 63.

⁸⁴ Arnold S. Tonnenbaum, *Leadership in Sociological Aspects*, dalam David L. Bills (ed.) *International Encyclopedia of The Social Sciences*, Vol. IX, Cet. 10, (New York, The Micmillan Company & The Free Press: 1972), 10.

⁸⁵ E.H Schein, *Organizational Culture and Leadership* (2nd Ed), (San Frasisco, Jossey Bass: 1992), 2. R.J House, *A Theory of Charismatic Leadership*, In J.G Hunt and L. L. Larson (Eds), *Leadership: The Cutting Edge* (Carbondale, Southhern Illinois University Press: 1976), 184.

⁸⁶ M. Ngalim Purwanto, *Administrasi dan Supervisi Pendidikan*, (Bandung, PT. Remaja Rosdakarya: 2006), 26.

ahlinya.⁸⁷ Ini adalah satu cara untuk mempengaruhi orang lain dengan kemampuannya.

Dalam perkara ini Stodgill menyatakan: “*There are almost as many definitions of leadership as there are persons who have attempted to define the concept*”.⁸⁸ Walaupun demikian terdapat kesepakatan bahawa kepemimpinan mencakup suatu proses pengaruh.⁸⁹ Kepimpinan juga menyangkut perkara mengatasi perubahan untuk menetapkan arah pelaksanaan suatu visi, misi untuk hadapan.

Namun, beberapa ilmuan berbeza pendapat dalam menentukan syarat yang selayaknya dimiliki oleh seorang pemimpin iaitu:

Hani Handoko⁹⁰ dalam bukunya menjelaskan bahawa Keith Davis menyatakan bahawa ada empat syarat yang mempunyai pengaruh besar dalam sebuah kepimpinan bagi seorang pemimpin iaitu:

- a. Kecerdasan minda.
- b. Berkemampuan dalam berhubungan sosial dengan masyarakat.
- c. Bermotivasi dan terus meningkatkan prestasi untuk masa hadapan.
- d. Toleransi.

W.A Gerungan⁹¹ juga menyatakan bahawa seorang pemimpin perlu memenuhi syarat-syarat sebagai berikut:

⁸⁷ M. Ngalim Purwanto, *Administrasi dan Supervisi Pendidikan*, (Bandung, PT Remaja Rosdakarya: 2006), 26.

⁸⁸ Ralph M Stodgil, *Handbook of leadership: A Survey of the Literature*, (New York, Free Press: 1974), 259.

⁸⁹ Wayne K Hoy and Cecil G. Miskel, *Educational Administration: Theory, Research, and Practice*, 2th edition, (New York, Random House: 1982), 220.

⁹⁰ Hani Handoko, *Pengurusan*, (Yogyakarta, BPFE: 1995), 297.

⁹¹ W.A Garungan, *Psikologi Sosial*, Cetakan. II, (Bandung, Eresco: 1967), 138.

- a. *Social Maturity and breadth* (kematangan jiwa sosial) iaitu mempunyai kebijaksanaan dalam melihat dan sensitif terhadap apa sahaja yang timbul dalam masyarakat persekitaran.⁹²
- b. *Ability in Abstract Thinking* (kemampuan berfikir secara abstrak) iaitu seorang pemimpin perlu mempunyai kecerdasan otak dan kebijaksanaan yang tinggi menggunakan tafsiran dalam pelbagai permasalahan fizikal atau spiritual.
- c. *Emotional Stability* (keseimbangan emosi) adalah tidak cepat marah kerana orang yang cepat marah tidak selayaknya menjadi seorang pemimpin kerana sangat berpengaruh pada keharmonian sebuah organisasi.
- d. *Inner Motivation and Achievement Drives* maksudnya adalah seorang pemimpin selayaknya menyelesaikan tugas-tugas dan secara tidak langsung termotivasi untuk melakukan dengan lebih baik.

Beberapa penulis lain juga menyatakan bahawa ada beberapa syarat untuk menjadi seorang pemimpin dalam sebuah kepimpinan seperti berikut:

- a. Mempunyai sifat keunggulan, kesungguhan diri sendiri dalam bekerja dan berani.⁹³
- b. Mempunyai kecerdasan dan intelektual yang tinggi.

Seorang penulis menyatakan bahawa terdapat beberapa syarat yang lazim bagi seorang pemimpin dalam sebuah kepimpinan di peringkat global iaitu seperti berikut:

- a. Jujur dan bersikap amanah.

⁹² Effendy, *Pengurusan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Ajaran Islam*, (Jakarta, Bhratara Aksara: 1986), 55.

⁹³ Muhammad Syafi'i Antonio, *Muhammad S.A.W: The Super Leader Super Manager*, (Jakarta, PLM: 2007), 27.

- b. Berintegriti⁹⁴.
- c. Mempunyai semangat untuk mencapai cita-cita, tabah, dan tekun dalam bekerja.
- d. Percaya pada diri bahawa dia mampu untuk memimpin sesebuah organisasi.
- e. Mampu berfikir idea-idea yang berinovasi.

Berkaitan dengan bentuk kepimpinan boleh sahaja seorang pemimpin menjadi sangat autoriti dan bersikap diktator kerana mempunyai pengaruh, wibawa, kekuatan dan kekuasaan. Bentuk kepimpinan yang seperti ini boleh dikelaskan sebagai corak lama kerana tidak laku. Oleh itu, banyak bentuk kepimpinan dengan model baharu yang lebih diterima oleh masyarakat umum.

Beberapa ahli dalam bidang kepimpinan mengibaratkan kepimpinan wanita sebagai fenomena atap kaca (*glass ceiling*) iaitu sebuah cecahan yang tidak terlihat tetapi pada kenyataannya sangat melebihi kaum lelaki dan membawa kepada sebuah kejayaan yang nyata.⁹⁵ Fenomena yang ada menunjukkan bahawa wanita banyak berada di tampuk kerusi pimpinan di pelbagai sektor, contohnya, pengetua sekolah, ketua daerah, pengarah perusahaan, direktor bank dan lain-lain. Dalam perkara ini, boleh disimpulkan bahawa wanita adalah makhluk yang mampu menjalan dan menyelesaikan banyak perkara (*multi tasking*) dan semua pekerjaan boleh dilakukan dengan konsentrasi yang sama bahkan lebih cepat dalam menyelesaikan persoalan. Selain itu, wanita lebih cenderung mempunyai bakat untuk menjalin *networking* dan melakukan negosiasi. Berbeza dengan lelaki yang kurang mampu menghadapi pelbagai persoalan dan lebih cenderung menyelesaikan persoalan satu persatu.

Keberjayaan wanita dalam perkara kepimpinan di tengah masyarakat memberikan sumbangan yang besar pada masa hadapan. Sumbangan-sumbangan itu

⁹⁴ Burt Nanus, *The Leader's Edge: The Seven Keys to Leadership in a Turbulent World*, (New York, Contemporary Books: 1989), 81-97.

⁹⁵ Bass B.M, and Avolio B.J, *Improving Organizational Effectiveness: Trough Transformational Leadership*, (London, SAGE Publication: 1994), 75.

terlihat dengan jelas kerana wanita mempunyai beberapa bentuk dan corak yang tidak jauh berbeza daripada lelaki⁹⁶ seperti berikut:⁹⁷

- a) Seorang pemimpin wanita cenderung lebih dekat dan berkonsultasi dengan kakitanganya untuk membina strategi masa hadapan dan menimbulkan sebuah kepercayaan dan keyakinan.
- b) Seorang pemimpin wanita mempunyai sebuah kecenderungan alami untuk menyelesaikan semua tugas dan persoalan dalam waktu yang sama.
- c) Bentuk persaingan seorang wanita dalam perkara kemajuan suatu organisasi cenderung lebih kecil berbanding seorang lelaki dan mampu mengembangkan jaringan yang kuat untuk mencapai kejayaan profesional.
- d) Seorang pengetua wanita lebih bijak berkomunikasi dan menganalisa idea-idea pelbagai pihak sebelum membuat suatu keputusan akhir.⁹⁸

Berdasarkan bentuk yang telah disebutkan di atas semua identiti dan perilaku yang secara rutin ditonjolkan dalam kepimpinan wanita dalam posisi mereka dalam masyarakat sebagai pengasas atau pengetua yang tidak berhubung langsung dengan pemerintahan dan kendalian orang lain sangatlah berbeza. Pendekatan seorang pengetua wanita kepada kakitangan dan pelajar memberi kemudahan untuk memberikan transformasi pelbagai cabang ilmu, pendidikan dan pengajaran.

⁹⁶ Baron dan Keney, *The Moderator Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research, Conceptual, Strategic, and Statistical Consideration*, Journal of Personality and Social Psychology, 1986.

⁹⁷ Eagly A.H., and Johnson B.T., *Gender and Leadership style: A Meta Analisis CHIP Documents*, Paper 11, 1990.

⁹⁸ Soejitno Irmin & Abdul Rochim, *Bekal Minimal Seorang Pemimpin*, (Jakarta Selatan, SELARAS: 2008), 41.

2.2.1 Gaya kepemimpinan yang Pelbagai

Terdapat beberapa gaya kepemimpinan yang boleh dijadikan contoh oleh orang bawahan dan gaya tersebut mampu untuk menentukan bahawa seorang pemimpin sudah layak untuk menjadi seorang pemimpin yang ideal. Malayu Hasibuan⁹⁹ menyatakan bahawa terdapat tiga gaya dalam kepemimpinan iaitu:

a. Kepimpinan-bersifat Autoriti

Iaitu kepemimpinan yang berkuasa, dan setiap keputusan adalah hak mutlak bagi pemimpin, orang bawahan adalah tidak dibenarkan untuk melontar pandangan dan idea dalam menyelesaikan sesebuah permasalahan, orang bawahan hanya boleh melaksanakan keputusan yang telah ditetapkan oleh seorang pemimpin.¹⁰⁰ Orang bawahan boleh menyumbang idea tetapi hanya sebagai *lips service*.

b. Kepimpinan Partisipatif

Iaitu kepemimpinan yang dilakukan dengan cara meyakinkan, menyemai kepercayaan, kerjasama antara pemimpin dengan orang bawahan¹⁰¹. Dalam mengambil keputusan seorang pemimpin perlu mempertimbangkan idea dan saranan daripada orang bawahan dan mewajibkan penyertaan mereka secara langsung. Lazimnya, kepemimpinan begini turut dikenali sebagai pengurusan terbuka.

c. Kepimpinan Delegasi

Iaitu kepemimpinan di mana seorang pemimpin diberikan kuasa secara penuh dan pemimpin tidak ambil peduli cara orang bawahan melaksanakan pekerjaannya kerana pemimpin tiada peraturan yang tetap. Setiap cara kepemimpinan yang

⁹⁹ Drs. H. Malayu Hasibuan. S. P, *Pengurusan Sumber Daya Manusia*, (Jakarta, PT Bumi Aksara: 2007), 170.

¹⁰⁰ Boone L.E, dan Kurtz D.L, *Contemporary Business* (1st Ed), (Jakarta, Salemba Empat: 2007), 21.

¹⁰¹ Dessler, *Pengurusan Sumber Daya Manusia*, Edisi Bahasa Indonesia, Jilid 2, (Jakarta, PT Gramedia: 2002), 27.

diamalkan adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mendorong semangat dalam berorganisasi.

Menurut buku yang ditulis oleh Ratnaningsih¹⁰², beliau telah membahagikan pelbagai gaya kepimpinan kepada dua kelompok sebagai berikut:

a. Gaya Kepimpinan Transformasional

Suatu bentuk kepimpinan yang mana seorang pemimpin dan orang bawahan mempunyai motivasi dan moral yang tinggi. Oleh itu, sebahagian ilmunan berpendapat makna daripada kepimpinan transformasi adalah kepimpinan yang mencipta kepimpinan yang berkarisma¹⁰³ iaitu dengan menetapkan wawasan dan memupuk sikap hormat dan kepercayaan antara pemimpin dengan orang bawahan serta memberi bimbingan dan latihan secara khusus dan peribadi.

b. Gaya Kepimpinan Transaksional

Gaya kepimpinan ini lazimnya seorang pemimpin dan pengikut akan menggunakan sistem tawar menawar (*exchange process*) iaitu seorang pemimpin memberikan senarai segera dan nyata kepada orang bawahan untuk melaksanakan arahan.¹⁰⁴

Daniel Goleman¹⁰⁵ dalam bukunya yang berkaitan dengan kepimpinan menyebutkan ada beberapa gaya kepimpinan yang perlu kita ketahui iaitu:

¹⁰² Ratnaningsih E, *Persepsi Gaya Kepimpinan Transformasional dan Gaya Kepemimpinan Transaksional dan Pengaruhnya Terhadap Produktivitas dengan Motivasi Sebagai Intervening Variable*, Jurnal Ekonomi Janavisi, Vol. 12, No. 2, 2009.

¹⁰³ B.M Bass, B.J. Avolio, D.I. Jung, dan Y. Berson, Predicting Unit Performance by Assessing Transformational and Transactional Leadership, *Journal of Applied Psychology*, Vol. 88, No. 2, 2003, 207218.

¹⁰⁴ B. M Bass, *Leadership: Good, Better, Best, in Organizational Dynamics*, (New York, Free Press: 1990), 40.

¹⁰⁵ Daniel Goleman, *Primal Leadership: Kepemimpinan Berdasarkan Kecerdasan Emosi*, (Jakarta, Gramedia Pustaka Utama: 2004), 20.

a. Kepimpinan Koersif (*Coersive Style*)

Kebijaksanaan dan tuntutan pemerintahan yang perlu dipenuhi dengan kadar segera tanpa ada idea-idea, inisiatif dan fleksibiliti daripada orang bawahan.

b. Kepimpinan Autoritatif (*Authoritative Style*)

Gaya kepimpinan yang mana pemimpinnya menggerakkan sebuah visi dan misi yang jelas dan berani untuk bertindak dalam mencapai target bagi meningkatkan karisma dan jati diri yang tinggi.

c. Kepimpinan Afiliatif (*Affiliative Style*)

Iaitu gaya kepimpinan yang lebih menilai emosi individu melalui tugas-tugas untuk mewujudkan keharmonian dan kesetiaan di antara pemimpin dan orang bawahan. Gaya kepimpinan seperti ini dapat mengelakkan kesalahan.

d. Kepimpinan Demokratik (*Democratic Leadership*)

Iaitu seorang pemimpin yang mempunyai rasa hormat dan tanggungjawab akan memberi kebebasan kepada orang bawahan untuk mencadangkan inisiatif dan melontar idea-idea demi kepentingan sesebuah organisasi. Dalam pengambilan keputusan, seorang pemimpin yang demokratik akan melakukan undian suara demi mendapatkan keputusan yang sesuai.¹⁰⁶

e. *The Pace-Setting Leader*

Iaitu pemimpin yang menetapkan piawaian yang tinggi kepada orang bawahan dan memberikan tentangan untuk mencapai target yang tinggi melalui bimbingan secara maksimum dalam pimpinan.

¹⁰⁶ Daryanto, *Kepala Sekolah Sebagai Pemimpin Pembelajaran*, (Yogyakarta, Gava Media: 100), 34. .

f. The Commanding Leader

Iaitu gaya di mana seorang pemimpin memberikan arahan kepada orang bawahan dan melakukan kawalan yang ketat agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan sebaiknya. Gaya seperti ini sangat diperlukan untuk menangani orang bawahan yang bekerja tidak mengikut kesesuaian dan kemampuan diri. Gaya ini sesuai untuk dilaksanakan ketika berhadapan dengan waktu kritikal dan memerlukan tindakan segera.

Dari perjalanan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam mengelola pesantren nampak sekali bahawa corak kepimpinan yang Nyai punyai dan keahliannya dalam ilmu keagamaan. Pola kepimpinan Nyai Nyai Hj. Masriyah Amva merupakan suatu revolusi dalam tradisi kepimpinan pesantren. Bentuk cabaran yang sering ada ketika seorang pemimpin wanita menjadi pengetua adalah apakah Nyai mampu bertahan dan mengindari pengaruh eksternal yang bereksistensi virus bagi pesantren.

2.3 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita dalam Perundangan Islam

Dalam manhaj Islam, kepimpinan mempunyai nilai fundamental kerana masyarakat dan pemimpin saling berkongsi sebuah institusi yang sama. Seorang pemimpin mempunyai tugas yang berat seperti mengatur manhaj dan pergerakan institusi demi mencapai tujuan yang akan mengekalkan kesejahteraan dan keutuhan umat Islam di dunia bagi mendapatkan reda Allah SWT.

Kepimpinan Islam bukan hanya dirasai oleh Islam sahaja, tetapi juga agama lain, kepimpinan Islam akan memberikan prospek yang cerah bagi kelangsungan hidup masyarakat pada era globalisasi ini, kerana model dan teori kepimpinan yang telah diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah kepimpinan yang sangat memberi impak

terhadap perkembangan umat Islam kelak.¹⁰⁷ Kebanyakan pengkaji yang mengkaji tentang kepimpinan akan mengemukakan beberapa makna kepimpinan yang berbeza, sehingga konsep kepimpinan selalu menjadi pertindihan kerana sifatnya yang kompleks dan pelbagai.

Dalam Islam, kepimpinan mempunyai kedudukan yang eksklusif, tinggi dan mulia. Kepimpinan juga merangkumi aspek kehidupan manusia, juga tugas sebagai seorang pemimpin. Seorang pemimpin melaksanakan prinsip kepimpinan untuk menegakkan kebenaran dan bertanggungjawab ke atas apa yang dipimpin, menutup jalanjalan yang menjurus kepada kelalaian dan mencegah rakyat daripada perbuatan yang melampaui batas.¹⁰⁸ Pemimpin adalah seorang wakil yang diberikan amanah untuk melindungi kemaslahatan rakyat daripada aspek politik, ekonomi, sosial atau budaya.¹⁰⁹

Kepimpinan secara umum tidak jauh beza dengan metod kepimpinan dalam Islam. Secara etimologi, makna kepimpinan dalam Islam adalah *khalifah*, *ulu al-amri*, *imām* dan *mālik* yang mempunyai kemampuan dan tindakan untuk memimpin.¹¹⁰ Istilah tersebut memiliki makna yang hampir sama iaitu daya, tindakan memimpin dan kualiti seorang pemimpin. Kepimpinan juga boleh diertikan sebagai suatu kemampuan untuk mengajak orang lain agar mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.¹¹¹ Sedangkan kalimah *khalifah* terdiri daripada tiga huruf iaitu *kha'*, *lam*, dan *fa'*, maknanya menggantikan atau seseorang yang datang selepas siapa yang datang sebelumnya dan merujuk kepada perubahan generasi atau perubahan kedudukan

¹⁰⁷ Muhammad Syafi'i Antonio, *The 100: Ranking Of the Most Influential Person in History*, (New York: 1978), 33.

¹⁰⁸ Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jamī' al-Bayan al-Ta'wīl fī Tafsīr al-Qur'ān*, Cet. VII, (Mishr, Muṣṭafa al-Bab Al-Halabi wa Auladuh, 1373 H/1954 M), 77.

¹⁰⁹ Munawir Syadzali, *Islam dan Tata Negara*, (Jakarta, UI (Universiti Indonesia Press): 1990), 116.

¹¹⁰ Baharuddin, dan Umiarso, *Kepemimpinan Pendidikan Islam: Antara Teori dan Praktik*, (Yogyakarta, Ar-ruzz Media: 2012), 81.

¹¹¹ *Ibid*: 80.

kepemimpinan.¹¹² Pada dasarnya, *khalifah* iaitu pengganti nabi khususnya Nabi Muhammad SAW, dan merupakan kepemimpinan tertinggi bagi umat Islam. Makna *khalifah* digunakan untuk seorang yang diperintahkan Allah untuk melanjutkan tuntutan Nabi.¹¹³ Maka kita hendaklah merujuk kepada firman Allah SWT:

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: ‘Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi’. Mereka berkata: ‘Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan dan menumpahkan darah, Padahal Kami Senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?’ Tuhan berfirman: “Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”¹¹⁴

Khalifah juga berkewajipan untuk merealisasikan misinya sebagai hamba Allah yang sentiasa patuh terhadap semua perintah Allah. Rasulullah S.A.W bersabda:

“Setiap kamu adalah pemimpin dan tiap-tiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpin”.

Manusia yang diberi amanah dapat memelihara amanah tersebut dan Allah telah melengkapi manusia dengan kemampuan konseptual atau potensi (fitrah). Hadis di atas menjelaskan bahawa pemimpin dan kepemimpinan merupakan *sunatullah* yang melekat dalam diri setiap insan dan berkehendak. Pemimpin dan kepemimpinan adalah suatu perkara yang tidak boleh dipisahkan walau berbeza makna, kerana setiap pemimpin mempunyai jiwa kepemimpinan dan setiap kepemimpinan mempunyai seorang pemimpin.

¹¹² Muḥammad Quraysy Syihāb, *Tafsīr Al-Miṣbah*, Jilid IV, (Jakarta, Lentera Hati: 2001), 362.

¹¹³ Seyyed Hossen Naser, *Ensiklopedi Tematis Spiritualis Islam*, (Bandung, Mizan: 2002), 219.

¹¹⁴ Q.S Al-Baqarah:30.

Sedangkan makna *ulu al-amri* sendiri adalah pemilik urusan dan kekuasaan, seseorang yang mempunyai kekuasaan untuk mengatur dan mengendalikan keadaan. Makna *mālik* bererti seorang yang mempunyai kebebasan untuk memerintah. Sumber kepimpinan dalam Islam adalah Al-Qur'ān dan Sunnah. Sudah semestinya seorang pemimpin Muslim mengamalkan dasar mengikut ajaran agama Islam setiap masa dan di mana juga. Namun, perkara-perkara dan usaha untuk menjalankan amanah bagi seorang pemimpin adalah berikut:

- a. Allah sebagai Tuhan yang wajib ditaati.
- b. Ketaatan kepada Rasulullah adalah wasilah dalam mentaati perintah Allah.
- c. Ketaatan dan kesetiaan para Muslimin kepada seorang pemimpin yang telah dipilih dan diberi kekuasaan oleh masyarakat.
- d. Menetapkan Al-Qur'ān dan Sunnah sebagai rujukan dan perundangan utama dalam menyelesaikan sesuatu perkara..

Dalam kepimpinan Islam seorang pemimpin perlulah tunduk kepada aturan perundangan Islam iaitu melaksanakan hukum dan melaksanakan undang-undang sesuai dengan prinsip dan kaedah-kaedahnya.¹¹⁵ Terdapat makna kepimpinan dalam Islam menurut beberapa ilmuan dan tokoh Muslim adalah seperti:

- a. Ibn Khaldūn¹¹⁶ menyatakan bahawa kepimpinan mempunyai maksud yang sama dengan *khilafah* iaitu menegak hukum dan syariat Islam serta penyebaran dakwah Islam ke santero dunia.

¹¹⁵ Wahbah Al-Zuhayli, *Al-Fiqh Al-Islām Wa Adillatuhu*, Jilid 8, (Beirut, Darul Fikr: 1999), 327.

¹¹⁶ Mujar Ibnu Syarif, dan Khamami Zada, *Fiqh Siyasaḥ Doktrin dan Pemikiran Politik Islam*, (Jakarta Timur, Erlangga: 2008), 25.

- b. Al-Farabī¹¹⁷ juga menyatakan bahawa kepimpinan adalah bentuk koordinasi yang dipimpin oleh seseorang yang memiliki tujuan, keutamaan, kreativiti yang diperlukan dan diterima oleh orang lain dan didasari dengan ilmu teori seperti seorang ahli Falsafah.
- c. Al-Mawardī¹¹⁸ menjelaskan bahawa makna kepimpinan adalah seperti apa yang dikatakan oleh *ulu al-Amri* di dalam Al-Qur'ān iaitu pengganti posisi Nabi dengan kata lain seorang yang mendapat amanah untuk memimpin umat.
- d. Dalam pandangan Syiah kepimpinan umat Islam sebelum wafatnya Nabi adalah dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW sendiri, tetapi setelah wafatnya para nabi maka kepimpinan dipegang oleh keturunan *Ahl al-Bayt* atau Imām 12¹¹⁹, kerana kesucian dan spiritual yang hanya dimiliki oleh keturunan tersebut.¹²⁰
- e. Muḥammad Quraysy Syihāb¹²¹ menjelaskan bahawa makna *khalifah* atau kepimpinan adalah wakil Allah, menerapkan ketetapan dan kebesaran-Nya, bukan kerana Allah tidak mampu dan menyamakan kedudukan dengan-Nya, tetapi kerana Allah memberikan penghormatan untuk menggantikan makhluk untuk menegakkan keadilan.
- f. Mahdi Zainuddin menyatakan bahawa kepimpinan adalah mengamalkan ajaranajaran Islam, sama ada penganut agama itu seorang Muslim atau bukan.

¹¹⁷ Al-Farabī, *Taḥṣīl Al-Sa'ādah*, (Hyderabad, Majlis Dā'irah Al-Ma'rifah Al-Uthmāniyah, 1349 H), 43.

¹¹⁸ Abū Ḥasan 'Alī Al-Mawardī, *Al-Aḥkām As-Ṣulṭāniyyah*, terjemah Fadhlī Bahri, *Hukum-Hukum Penyelenggaraan Negara dalam Syariat Islam*, (Jakarta, Darul Falah: 2007), 23.

¹¹⁹ Imam dua belas itu berasal daripada keturunan Fatimah puteri Rasulullah SAW dan kedua puteranya Ḥasan dan Ḥusayn, kemudian dibatasi pada keturunan Ḥusayn yang berkahwin dengan Khattāb. Lihat, Muhammad Husayn Thabathabai, *Shi'ite Islam*, (Houston, Free Islamic Literature, 1979), 190-211; Dr Ali Ibrāhīm Ḥasan, *Al-Tārikh Al-Islāmī Al-'Ām*, (Kuwait, Maktabah Al-Falah: 1977), 230-231.

¹²⁰ Fadli Su'ūd Ja'farī, *Islam Syiah, Telaah Pemikiran Imāmah Ḥabīb Ḥusayn Al-Ḥabsyi*, (Malang, UIN Maliki Press: 2010), 105.

¹²¹ Muḥammad Quraysy Syihāb, *Tafsīr al-Miṣbah*, vol. 1, (Jakarta, Lentera Hati: 2009), 366.

Bentuk kepemimpinan seperti ini lebih kepada sistem yang dibuat dan cara-cara bagaimana seorang pemimpin mempraktiskannya.¹²²

- g. Abū al-‘Ala Mawdūdī¹²³ menjelaskan bahawa kepemimpinan adalah kekuasaan yang didelegasikan oleh manusia atau wakil Allah untuk melaksanakan kekuasaan sesuai ketetapan Tuhan.
- h. Toto Tasmara dalam bukunya menyatakan bahawa kepemimpinan dalam Islam adalah yang memberikan visi dan misi yang terarah dalam sisi *ruhaniyah*, memberikan tauladan antara satu sama lain dan mengembangkan visi misi yang ada (*Visionary Leadership*).¹²⁴

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa terma yang digunakan untuk menjelaskan makna kepemimpinan iaitu *khalifah*, *ulul al-amri*, *Imām* dan *Mālik*.¹²⁵ Beberapa ulama mentafsirkan daripada ayat-ayat yang berkaitan dengan kepemimpinan dengan beberapa latar belakang yang ada, dan pada dasarnya menyatakan bahawa makna dari kepemimpinan hampir sama. Seorang pemimpin perlu menyeru kepada kebajikan, menolak kezaliman dan menegakkan keadilan.

Jadi, perbezaan antara kepemimpinan secara umum dengan kepemimpinan dalam Islam adalah dalam rangka menjalankan fungsi-fungsi sebagai khalifah Islam berlandaskan AlQur’ān dan Sunnah dan kepemimpinan secara umum yang berlandaskan apa yang ada dalam aspek-aspek tertentu.

¹²² Mahdi Zainuddin, *Studi Kepimpinan Islam*, (Yogyakarta, Al-Muhsin: 2002), 15-16.

¹²³ Abdul Qadir Djaelani, *Negara Ideal Menurut Konsepsi Islam*, (Surabaya, Bina Ilmu: 1995), 153.

¹²⁴ Toto Tasmara, *Membudayakan Etos Kerja Islami*, (Jakarta, Gema Insani Press: 2002), 19-22.

¹²⁵ Al-Raghīb Al-Aṣḫānī, *Mufradāt Alfāz Al-Qur’ān*, (Damsyiq, Dar Al-Qalam: 1992), 18.

Beberapa ulama menjelaskan bahawa dalam pemimpin Islam perlu mempunyai beberapa sifat mahmūdah seperti jujur dan amanah. Al-Mawardī¹²⁶ dalam bukunya, beliau menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan syarat-syarat pemimpin dalam sebuah kepimpinan berdasarkan dengan Al-Qur'ān dan Sunnah iaitu:

- a. Kebijaksanaan yang tinggi dan ilmu yang meluas, bentuk kepintaran ini diperlukan dalam membuat keputusan.
- b. Bersifat adil yang membawa erti mampu untuk menghadapi ragam masyarakat atas prinsip persamaan hak sosial.
- c. Kesihatan jasmani, rohani dan mental yang kuat untuk mengendali masalah persekitaran dan dapat berkomunikasi dengan baik.
- d. Berani berjihad di jalan Allah.
- e. Dikhususkan kepada keturunan *Bani Quraysy*.

Menurut *Mochtar Effendi*¹²⁷ dalam bukunya menyatakan bahawa ada syarat-syarat tertentu untuk menjadi seorang pemimpin iaitu: Seorang Muslim yang beriman, mempunyai mental yang baik kerana mental adalah bukti keimanan dan akhlak, mempunyai keunggulan (fizikal dan intelektual) sebagai tunjang kemajuan suatu organisasi dan berbuat kebaikan.

Islam telah menggariskan panduan untuk memilih pemimpin yang baik dan semestinya kita mengetahui syarat-syarat memimpin dalam sebuah kepimpinan yang telah ditetapkan beberapa ulama dalam Islam, iaitu:

¹²⁶ Abū Ḥasan Al-Mawardī, *Adāb Al-Dunya wa Al-Dīn, Tahqīq: Abd Al-Satar Aḥmad Faraj*, (Beirut, Alam Kutub: 1987), 6.

¹²⁷ Mochtar Effendy, *Pengurusan Suatu Pendekatan Berdasarkan Ajaran Islam*, (Jakarta, Bhratara Karya Aksara: 1986), 227.

- a. Seorang pemimpin hendaklah menjaga agamanya dengan menegak, menjaga dan melaksanakan syariat-syariat Allah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hāj ayat 41 yang maksudnya: *“Mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahatan dan perkara yang munnkar. (Ingatlah) bagi Allah jugalah kesudahan segala urusan”*.

- b. Seorang pemimpin hendaklah mempunyai sikap amanah (*credible*) iaitu memelihara amanah yang telah diterima dan menyelesaikannya dengan penuh rasa tanggungjawab.
- c. Seorang pemimpin mesti bersikap tegas dan berpegang teguh kepada prinsip. Prinsip ini adalah termasuk ketika mengambil tindakan dan memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan perundangan Islam.
- d. *Al-Samāḥah* iaitu menerima pandangan dan berfikiran terbuka dalam segala perkara serta mempunyai keyakinan dalam diri.

Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imrān ayat 134¹²⁸, dijelaskan bahawa seorang yang mempunyai sifat atau ciri seperti ini akan dimantapkan hatinya.

- e. Mempunyai kecerdasan intelektual, spiritual dan emosional dengan memikirkan inisiatif secara tepat, cermat dan cepat ketika berhadapan dengan masalah kepimpinan.

¹²⁸ “Orang yang bertaqwa yang sentiasa mendapat keampunan Allah, kebahagiaan syurga iaitu orang yang menderma hartanya pada masa susah dan senang dan orang yang menahan kemarahannya dan memaafkan orang lain. Dan juga apabila mereka melakukan kesilapan atau menzalimi diri sendiri mereka segera meminta ampun kepada Allah.”

Ada yang berpendapat bahawa seorang pemimpin pesantren diwajibkan memenuhi kriteria sebagai berikut: Pertama, dipercayai masyarakat dan dituntut untuk bersikap jujur, bertanggungjawab dan pantas dalam menyelesaikan masalah. Kedua, Seorang pemimpin mestilah ditaati oleh rakyatnya. Ketiga, seorang pemimpin perlu mempunyai peribadi yang mempesona.¹²⁹

Dalam Al-Qur'ān telah disebutkan bahawa terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tentang syarat dan ciri seorang pemimpin iaitu; berpengetahuan luas dan kreatif dan bertanggungjawab¹³⁰, jujur dan konsekuen¹³¹, disiplin dan produktif¹³², serta kreatif dan tawakal¹³³

Sisi yang menarik untuk diskusi tentang syarat kepimpinan adalah jenis jantina yang dibenarkan untuk menjadi seorang pemimpin iaitu lelaki atau wanita. Dalam kitab suci Al-Qur'ān sendiri telah dijelaskan dengan tegas bahawa tiada yang lebih mulia di mata Allah kecuali mereka yang bertaqwa (lelaki atau wanita). Bukan itu sahaja, dalam kehidupan politik, sosial, budaya dan ekonomi seorang lelaki dan wanita mempunyai tanggungjawab yang sama.

Beberapa ulama berpendapat bahawa seorang wanita dibenarkan untuk menjadi seorang pemimpin apabila dia mampu untuk memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditentukan seperti suka membantu, mempunyai kebebasan yang tinggi, dan penuh dengan kasih sayang.¹³⁴

¹²⁹ Imron Arifin, *Kepemimpinan Kyai: Kes Pondok Pesantren Tebuireng*, (Malang, Kalimasahada Press: 1993), 130.

¹³⁰ Q.S Al-Mujādalah, 58:11.

¹³¹ Q.S An-Nisā', 04:58.

¹³² Q.S Al-'Aşr, 103

¹³³ Q.S Al-Qaşaş, 29:77.

¹³⁴ Huzaemah Tahido Yanggo, *Fikih Wanita Kontemporer*, (Bogor, Ghalia Indonesia: 2010), 49.

Menurut Ibn Taymiyah¹³⁵ bahawa seorang yang sesuai untuk menjawat jawatan sebagai seorang pemimpin perlu mempunyai kualiti dalam kekuatan dan integriti. Perkara ini didasari dengan petunjuk daripada Al-Qur'ān dalam surah Al-Qaṣaṣ: 26 yang menyatakan bahawa “Orang yang terbaik yang menjadi seorang pemimpin dalam sebuah kepimpinan adalah seorang yang mempunyai ciri bersungguh-sungguh dan amanah”.

Dalam Islam telah menjelaskan bahawa kepimpinan adalah bebanan (*taklif*) dan amanah, menjadi kewajipan setiap seorang pemimpin untuk mengutamakan kepentingan rakyatnya¹³⁶, walaupun kepimpinan boleh dipelajari, namun untuk menjadi seorang pemimpin yang baik bukan perkara yang mudah. Menurut pandangan tokoh Islam bahawa seorang pemimpin dalam sebuah kepimpinan mempunyai ciri-ciri dan sifat yang khusus, Imām al-Ghazālī menyatakan beberapa ciri bagi seorang pemimpin yang baik iaitu:¹³⁷

- a. Seorang pemimpin yang hidup dengan sederhana dan tidak membazir hartanya.
- b. Seorang pemimpin sentiasa bekerja dengan tenang.
- c. Berusaha untuk memuaskan semua pihak selagi tidak melanggar syariat Islam.
- d. Seorang pemimpin sentiasa berdamping dengan seorang ulama, agar pemimpin itu tidak juga melampau syariah Islam dan tidak terpesong daripada landasan agama yang telah ditetapkan oleh syarak.
- e. Menghindari kezaliman.

Jika merujuk kepada sejarah Islam, terdapat seorang tokoh wanita yang berperanan sebagai pemimpin, memimpin lelaki dan wanita dalam melaksanakan

¹³⁵ Ibn Taymiyah, *Al-Siyāṣah Al-Syar'īyah fī al-Islāh Al-Rā'y wa Al-Rā'iyah*, (Beirut, Dar al-kutub AlArabiyat: 1996), 15.

¹³⁶ Imron Arifin, *Kepemimpinan Kiai: Kes Pondok Pesantren Tebuireng*, (Malang, Kalimasahada: 1993), 45.

¹³⁷ Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan dalam Islam*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka: 1997), 55.

tugasannya sebagai khalifah di muka bumi. Pandangan tentang lelaki dan wanita menurut Al-Qur'ān menjelaskan bahawa lelaki dan wanita adalah ciptaan Allah yang pada hakikatnya berasal daripada satu jiwa, sifat, ciri dan sensitiviti yang sama.

Persamaan bererti sekufu dan setanding, sedangkan identiti dalam sifat dan ciri sebuah kepimpinan boleh dikatakan hampir tiada beza. Namun, perlu diteliti kesesuaian calon tersebut dengan status dan kemampuannya yang dianugerahkan potensi dan kemampuan yang cukup untuk memikul tanggungjawab. Ini membolehkan mereka dapat melaksanakan tugas sama ada bersifat umum dan khusus.¹³⁸

Terdapat empat konsep yang ada pada diri Rasulullah SAW yang sudah baginda terapkan selama menjadi seorang pemimpin dan baginda memberi penekanan daripada aspek ciri kepimpinan yang terbaik seperti; perintis (*path finding*), penyelarar (*aligning*), berdaya saing (*empowering*), dan menjadi contoh (*modeling*)¹³⁹. Semua itu disusuri dengan beberapa sifat asas iaitu; berkemahuan (*passion*), amanah (*trust*), berani (*courage*).¹⁴⁰

Seorang pemimpin yang baik dalam Islam adalah pemimpin yang mempunyai beberapa kriteria yang sesuai, seperti berani menetapkan hukum antara manusia dan merujuk kepada kesanggupan untuk melaksanakan hukum menurut Al-Qur'ān dan Sunnah serta mempunyai kemampuan dan kebolehan dalam melaksanakan pelbagai bidang.

Dalam perkara kepimpinan wanita, sebahagian ulama berpendapat bahawa melarang pencalonan wanita kerana mengemukakan alasan bahawa wanita mempunyai kekangan yang sudah telah menjadi tabiat atau pembawaan mereka, seperti didatangi

¹³⁸ Muhammad Quraysy Syihāb, *Wawasan Al-Qur'ān: Tafsīr Mawḍ'i atas Pelbagai Persoalan Umat* (Bandung, Mizan: 1996), 269-270.

¹³⁹ Stephen R Covey, *The 8th Habit from Effectiveness to Greatness*, (London, Simon & Schuster UK Ltd: 1962), 114.

¹⁴⁰ Warren Bennis, *On Becoming a Leader*, (New York, Addison: 1994), 39-42.

haid setiap bulan berserta keluhannya, mengandung dengan segala penderitaannya, melahirkan dengan segala risikonya, menyusui dengan segala penderitaannya, dan sebagai ibu dengan segala tugasannya. Semua itu menjadikan mereka secara psikologi, fizikal dan pemikiran belum mampu menggalas tugas sebagai pemimpin ataupun ahli Dewan yang bertugas mengawasi pemerintah dan membuat Undang-undang.¹⁴¹

Kesedaran gender yakni seorang yang berhadapan dengan diskriminasi jantina dalam pelaksanaan sistem patriarki dan berupaya untuk menegakkan kesetaraan jantina termasuk melepaskan keluarga daripada hubungan jantina yang hirarki yang dianggap menghancurkan sebuah nilai agama dan merupakan bentuk penghancuran pemerintahan masyarakat Islam seperti Indonesia.¹⁴² Ini semua perlu menegaskan makna dari interpretasi dalil agama kerana dalil agama tidak mungkin menuntut manusia hidup dengan kekerasan. Ertinya, suatu dalil dan interpretasi perlu dipisahkan kerana keduanya sangat berbeza. Dalil agama bersumber daripada Allah SWT, dan interpretasi adalah suatu proses kerja akal manusia yang kebenarannya bersifat relatif.

Masyarakat moden yang berada di bawah tampuk sistem demokrasi, apabila memberi kedudukan umum kepada wanita seperti kementerian, pentadbiran atau Dewan Perwakilan Rakyat tidak bererti bahawa mereka menyerahkan segala urusan mereka kepada wanita. Secara praktiknya tanggungjawab tersebut bersifat kolektif, dijalankan secara bersama-sama oleh sejumlah orang dalam lembaga yang berkaitan dan wanita hanya menanggung sebahagian sahaja.

Perlu diketahui bahawa Islam tidak menindas golongan wanita, malahan wanita diberi jaminan serta hak yang pelbagai. Sebahagian besar negara yang menindas wanita

¹⁴¹ Nani Suwondo, *Kedudukan Wanita Indonesia dalam Hukum dan Masyarakat*, (Jakarta, Ghalia Indonesia: 1981).

¹⁴² Budhy Munawar Rachman at. All, *Penafsiran Islam Liberal atas Isu Jantina dan Feminisme di Indonesia, dalam Rekonstruksi Metodologis dalam Islam*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar: 2003), 32.

dan melarang seorang wanita untuk menjadi pemimpin itu bukanlah menjalankan perundangan Islam terhadap wanita, akan tetapi lebih kepada undang-undang yang diperkenalkan sendiri berdasarkan budaya mereka. Sebaliknya, negara Indonesia yang majoriti Islam mempunyai pandangan yang seimbang terhadap kesamarataan jantina.¹⁴³

Raihan Putri¹⁴⁴ menyatakan bahawa perundangan Islam, selaku aturan agama yang majoriti dianut masyarakat Indonesia membolehkan wanita untuk mengetahui hak dan kewajibannya, memahami tuntunan Islam dengan sempurna, cara-cara mendidik dengan baik, melaksanakan *mu'āmalah* dengan ketentuan yang telah diatur sedemikian rupa, bersikap dan bekerja sesuai dengan kemampuan kewanitaannya sehingga dapat membawa mereka kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Melakukan pelbagai kegiatan yang sifatnya *mu'āmalah* dalam apa-apa bidang, selama wanita tersebut mampu mencerminkan keperibadian Islam dan benar-benar menyedari akan ajaran Islam, sehingga orang akan menghormatinya dalam berkerjaya, kerana dia memiliki etika yang baik sebagai aplikasi daripada *akhlāqul karīmah*.

Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva adalah kepimpinan yang membawa inspirasi dan bersifat sangat proaktif dalam menghadapi cabaran dengan banyak pendekatan, salah satunya adalah *uswatun hasanah*.

¹⁴³ Maftuchah Yusuf, *Kepemimpinan Wanita: Pemikiran Seorang Muslimat*, dalam Tan, Melly G, *Wanita Indonesia Masa Depan*, (Jakarta, Pustaka Sinar Harapan:1991), 38.

¹⁴⁴ Kepala Badan pemberdayaan Wanita dan Perlindungan Anak, Provinsi NAD (Nagro Aceh Darussalam).

2.3 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita di Indonesia

Pada dasarnya kepemimpinan di Indonesia adalah kepemimpinan yang berlandaskan kepada nilai-nilai Pancasila yang menggabungkan kepemimpinan global dan kepemimpinan Indonesia atau biasa disebut dengan “*Kepimpinan Pancasila*”. Sumber utama kepemimpinan Pancasila adalah:¹⁴⁵

- a) Pancasila, UUD 1945 dan GBHN (Garis-Garis Besar Haluan Negara).
- b) Nilai-nilai kepemimpinan global.¹⁴⁶
- c) Nilai-nilai spiritual nenek moyang.¹⁴⁷

Dalam menjawab perkara kepemimpinan pancasila, BP-7 Pusat menyatakan bahawa suatu pemikiran yang berkaitan dengan kepemimpinan yang diterapkan oleh negara Indonesia adalah sebagai berikut:

- a) Seorang pemimpin Indonesia perlu mempunyai sikap dan perilaku yang sesuai dengan nilai-nilai luhur Pancasila.
- b) Seorang pemimpin Indonesia sedia mengikut peredaran zaman dan menyertai kemajuan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi (IPTEK).
- c) Seorang pemimpin Indonesia perlu mempunyai kewibawaan.
- d) Seorang pemimpin Indonesia perlu bertanggungjawab atas semua perbuatannya, dan benar-benar bersifat “*ing ngarsa sung tulada, ing madya mangun karsa, tut*

¹⁴⁵ Daryanto, *Kepala Sekolah Sebagai Pemimpin Pembelajaran*, (Jakarta, Gava Media: 100), 34.

¹⁴⁶ Mengembangkan kompetensi persaingan dalam dunia ekonomi, kompetensi ini didasari oleh sensitivitas budaya lintas budaya dalam berinteraksi dengan para pekerja di Negara lain dengan kebudayaan yang tentunya berbeza.

¹⁴⁷ Nilai-nilai positif dari modernism, intisari dari warisan pusaka berupa nilai-nilai dan Norma kepemimpinan yang ditulis oleh pejuang zaman dulu, dan refleksi dan kontemplasi mengenai hakikat hidup dan tujuan hidup bangsa pada era pembangunan dan zaman moden.

wuri handayani"¹⁴⁸, ertinya yang paling depan memberi contoh, yang tengah berbuat keseimbangan, dan yang belakang member dorongan.

Dalam catatan sejarah kepemimpinan wanita di Indonesia, kiprah sorang wanita tidak boleh dibiarkan sahaja. Catatan panjang sejarah wanita banyak membuktikan bahawa mereka merupakan bahagian penting sejarah besar tertubuhnya negara Indonesia dan pasca kemerdekaan.

Salah satu bukti pencapaian yang jarang berlaku adalah ketika kepemimpinan Megawati menjelang Pemilihan Umum (PEMILU) MPR Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) pada tahun 1999 yang diwarnai oleh penolakan keras parti politik Islam terhadap presiden wanita kerana terjadi kelambanan dalam politik.¹⁴⁹ Pada akhirnya, bentuk penolakan tersebut dihapuskan dan mereka mula membenarkan kepemimpinan wanita dalam konteks negara Indonesia. Salah satu alasan penolakan kepemimpinan wanita di Indonesia adalah kerana sebahagian pemimpin wanita mempunyai corak kepemimpinan demokratik yang biasanya memandang peranannya selaku koordinator daripada pelbagai aspek sehingga bergerak dengan beramai-ramai. Sekalipun begitu, di Indonesia bentuk pemimpin wanita demokratik tetap dipandang sebagai seorang pemimpin terbaik kerana kelemahan yang dimiliki mengatasi kekurangannya.¹⁵⁰

Perspektif kepemimpinan wanita di Indonesia diambil daripada kaitan seorang wanita yang bergerak dalam bidang pemberdayaan wanita kerana persoalan kepemimpinan wanita di setiap daerah menunjukkan suatu pengalaman yang berbeza-beza sesuai dengan latar belakang dan budaya setempat.

¹⁴⁸ Permadi K, *Pemimpin dan Kepimpinan dalam Pengurusan*, (Jakarta, Rineka Cipta: 1996), 88.

¹⁴⁹ M. Sudibjo, *Proses Menuju SI MPR dan Masalah Ketatanegaraan RI*, Analisa CSIS, Tahun XXX, 2001, No.1.

¹⁵⁰ Prof. Dr. Sondang P Siagian M.P.A, *Teori dan Praktek Kepemimpinan*, (Jakarta, Rineka Cipta: 2010), 46-50.

Dalam konteks kepemimpinan wanita di Indonesia jika dilihat daripada realiti masyarakat Indonesia, dalam Pancasila dan UUD (Undang-undang 1945) dituliskan bahawa kedudukan hak-hak berpolitik setiap warganegara adalah dilindungi dan termasuk di dalamnya adalah hak kepimpinan.¹⁵¹ Hal ini dipertegas lagi dengan ketetapan (Garis Besar Haluan Negara) GBHN¹⁵² 1988 dan 1993 yang memberi peluang wanita mendalami ilmu politik, ekonomi dan sosial budaya yang terbuka luas sama seperti lelaki.

Adapun konsep kepimpinan yang menjadi pegangan negara Indonesia adalah kepimpinan yang melahirkan pemimpin-pemimpin yang mempunyai semangat kebangsaan yang kuat, yang menjaga kepentingan rakyat dan bangsanya melebihi kepentingan lain, mempunyai integriti intelektual dan etika moral.¹⁵³ Maka, terdapat warganegara Indonesia mendapatkan gambaran ciri-ciri pemimpin sama ada lelaki ataupun wanita yang mampu mengambil suatu keputusan kuat tanpa mengaitkan dengan parti politik.

Kepimpinan seorang wanita dilihat melalui bentuk kedewasaannya dalam mengatasi pelbagai permasalahan utama yang sesuai dengan bidang kepimpinan tanpa meninggalkan sifat kewanitaannya. Oleh itu, konsep kepimpinan wanita perlu didefinisikan kembali seperti berikut: “*Ciri khas keperibadian pemimpin terletak pada kedewasaan yang merupakan bentuk keperibadian seorang wanita berkembang juga maskulinitas dalam satu keperibadian*”.¹⁵⁴

¹⁵¹ H. A. R Tilaar dan Riant Nugroh, *Kebijakan Pendidikan*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar: 2009), 162.

¹⁵² Haluan Negara tentang penyelenggaraan Negara dalam garis-garis besar sebagai bentuk pernyataan rakyat secara resmi menyeluruh dan terpadu, GBHN ditetapkan oleh MPR dalam kurung waktu 5 tahun.

¹⁵³ Ryan Sugiarto, *Karakteristik Pemimpin Nasional Ideal Menurut Pemilih Pemula Yogyakarta*, *Jurnal Islamic Review*, Vol. 3, No. 1, April 2014.

¹⁵⁴ Noerhadi, dan Toety Heraty, *Wanita dan Kepemimpinan*, dalam Tan Melly G, *Wanita Indonesia Wanita Masa Depan*, (Jakarta, Pustaka Sinar Harapan: 1991), 11.

Karakter kebangsaan Indonesia yang sedikit plural menyimpan sebuah potensi yang rentan pada suatu konflik pada masa hadapan. Perbezaan suatu suku, aras, agama, dan bangsa boleh dijadikan sebagai alasan untuk menambah permasalahan besar.¹⁵⁵ Dari sini, bentuk dan gaya kepemimpinan seorang pemimpin dan bagaimana cara dia berinteraksi dengan orang lain dan membawa pengikut menghadap perubahan dan berubah.¹⁵⁶

Proses desentralisasi¹⁵⁷ di Indonesia memberikan ruang untuk peningkatan kapasiti wanita, penjana semula dalam mempersiapkan seorang pemimpin wanita di dalam kelompok, organisasi wanita. Maka, forum-forum adalah diperlukan bagi golongan wanita untuk saling menguatkan dan berkongsi strategi, serta perlu penilaian terhadap kerja yang dilakukan seorang wanita pada masa kini.¹⁵⁸

Sejarah kepemimpinan wanita di Indonesia melalui proses yang panjang iaitu proses sosialisasi, penguatan, kebudayaan, keagamaan bahkan melalui kekuasaan negara dan undang-undang. Strategi yang dilakukan melalui banyak tentangan seperti yang terkandung dalam (Instruksi Presiden Republik Indonesia)¹⁵⁹ Inpres No. 9 tahun 2002 bertujuan untuk mencapai kesamarataan dan keadilan jantina untuk memperbaiki keadaan dan posisi wanita Indonesia agar setara di pelbagai sektor. Namun, keadaan wanita di Indonesia ketika ini tersepit antara keinginan untuk bekerja, dilarang bekerja dan tidak ingin bekerja dengan alasan tertentu.

¹⁵⁵ Susanto A.B., *The Jakarta Consulting Group on Family Business*, (Jakarta, The Jakarta Consulting Group: 2007), 45.

¹⁵⁶ Bolden R., Gosling J., Marturano, A. and Dennison P., *A Review of Leadership Theory and Competency Frameworks*, Centre for Leadership Studies, (UK, University of Exeter: 2003), 76.

¹⁵⁷ Penyerahan urusan pemerintahan oleh pemerintah pusat kepada daerah otonom berdasarkan asas otonomi, sesuai dengan Undang-Undang No 22 Tahun 2014.

¹⁵⁸ *Gerakan Wanita Bagian Gerakan Demokrasi di Indonesia*, Jurnal Afirmasi, Jakarta, Woman Research Institute, Vol. 2, 2013.

¹⁵⁹ Suatu bentuk peraturan yang dikeluarkan oleh Presiden mengenai pelaksanaan suatu keputusan Presiden yang memuat aturan-aturan teknis.

Oleh itu, keberadaan akses wanita dalam mengisi perjuangan cukup terbuka luas di negara Indonesia, ditambah dengan tunjangan kualiti dan kapasiti menjadi wanita berjaya atau menjadi ibu dalam sebuah rumahtangga sekalipun dianggap tidak mempunyai tarikan untuk memenuhi kepentingan wanita di hadapan masyarakat awam. Sifat semulajadi wanita yang sensitif, intuitif, dan mampu bekerjasama menjadikan proses-proses organisasi menjadi lebih efektif.

2.4 Konsep dan Corak Kepimpinan Wanita di Pesantren

Kepimpinan wanita di pesantren yang dinilai dalam aspek tugas sahaja merupakan satu kejanggalan kerana di dalam sebuah pesantren terdapat unsur pembentukan kehidupan sebagai komuniti dan jati diri ahli keluarga dan masyarakat.

Sebahagian masyarakat Indonesia mengetahui bahawa seorang Nyai yang merupakan pengetua di Pesantren Salaf¹⁶⁰ di Indonesia kebiasaannya merupakan orang kanan atau pembantu bagi Kyai¹⁶¹ secara tidak langsung akan berubah menjadi seorang pemimpin yang akan membincangkan banyak perkara secara bersama. Seorang Kyai sering dikaitkan dengan kebolehan menguasai ilmu Ghaib, yang mana seorang Kyai juga sering dianggap sebagai pewaris para Nabi¹⁶². Bertitik tolak daripada perkara ini menunjukkan bahawa kewujudan Nyai sebagai pengetua amat menarik untuk dikaji,

¹⁶⁰ Pesantren yang mempunyai beberapa karakteristik yang terbatas hanya kepada kitab kuning, intensifikasi musyawarah, atau *bahtsu al-masail*, dan berlakunya system *diniyah*. Martin Van Bruinessen, *NU Tradisi, Relasi-Relasi Kuasa, Pencarian, Wacana Baru*, (Yogyakarta, LKIS: 1999), 21.

¹⁶¹ Istilah kyai bermula dari kemampuan benda-benda kuno yang dimiliki oleh para ulama dan orang terdahulu yang sering disebut penguasa, dan benda tersebut diakui sangat ajaib dan mengandung kekuatan ghaib yang sangat dipercayai masyarakat untuk mententeramkan dan memulihkan kekuasaan sebuah negara, dengan berjalannya waktu istilah kyai dijadikan sebuah panggilan kehormatan kepada sesiapa yang mempunyai keahlian dalam bidang agama.

¹⁶² U. Hasyim, *Mencari Ulama Pewaris Para Nabi, Selayang Pandang Sejarah Ulama*, (Surabaya, Bina Ilmu: 1999), 214.

kerana susuk seorang Nyai mampu memberi impak dan pengaruh dalam membentuk kehidupan komuniti dengan sudut pandang yang berbeza daripada seorang Kyai.

Perkataan *pesantren* berasal daripada perkataan *pelajar* dengan diawali dengan “*pe*” dan diakhiri dengan “*an*” yang ertinya tempat tinggal para penganut agama Islam atau pelajar¹⁶³ iaitu sekolah khas untuk mendalami ilmu agama Islam bagi menjadi insan yang terbaik pada masa hadapan¹⁶⁴, sama ada melalui proses pendidikan secara formal atau tidak formal dengan lebih menekankan terhadap pembelajaran kitab kuning atau kitab lama dan juga pengajian agama.

Peranan lembaga pendidikan pesantren¹⁶⁵ di Indonesia sangat besar kerana jasanya yang mampu untuk mempertahankan keutuhan bangsa dan negara Indonesia. Dengan sistem yang unik lembaga pendidikan, pesantren mampu mempertahankan jati diri mereka ketika bersama masyarakat dengan budaya dan mengekalkan keaslian pendidikannya.¹⁶⁶ Walaupun pada hakikatnya kepimpinan seorang kyai adalah dikatakan lebih menjurus kepada aspek pemilikan saham, moral dan pendidikan agama yang berdisiplin.¹⁶⁷

Bentuk kepimpinan seorang Nyai di pesantren sebahagian besar akan berpegang teguh kepada nilai-nilai luhur yang diyakini. Jenis kepimpinan dalam pesantren lebih menekankan kepada proses-proses yang berkaitan dengan memberikan arahan dan memberikan penilaian khusus dengan beberapa komen yang membina.¹⁶⁸ Bentuk

¹⁶³ Basori, *The Founding Father*, (Jakarta, INCEIS: 2008), 33.

¹⁶⁴ Yasmadi, *Modernisasi Pesantren, kritik Nur Cholis Madjid Terhadap Pendidikan Islam Modern*, (Jakarta, Quantum Teaching: 2005), 61.

¹⁶⁵ Pesantren adalah Sekolah Dasar dan Menengah yang disertai asrama, di mana para santri mempelajari kitab-kitab agama di bawah bimbingan Kyai/Nyai. Ditulis oleh Martin Van Bruinessen, *NU, Tradisi, Hubungan-hubungan Kuasa, Pencarian Wacana Baharu*, (Yogyakarta, LKiS: 1991), 19.

¹⁶⁶ Abdul Mustaqim, *Menggagas Pesantren Transformatif*, dalam *Majalah Aula*, No. 09, Tahun XXV, September 2003, 76.

¹⁶⁷ Dawam Rahardjo, *Pergaulatan Dunia Pesantren: Membangun dari Bawah*, (Jakarta, Perhimpunan Pemegang Pesantren dan Masyarakat: 1985), 46.

¹⁶⁸ Mansur, *Moralitas Pesantren Meneguk Kearifan dari Telaga Kehidupan*, (Yogyakarta, Safiria Insania Press: 2004), 51.

interaksi antara Nyai dan pelajar sangatlah menonjol seperti Kyai, kerana dalam sebuah pesantren beliau lebih menggunakan pendekatan situasi dalam mendidik.

Dalam gaya situasi ini kebanyakan pemimpin lembaga pendidikan memilih atau menggabungkan beberapa gaya iaitu; *telling, consulting, participating*, dan *delegating*. Terdapat beberapa gaya dan bentuk kepimpinan seorang pemimpin pesantren iaitu:

1. Gaya kepimpinan *Religio-Paternalistic* iaitu gaya kepimpinan dengan interaksi antara Kyai/Nyai dengan para pelajar melalui dasar keagamaan yang kuat¹⁶⁹ seperti pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW.¹⁷⁰
2. Gaya kepimpinan *Paternalistic-Otoriter* iaitu gaya kepimpinan yang mana seorang pemimpin memberikan kesempatan kepada para pelajar untuk berkarya dengan memberikan kritikan-kritikan yang bijaksana demi memperbaiki mutu kerja.¹⁷¹
3. Gaya kepimpinan *Legal-Formal* iaitu gaya kepimpinan yang menggunakan fungsi institusi sesuai dengan bidang-bidang yang berkait demi kemajuan pesantren.
4. Gaya kepimpinan yang bersifat alami iaitu seorang pemimpin membuka ruang untuk pemikiran-pemikiran berkaitan dengan kebijaksanaan pesantren, walaupun ia sekadar diterima walaupun tidak dilaksanakan.¹⁷²

¹⁶⁹ Agama merujuk kepada system kepercayaan yang dianuti oleh mana-mana masyarakat dan dikaitkan dengan kuasa daripada sumber tertentu.

¹⁷⁰ Al-Māwardī, *Al-Aḥkām Al-Ṣulṭāniyyah*, (Beirut, Darul Fikri: 1960), 145.

¹⁷¹ Mastuhu, *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*, (Jakarta, INIS: 1987), 80.

¹⁷² Mujamil Qomar, *Pesantren: Dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi*, (Jakarta, Erlangga: 2005), 40.

Sebahagian besar pengkaji yang membuat kajian tentang kepimpinan menyatakan bahawa kepimpinan seorang pemimpin pesantren adalah bersifat karisma. Seorang pemimpin yang berkarisma merupakan anugerah dari Tuhan (*Divinely Inspired Gift*) dan mereka berkemampuan untuk memperoleh dan mempertahankan keutamaan, dengan mudah boleh mengarahkan tugas berkumpulan (*teamwork*).¹⁷³

Definisi kepimpinan sangat bervariasi, banyak pendapat dikemukakan oleh beberapa ahli mengenai konsep atau maksud seperti yang dijelaskan di atas. Tambahan maksud daripada Nyai sendiri diperoleh daripada bahasa Bali, bahasa Sunda dan bahasa Jawa yang bererti wanita muda, adik wanita dan biasa digunakan sebagai nama panggilan.¹⁷⁴ Beberapa ahli menyatakan bahawa Nyai adalah ahli keluarga yang paling dekat dengan seorang Kyai atau seorang wanita yang merupakan sebahagian daripada keluarga Kyai yang menggantikan Kyai selepas wafat.

Kepimpinan wanita dalam pesantren biasanya jarang dilihat dan dikaji oleh pengkaji-pengkaji kerana yang selalu diketengahkan adalah seorang pemimpin lelaki atau biasa disebut Kyai. Walau bagaimanapun, sebahagian besar orang tahu bahawa seorang Nyai dalam pesantren mempunyai peranan besar dalam pengelolaan pesantren perempuan. Mereka juga mempunyai kekuatan khusus dalam pesantren tersebut tetapi tampuk utama tetap dipegang oleh seorang Kyai.

Pengaruh Nyai seperti mempunyai daya motivasi dalam kalangan pelajar di sesebuah pesantren yang mengutamakan pendidikan telah menzahirkan sifat karisma yang beliau miliki. Seni bicara dan berpidato dalam memberikan arahan ditambah pula dengan kebijaksanaan dalam menjiwainya seringkali mendapat sanjungan daripada

¹⁷³ Max Weber, *Essay in Sociology*. Diterjemahkan oleh Noorkholis, *Sosiologi*, (Yogyakarta, Pustaka Pelajar: 2006), 297.

¹⁷⁴ Tineke Hellwig, *Citra Kaum Wanita di Hindia Belanda*, (Jakarta, Yayasan Obor Indonesia: 2007), 36.

masyarakat persekitaran. Ini merupakan sebab yang selalu menimbulkan kepercayaan masyarakat dan diterima dalam kalangan awam.

Karisma adalah kemampuan dan bentuk khusus yang dimiliki seseorang. Kemampuan khusus ini biasanya dinilai oleh masyarakat atas bentuk kepercayaan yang beliau miliki yang umumnya pernah terbukti kemampuan dan faedahnya dalam masyarakat.¹⁷⁵ Daya tarik yang luar biasa dan kemampuan khusus dalam diri Nyai merupakan ciri kepimpinan yang biasanya dimiliki oleh tokoh-tokoh besar, terutamanya bagi seorang Kyai dan Nyai sebagai tokoh agama. Ada beberapa ciri kepimpinan yang dipercayai oleh sebahagian masyarakat iaitu daya tarik yang tidak diketahui alasannya dan kekuatan ghaib yang sangat dipercayai oleh masyarakat serta keturunannya.¹⁷⁶

Pengalaman Nyai Hj. Masriyah Amva dalam merintis dan mendirikan pesantren dengan suaminya melahirkan sebuah kepimpinan yang sangat peribadi sifatnya, bersikap sederhana dalam semua aspek sama ada aspek tingkah laku, pengambilan kebijakan, makanan, dan berpakaian. Sekadar berlandaskan kepercayaan masyarakat dan warga pesantren persekitaran secara mutlak. Maka, disimpulkan bahawa jenis kepimpinan yang dimiliki oleh seorang pemimpin pesantren hanya dimiliki untuk warga dan pemilik pesantren sahaja. Segala permasalahan yang timbul dalam pesantren akan diserahkan kepada pemimpin.¹⁷⁷

Terlepas daripada pola dan bentuk kepimpinan Nyai, Nyai sebagai seorang pemimpin yang mempunyai beberapa peranan penting dalam membentuk budaya organisasi untuk membezakan antara lembaga yang lainnya dengan menggunakan pertahanan dan perlembagaan sedia ada, menjadikan lembaga pendidikan Islam yang

¹⁷⁵ Sarjono Soekanto, *Sosiologi Suatu Pengantar*, (Jakarta, Raja Grafindo Persada: 1990), 311.

¹⁷⁶ Taufiq Abdullah, *Islam dan Masyarakat: Pantulan Sejarah Indonesia*, (Jakarta, LP3ES: 1987), 33.

¹⁷⁷ Muhammad Dawam Raharjo, *Pergulatan Dunia Pesantren*, (Jakarta, P3M: 1985), 138.

bertahan melawan penjajah. Pesantren bukan sahaja memperkaya pengetahuan keIslaman tetapi mendidik kerakter pelajar yang boleh menyatu dengan dirinya.

Pesantren sangat kental dalam mendidik para pelajarnya dengan cara yang berbeza-beza menurut keadaan masing-masing. Nyai Hj. Masriyah Amva berpendapat bahawa kemaslahatan generasi masa depan sangat bergantung kepada kearifan pelajarnya dalam mengelola sumber asli persekitaran. Salah satunya dalam pengelolaan sumber asli yang bermula daripada persekitaran iaitu dengan mendidik para pelajarnya untuk lebih peduli dengan persekitaran. Hanya dengan peduli terhadap persekitaran dapat membolehkan kita untuk peduli dengan sumber asli yang ada. Berdasarkan penjelasan di atas, maka disimpulkan bahawa kepimpinan pesantren terdiri daripada beberapa sifat iaitu *idealized influence*, *inspirational motivation* dan *intellectual stimulation* yang semua itu sesuai dengan prinsip kepimpinan dalam Islam yang merupakan wujud personaliti dalam peribadi Rasulullah S.A.W.¹⁷⁸

¹⁷⁸ Rachmad Ramadani Al-Banjari, *Propetic Leadership*, (Yogyakarta, Diva Press: 2008), 192.

2.5 Kesimpulan

Justeru, konsep, corak, pengurusan, sifat, syarat, dan macam-macam gaya kepimpinan yang telah dibangunkan oleh ulama moden sesungguhnya telah dipantulkan oleh Rasulullah SAW dalam kepimpinan kenabian selama hayat baginda. Para pengetua perlu mencontohi khususnya seorang Kyai atau Nyai sebagai seorang yang mewarisi ajaran kenabian. Oleh yang demikian peranan Nyai dalam sebuah kepimpinan pesantren amatlah besar berganding bahu dengan kaum lelaki dalam pembangunan masyarakat dan Negara. Walau bagaimanapun pesantren disebut sebagai suatu organisasi Islam dalam pendidikan yang memiliki wawasan dan misi yang sangat jelas. Kebersamaan ini menjadikan kepimpinan wanita dalam pesantren kuat dan teratur dalam menstrategikan dakwah kepada sasaran dakwah masing-masing.

Demikian dari itu pengkaji mengambil kesimpulan bahawa pemerksaan kepimpinan wanita dalam atau luar pesantren dapat memberikan kesadaran akan kepentingan sebagai pengimbang gender dalam pembuatan keputusan, dan mampu membantu para pelajar dan masyarakat sekitar terus aktif dalam semua aktiviti.

Di Indonesia wacana perundangan Islam tentang kepimpinan wanita baik tingkat tertinggi dan terendah muncul jauh sebelum Pemilihan Umum (PEMILU0 1999, kerana Indonesia adalah Negara yang majority penduduknya beragama Islam maka sebahagian besar telah mengikuti konsep kepimpinan Islam yang bererti seorang pemimpin mampu mengarahkan dan memotivasi tingkah laku orang lain, sesuai dengan Al-Qur'an dan Hadist untuk kemajuan bersama. Setiap orang yang mempunyai kredibilitas untuk menengahi pertikaian di antara manusia (baik lelaki atau perempuan) maka keputusan hukumnya legal dan sah-sah sahaja.

BAB TIGA

BIOGRAFI, LATAR BELAKANG NYAI HJ. MASRIYAH AMVA DAN PROFIL PESANTREN KEBON JAMBU AL-ISLAMY, BABAKAN, CIREBON

3.1 Biografi Nyai Hj. Masriyah Amva

3.1.1 Latar Belakang Keluarga Nyai Hj. Masriyah Amva

Nyai Hj. Masriyah amva hasil perkongsian hidup antaranya ibunya, *Al-maghfurlah* Hjh. Fari'atul 'Aini dan bapanya *Al-maghfurlah* K.H Amrin wafat pada tarikh 13 Oktober 1896 di perkampungan Pesantren, Babakan, Ciwaringin, Cirebon.

Kedua orang tua Nyai Hj. Masriyah Amva adalah seorang yang bergerak aktif dalam sosial dakwah dan seorang ulama di pesantren lama yang dikenali kerana kegigihan dalam mengajar dan mengamalkan kitab kuning¹⁷⁹ atau lazimnya disebut sebagai kitab klasik dengan ajaran luhur Islam. Kedua-dua abangnya, K.H. Amin dan K.H. Abdul Hannan adalah seorang ulama yang berkarisma dan disenangi bukan sahaja kerana kedalaman ilmunya tetapi juga kerana ketekunan dan kesabarannya membimbing para pelajar dan masyarakat setempat. Nilai-nilai yang diperolehi dalam kitab kuning yang dikaji para kyai adalah yang membentuk keperibadian para pelajar, ketaatan, ketulusan, keikhlasan dan lain-lain.

Sejak kecil Nyai Hj. Masriyah telah hidup di persekitaran pesantren kerana kedua orang tua dari Nyai Hj. Masriyah Amva selalu memberi didikan untuk menjadi seorang guru yang baik untuk para pelajarnya. Kedua ibu bapa Nyai Hj. Masriyah selalu memberikan motivasi agar mempelajari kitab-kitab klasik, menelaah dan mempelajari

¹⁷⁹ Awal mulanya kitab kuning diperkenalkan oleh kalangan luar pesantren persekitaran dua dasawarsa dengan merendahkan (Pejorative), dimaksudkan bahawa kitab tersebut tertinggal oleh zaman, dan dikatakan juga sebagai salah satu penyebab keterbatasan berfikir ummat Islam mendatang. Pada akhirnya kitab kuning diberi nama kitab klasik, *Al-Kitāb Al-Qadīmah*, atau mampu disebut dengan *Al-Kutūb alTūrah* oleh sebahagian oleh ulama dan sekarang dipakai sebahagian besar pesantren traditional.

secara teliti dan bersungguh-sungguh. Oleh itu, sudah menjadi kelaziman amalan Nyai Hj. Masriyah untuk mengajar beberapa kitab klasik dalam bahasa Arab kepada para pelajar. Model pembelajaran merupakan perkara terpenting yang perlu Nyai lakukan untuk menambah ilmu yang beliau miliki ketika menjadi pengetua.

Nyai Hj. Masriyah mempunyai seorang suami yang bernama K.H Abdus Syukur Yasin, suami beliau berstatus bujang pada usia 36 tahun dan berkelulusan sebuah institut perguruan tinggi di Timur Tengah, dan mendapat gelaran Sarjana. K.H Abdus Syukur juga seorang pengetua di Pesantren Candang Pinggan, Indramayu Jawa Barat sehingga kini. Selama perkahwinan beliau dengan K.H Abdus Syukur Yasin, beliau tinggal di beberapa negara termasuk Tunisia untuk tempoh lebih kurang empat tahun kerana suami beliau yang bertugas sebagai kakitangan KBRI (Kedutaan Besar Republik Indonesia) dan setiausaha duta besar, kakitangan ahli politik dan pernah bekerja sebagai kakitangan ahli penerangan, di samping penterjemah tetamu-tetamu negara KBRI (Kedutaan Besar Republik Indonesia).¹⁸⁰

Hasil perkahwinan ini, beliau telah dikurniakan dua orang anak lelaki iaitu Robert Hasyimi dan Mohammad Ibdal. Namun, sebuah kenyataan pahit telah menimpa dirinya apabila perkahwinan beliau dengan K.H Abdus Syukur Yasin dihentam dan Nyai memutuskan untuk bercerai ketika itu. Tekanan terhadap Nyai Hj. Masriyah Amva digambarkan semakin menekan hidupnya apabila beliau telah berkahwin dengan seorang pengikut tarekat Sufi yang sangat '*Jazab*'¹⁸¹ atau kecanduan cinta tertinggi kepada *Ilahi*, sehingga seringkali mengabaikan keperluan diri dan keluarganya.

¹⁸⁰ Temubual dengan salah satu santri dari pesantren Kebon Jambu Al-Islamy, di kediaman Nyai Hj. Masriyah Amva, tarikh 26 Disember 2016, Pukul 14.00.

¹⁸¹ *Jazab* dalam istilah *tasawuf* adalah suatu maqām atau keberadaan di luar kesedaran seseorang, dalam terminologi pesantren ianya seringkali disebut sebagai seorang yang berusaha lebih dekat dengan Allah.

Kenyataan yang beliau hadapi sebagai ibu tunggal atau *single parent* bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dihadapi pada ketika itu. Nyai Hj. Masriyah Amva perlu meneruskan kehidupan dengan kedua anaknya tanpa didampingi seorang suami. Dalam keadaan tersebut, Nyai Hj. Masriyah yang merupakan kyai wanita yang sangat dihormati oleh masyarakat sekitar dan dengan rela hati untuk merendahkan darjat dirinya dengan berniaga keropok demi memenuhi keperluan hidupnya.

Konflik diri yang dialami oleh Nyai. Hj. Masriyah semakin meningkat apabila beliau terpaksa bercerai dengan sang Sufi. Kesannya, beliau semakin terasing daripada masyarakat. Namun begitu unik, walaupun Nyai Hj. Masriyah telah bercerai, beliau tetap memuji sang Sufi sebagai seseorang yang telah mengajar dirinya untuk berdikari. Nyai Hj. Masriyah berasa dicintai yang telah menjadikan dirinya sebagai murid buat sang suami yang secara kasarnya beliau telah terkesan dengan pengabaian terhadap keperluan diri dan keluarganya. Beliau menyatakan bahawa sang sufi itu bukanlah seorang lelaki yang suka merendahkan wanita, bahkan beliau adalah seorang lelaki yang sangat menghormati wanita. Dalam bukunya yang bertajuk "*Menggapai Impian*" menyatakan bahawa ketika beliau berhadapan dengan perceraian tersebut, Nyai masih bodoh dan belum memahami erti kehidupan, sehingga terpaksa menurut keinginannya untuk bercerai. Perkara ini adalah kerana kezaliman pada diri dan anak-anaknya.

Sebagai seorang wanita, isteri dan ibu kepada anak-anak, beliau mempunyai kekurangan dan kelemahan yang begitu banyak. Beliau tidak mampu untuk melunaskan tanggungjawab sebagai ibu, isteri dan wanita yang perlu dilakukan. Beliau juga tidak pandai memasak, pemalas, selalu bangun lewat pada siang hari, keras kepala, gemar

makan di restoran, hobinya yang suka berbelanja, jalan-jalan, pemboros dan lain-lain. Semua itu beliau nyatakan dalam salah satu buku sasteranya.¹⁸²

Setiap perkara yang terjadi telah membuatkan Nyai Hj. Masriyah Amva perlu mencari peneman agar hidupnya menjadi ringan. Nyai juga suka berkomunikasi dengan orang lain dengan harapan orang lain mampu untuk memahami dan membantu kesulitan yang beliau hadapi. Dikatakan bahawa beliau mencari seorang teman yang baik, kuat dan kaya. Namun, pastinya kita sedia maklum bahawa adalah tidak mudah untuk memperoleh keserasian dan kekuhan untuk dijadikan sandaran meskipun yang menjadi pilihan itu merupakan keluarga dan orang terdekat. Perkara ini akan menyebabkan tersebarnya respon negatif kerana ketiadaan simpati, caci maki atau iri hati. Bahkan, walaupun orang sekeliling itu baik akhlaknya, namun pasti terdapat kekurangan. Jadi, jika kita bersandar kepada sesama manusia, hubungan itu akan rapuh, maka bersandarlah kepada Allah.¹⁸³

Selepas beberapa tahun, telah datang khabar gembira apabila Nyai Hj. Masriyah Amva berkahwin dengan seorang Kyai duda yang sangat terkenal dengan kealiman dan ketawadhukannya iaitu K.H Muhammad. K.H Muhammad ialah suami kedua Nyai Hj. Masriyah Amva, bersama suami keduanya inilah beliau telah membangunkan pesantren yang beliau pimpin sehingga kini dan ia dikenali sebagai Pesantren Kebon Jambu Allslamy.

Perkahwinan dengan suami kedua Nyai Hj. Masriyah Amva boleh dikatakan sangat berbeza latar belakang kehidupan mereka yang menjadikan perkahwinan mereka

¹⁸² Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam bukunya yang bertajuk "*Menggapai Impian*", 107.

¹⁸³ Temubual dengan Nyai Hj. Masriyah dengan beberapa santri Pesantren dari Tasikmalaya, 27 disembo 2016, di kediaman Nyai Hj. Masriyah Amva, Pukul 18.00.

sangat kontroversi dan heboh pada waktu itu. Perkahwinan yang wujudnya pro dan kontra. Perkahwinan yang sangat tidak sekufu (sepadan).¹⁸⁴

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy bertempat di Jl. Kebon Jambu No. 1 Desa Babakan, Ciwaringin, Cirebon. Pesantren tersebut adalah pesantren tradisional¹⁸⁵ dengan ajaran ulama *salaf*¹⁸⁶ yang kualiti dan kuantitinya sudah maklum oleh masyarakat sekitar. Di kampung tersebut terdapat banyak pesantren *salaf* tradisional yang sistemnya pelbagai sejak abad ke-16 M.

Kebon Jambu didirikan Oleh KH. Muhammad (Nama panggilan Akang) pada tarikh 20 November 1993 di atas tanah wakaf yang diberikan oleh mertuanya KH. Amrin Hannan apabila sebelumnya beliau berjaya melunaskan amanah gurunya KH. Sanusi yang mengurus Pesantren Kebon Melati dengan bilangan pelajar yang berjumlah hingga 1000 pelajar. Pesantren Kebon Melati yang berada di bawah naungan Yayasan Tunas Pertiwi. Tanah wakaf itu pada mulanya merupakan “*Kebon Buah Jambu Kluthuk*” dan setelah itu menjadi Pesantren. Bagi mengenang sejarah maka diberi sebutan pondok pesantren Kebon Jambu Al-Islamy dan bilangan pelajar yang menjadi pengikut Akang pada waktu adalah lebih kurang 250 pelajar.

KH. Muhammad dilahirkan di Kampung Karang Anyar, Winduhaji, Kabupaten Kuningan, pada tarikh 15 Jun 1947 hasil hubungan perkahwinan antara Bapak H. Aminta dan Hj. Tsani Rohimahumullah. Ketika usianya masih muda, KH. Muhammad ingin mendalami ilmu agama dan pada akhirnya beliau telah memutuskan untuk melanjutkan pengajian di Pesantren Ciwaringin, Cirebon.

¹⁸⁴ Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam bukunya yang bertajuk “*Menggapai Impian*”, 190.

¹⁸⁵ Model Pendidikan pesantren lebih dekat dengan sistem Pendidikan Inggeris yang dikenal dengan *Independent Public School* yang lebih mementingkan pemegang pembinaan karekter (*Character Building*).

¹⁸⁶ Semua budaya yang biasa digunakan oleh komunitas pesantren traditional, contohnya pendidikan *diniyah*, *wirid* selepas solat, *tawassul*, *selamatan*, dan tarawih 20 rakaat.

Pada tahun 1973 KH Muhammad diangkat menjadi pengetua Pesantren At-Taqwa dan dari situlah beliau dikahwinkan dengan anak saudara wanita daripada Kiai Sanusi. Setahun selepas itu, bertepatan pada tahun 1974 KH Sanusi wafat dan KH. Muhammad mulai untuk menggantikan perjuangan sang guru untuk mengajar ilmu agama. Pada tahun 1975 juga keluarga besar Kyai Sanusi memerintahkan untuk merintis dan mendirikan Pondok Kebon Melati. Di bawah kepimpinan KH. Muhammad, pesantren berhadapan dengan perkembangan yang sangat signifikan, setiap tahun bilangan pelajar yang mendaftar untuk belajar semakin bertambah hingga pada awal pertengahan tahun 1990an telah mencapai jumlah seribu pelajar. Semua itu seiring dengan visi dan misi yang selalu beliau terapkan iaitu sabar dan disiplin.

Pada tahun 1992, beliau telah menerima berita duka daripada keluarga KH. Muhammad dan Pesantren, apabila isteri beliau yang bernama Nadhiroh meninggal dunia dengan meninggalkan 6 orang anak iaitu:

1. Mariyah Qibtiyah.
2. KH. Asror Muhammad.
3. Siti Aisyah.
4. Hj. Siti Maryam.
5. Hasan Rahmat.
6. Siti Fatimah (Alm).

Selepas kematian isterinya, KH Muhammad berkahwin dengan Nyai Hj. Masriyah dan beliau telah menjadi pengetua di pesantren Kebon Jambu Al-Islamy. Pada awal penubuhan Pesantren Kebon Jambu yang merupakan pesantren khusus untuk pelajar lelaki, Nyai Hj. Masriyah Amva menyatakan impiannya kepada sang suami

untuk menubuhkan lembaga pendidikan untuk pelajar wanita yang bermula hanya dengan dua pelajar dan kini bertambah menjadi lebih kurang 400 pelajar.

Pada awal pembukaan pesantren perempuan, Nyai Hj. Masriyah hanya menerima pelajar yang tidak bersekolah formal (*takhoşuş*) namun apabila terdapat keluarga kepada pelajar yang menginginkan anaknya untuk tinggal dan menetap di sekolah formal, maka wujudlah beberapa pelajar yang mulai mengikutinya. Peredaran waktu telah membawa kepada perkembangan Pesantren wanita. Hingga ketika ini ramai pelajar wanita yang meneruskan pengajian sehingga di perkuliahan dan dalam kalangan mereka yang telah lulus dan mendapat gelaran Sarjana.¹⁸⁷

Awal penubuhan pesantren wanita semuanya diatur oleh Nyai Hj. Masriyah Amva, dengan bermula daripada menjadi seorang imam solat, pengajian dan lain-lain. Ketika itu pesantren wanita masih terletak di pesantren Kebon Melati yang pada akhirnya berpindah ke pesantren Kebon Jambu.

Nyai Hj. Masriyah Amva bukan sahaja seorang ulama yang dikenali kerana mempunyai reputasi baik dalam kalangan masyarakat tetapi beliau adalah seorang yang berperanan penting untuk kemajuan pendidikan di pesantren. Beliau juga sering disebut sebagai calon ulama besar wanita di peringkat awal kerana pendidikan yang beliau peroleh daripada kedua orang tuanya telah beliau terapkan kepada anak-anaknya. Perkara ini boleh dilihat daripada bentuk usaha beliau dalam memimpin Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Cirebon dengan jumlah lebih kurang 1000 pelajar.

Setiap tahun Jumlah pelajar yang masuk daripada pelbagai daerah terutama wilayah III Cirebon terus bertambah. Melihat kepada perkembangan jumlah pelajar

¹⁸⁷ Temubual dengan Alumni, guru, dan Mahasiswa IAIN Syekh Nurjati, pada tarikh 27 Disember 2016, di Kantor Pengasuhan, Pukul 14.00.

yang begitu cepat, Akang bersama pelajar dan wali pelajar serta masyarakat telah berusaha untuk terus melengkapkan peralatan dan prasarana untuk kegiatan belajar.

Pada tarikh 1 November 2006 bersamaan dengan 9 Syawal 1437 H, pengasas Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy meninggal di Rumah Sakit Pertamina Cirebon. Selepas kematian sang suami, Nyai Hj. Masriyah memimpin pesantren seorang diri. Nyai Hj. Masriyah Amva mula menyediakan sebuah bilik pelajar dan memaklumkan kepada wali pelajar lelaki bahawa pesantren pada ketika itu telah menerima kemasukan pelajar wanita. Satu demi satu pelajar wanita mendaftar, namun hanya bertahan untuk beberapa hari sahaja begitulah seterusnya sehingga tiada lagi pelajar yang mendaftar. Lalu bermula kembali untuk Nyai berusaha meneruskan niatnya dan akhirnya membuahkan hasil.

Bagi memacu keberjayaan organisasi pesantren Kebon Jambu ketika itu, telah dibentuk dewan kepimpinan yang dipimpin oleh K.H. Asror Muhammad (Anak lelaki ke2) yang ahlinya terdiri daripada:

1. K. Syafi'i Atsmari (menantu).
2. K. Syamsul Ma'arif (menantu).
3. K. Shodikin Ali (pelajar senior).
4. Ustad Muhyidin (pelajar senior).

Di samping itu, dibentuk juga Majelis Pembimbing Pesantren (MPP) yang dianggotai para alumni yang tinggal di persekitaran pesantren yang berfungsi dalam memberikan bimbingan dan arahan secara moral untuk perkembangan pendidikan Islam di pesantren.

Selepas kematian Akang, Allah menzahirkan bukti kasih sayang dan perhatiannya kepada keluarga dan anak-anaknya, mereka memiliki masa depan dalam waktu yang singkat. Anak pertama tinggal di rumah pusaka dan mendirikan sebuah pesantren dengan keadaan ekonomi yang cukup dan sudah menunaikan ibadah haji. Anak kedua menetap di pesantren Kebon Jambu dengan Nyai ditambah dengan tanah luas milik isterinya, mempunyai kenderaan yang hebat dan telah menunaikan ibadah haji. Anak ketiga tinggal di tanah wakaf yang diberikan oleh seorang wanita kepada akang semasa hidupnya dan disamping itu beliau membina sebuah sekolah Tsanawiyah, PAUD, TK Al-hidayah, Sekolah Menengah Keatas (SMK) dan pesantren. Anak keempat pula telah berkahwin dengan seorang yang sudah mempunyai rumah dan tanah yang luas. Anak yang terakhir masih lagi melanjutkan pengajian dan belum berkahwin tetapi telah tersedia rumah yang luas untuknya.¹⁸⁸

Perkahwinan dengan suami yang pertama dan kedua Nyai Hj. Masriyah Amva merupakan perkahwinan yang penuh kontroversi baginya kerana keduanya mempunyai sifat yang sangat berbeza dengan Nyai, bagai kutub utara dan selatan. Perkahwinan yang beliau tempuhi pada ketika itu dilakukan demi kepentingan bangsa, agama dan perkahwinan yang beliau anggap sebagai perjuangan di jalan Allah serta perkahwinan sebagai medan peperangan di jalan Allah yang memerlukan penyerahan jiwa dan raga.

Nyai Hj. Masriyah Amva mempunyai beberapa prinsip bahawa anak-anaknya kelak mesti menjadi seorang yang lebih berjaya daripada ibunya, kejayaan yang beliau kecapai dalam memimpin adalah salah satu bentuk usaha beliau selama menjadi *Single Parent*. Sifat yang beliau miliki untuk berinteraksi dengan masyarakat adalah bukti bahawa beliau mempunyai integriti dalam dirinya buat sekian lama.

¹⁸⁸ Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam bukunya yang bertajuk “*Suamiku Inspirasiku*”, 2012-2013.

Sejak kecil, walaupun beliau lahir dari keluarga yang dihormati, tidak pernah perkara ini membuatkan beliau bangga diri dan sombong. Ketika remaja, beliau sudah terbiasa dengan kehidupan berdikari dengan menjual makanan di persekitaran kompleks pesantren milik ayahnya. Beliau bersama kakak dan adiknya telah dididik untuk hidup berdikari. Kalau ingin hidup, usaha untuk dapatkannya sendiri. Sifat berdikari yang beliau miliki sejak kecil menjadikan motivasi untuk lebih bersemangat untuk bekerja dengan lebih keras. Selepas 4 tahun kematian sang suami, beliau tidak pernah lupa untuk selalu bersedekah dengan memberi makan kepada 50 ke 100 orang dengan lauk yang biasa beliau makan setiap minggu. Ini yang telah diajarkan sang suami.

Beberapa tahun selepas kematian suami yang kedua, pada tarikh 9 Julai 2017, Nyai Hj. Masriyah Amva telah kehilangan anak keduanya K.H Muhammad pada usianya 41 tahun. Almarhum Kang Asror menghembuskan nafas terakhirnya pada pukul 05.00 WIB ketika dalam perjalanan menuju ke hospital di daerah Paliman Kabupaten Cirebon. Dimaklumkan bahawa kematian kang Asror adalah disebabkan oleh penyakit jantung yang dideritainya dan kematian beliau itu telah meninggalkan seorang isteri dan 3 orang anak.

3.1.2 Latar Belakang Pendidikan Nyai Hj. Masriyah Amva

Selepas tamat pendidikan Sekolah Dasar dan Sekolah Menengah di kampung halamannya, usia muda beliau dihabiskan di pesantren. Selepas belajar di Pesantren AlMuayyad Solo, di bawah bimbingan KH. Umar, Nyai Hj. Masriyah Amva belajar di pesantren *Al-Badi'iyah* di Pati Jawa Tengah di bawah bimbingan Nyai Hj. Nafisah Saperkara dan KH. Saperkara Mahfudz. Setahun selepas Nyai mengikuti pengajian di pesantren *Dar Al-Lughah wa Da'wah* di Bangil Jawa Timur dan beliau berguru secara

langsung dengan Habib Hasan Baharun dan Nyai Syarifah Khadijah.¹⁸⁹ Beliau yang telah membentuk peribadi Nyai ketika itu. Beliau juga mendapat pengalaman daripada Drs. Azhari Baidhowi dan isteri yang pada ketika itu menjawat jawatan sebagai Kabag Buntal di Pemda DKI Jakarta.¹⁹⁰

Ketika sedang belajar di Bangil inilah beliau berkahwin dengan KH. Syakur Yasin dan diajak untuk menetap di Tunisia selama empat tahun. Nyai Hj. Masriyah Amva juga sempat melanjutkan pengajian di Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Cirebon sehingga semester dua.

3.1.3 Kerjaya dalam Bidang Intelektual dan Politik

Di luar Pendidikan di pesantren, Nyai Hj. Masriyah masih aktif dalam bidang memperkasakan masyarakat, khususnya dalam aspek mempertingkatkan ekonomi masyarakat kelas bawahan. Sesekali, Nyai juga menyertai kegiatan-kegiatan Muslim Fatayat NU (Nahdlatul Ulama), organisasi penasihat Wanita Mawar Balqis dan pusat kajian keagamaan Fahmina Institute. Organisasi-organisasi ini telah melahirkan masyarakat yang tidak kering dengan idea-idea kehidupan.

Barisan juri anugerah yang terdiri daripada Masruchah (Wakil Ketua Komnas Wanita), Listyowati (Direktor Eksekutif Kalyanamitra), dan Luviana (jurnalis KBR 68H) sepakat memilih Masriyah setelah melalui tapisan pemilihan dengan berbelas calon yang lain. Masruchah menyatakan bahawa perjuangan Masriyah mesti dihargai terutamanya kerana kegigihan dan konsistensi yang beliau miliki. Ketika ini, Indonesia sedang berhadapan dengan gerakan intoleransi dan budaya Patriarki dan Nyai

¹⁸⁹ Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam bukunya yang bertajuk "*Menggapai Impian*", 29.

¹⁹⁰ Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam bukunya yang bertajuk "*Menggapai Impian*", 31.

merupakan insan yang berusaha untuk memecah, melawan dan berani berjuang di tengah persekitaran yang hangat dengan isu agama dan fundamentalisme.¹⁹¹

Menjadi pengetua pesantren bukan perkara biasa dalam kalangan ulama. Beliau memimpin pesantren selepas kematian suaminya. Kemudian, Pesantren Tradisional yang beliau pimpin terus berkembang menjadi Pesantren Moden yang telah mengembangkan nilai-nilai pluralisme dan kesamarataan jantina dalam kalangan pelajar dan masyarakat persekitarannya. Beliau juga aktif menterjemah bentuk dan gaya pemikirannya dalam buku-buku sastera hingga beliau telah menerbitkan lebih daripada 12 buah buku sastera dengan cetakan daripada banyak syarikat penerbitan.

Bertitik tolak dengan penghargaan ini, beliau menyatakan bahawa usaha untuk beliau menjadi seorang yang lebih maju, berani dan percaya dengan kemampuan diri untuk berjuang menyuarakan kesaksamaan jantina. Melalui buku-buku sastera yang ditulisnya, Nyai menginginkan kaum wanita untuk lebih berdaya saing, menjadi manusia yang kuat untuk diri dan keturunannya. Sebelum menggapai kejayaan yang ada, beliau pernah mengalami keruntuhan emosi dan semangat selepas kematian suaminya. Namun, dengan segala perkaraangan beliau telah bangkit. Hasilnya, Pesantren yang beliau pimpin kini semakin maju.

Buku-buku sastera yang ditulisnya adalah berdasarkan pengalaman dan pemahamannya terhadap *Tafsīr Al-Qur'ān*, *Hadith* dan kitab kuning yang dipelajarinya. Hampir semua buku sastera beliau menjelaskan tentang pluralisme dan kesamarataan jantina. "*Allah sengaja menciptakan umatnya dengan keadaan yang berbeza, kenapa kita tidak boleh menerima perbezaan yang ada, kata Nyai*".

¹⁹¹ <http://www.nu.or.id/post/read/54029/hj-masriyah-amva-terima-penghargaan-s-k-trimurti>.

Penghargaan ini diberikan kepada jurnalis dan aktivis wanita yang berjuang untuk kebebasan bersuara, kebebasan akhbar dan informasi semasa. Penghargaan ini diberikan pada setiap tahun sejak 2008. Penghargaan ini juga pernah diberikan kepada Masruchah, Hermien Y. Kleden, Maria Farida Indrati, Kathe Vince Dimara, Sethi Susanthi Hudiono dan Yuliati Umrah. Penghargaan ini adalah untuk mengenang semangat Jurnalis tiga zaman, Menteri era Presiden Sukarno dan pejuang Indonesia, S.K. Trimurti.

Keinginan Nyai untuk menulis sastera-sastera tentang kebangkitan adalah ketika beliau membayangkan bagaimana Imām Al-Ghazālī menulis kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Addīn* yang terkenal sebagai kitab pedoman seorang sufi ketika itu. Nyai juga sangat terinspirasi dengan nama-nama besar dalam tradisi intelektual Muslim dalam karyanya iaitu Imām Al-Syafī'i, Ibn Hajar al-'Asqolānī, Imām Nawāwī dan semua yang popular dalam dunia pendidikan pesantren.

3.1.4 Karya-karya Penulisan Nyai Hj. Masriyah Amva

Nyai Hj. Masriyah Amva juga menjadi pengetua wanita tunggal yang paling produktif menulis buku. Buku yang beliau hasilkan lebih daripada 10 tajuk. Semua buku yang beliau tulis adalah salah satu bentuk cerita kehidupan beliau selama menjadi seorang wanita yang banyak menghabiskan masa dengan hanya memikirkan kepentingan pelajar-pelajar dan masyarakat persekitarannya.¹⁹²

Selain daripada wacana kritikal dalam teks-teks keagamaan, sebahagian besar tokoh pesantren membela hak-hak wanita melalui karya sastera seperti yang dilakukan Masriyah Amva yang memecahkan penubuhan budaya patriaki di Pesantren Babakan

¹⁹² Temubual dengan Alumni, guru, dan Mahasiswa IAIN Syekh Nurjati, pada tarikh 27 Disember 2016, di Kantor Pengasuhan, Pukul 14.00.

Ciwaringin Cirebon melalui kemampuannya memimpin dan menguruskan Pesantren Kebon Jambu, Babakan Ciwaringin Cirebon, setelah kematian suaminya, KH Muhammad. Masriyah juga mengkritik dominasi budaya patriaki melalui sejumlah kumpulan puisi serta novel sufismenya. Berikut merupakan karya-karya intelektual Nyai Hj. Masriyah Amva:

1. *Ketika Aku Gila cinta* (2007).
2. *Cara Mudah Menggapai Impian* (2008).
3. *Setumpuk Surat Cinta* (2008).
4. *Ingin Dimabuk Asmara* (2009).
5. *Si Miskin Pergi ke Baitullah* (2010).
6. *Bangkit dari Terpuruk* (2010).
7. *Matematika Allah* (2012).
8. *Umrah Tiap Tahun* (2010).
9. *Rahasia Sang Maha Mengubah Derita Jadi Bahagia* (Kompas, 2012).
10. *Meraih Hidup Luar Biasa Melalui Kekuatan Doa dan Iman* (Kompas, 2011).
11. *Indahnya doa Rasulullah Bagiku dan Doa-doa Lain yang Dipetik daripada Al-Qur'ān dan Para Sholihin* (Kompas, 2011).
12. *Tafakur Cinta* (2015).
13. *Nyanyian Cinta Sang Pemabuk* (Kebon Jambu, 2016).
14. *Menggapai Impian* (Kompas, 2010).
15. *Akang Dimataku* (Salima, 2012).
16. *Doa dan Munajat Wanita* (PT Elex Media Komputindo, 2013).

3.2 Profil Pesantren Kebon Jambu al-Islamy

Pengambilan Nama Kebon Jambu adalah mengikut bentuk usaha untuk mengabadikan aspek sejarah lokasi dan geografinya kerana Pesantren Kebon Jambu al-Islamy dahulu adalah sebuah kebun yang dipenuhi dengan pokok Jambu batu (kluthuk). Nama ini adalah seiring dengan asal sejarah sebagaimana Akang yang lebih mesra dengan panggilan tersebut dan kehormatan K.H. Muhammad yang mengetuai sebuah pesantren yang bernama “Kebon Melati” pada tahun 1975 hingga 1993.

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy pada asalnya diberi Nama Kebon Jambu sahaja, namun pemberian Nama Al-Islamy bermula Pada awal penubuhan Pesantren tersebut. Ketika itu, pesantren banyak menerima sumbangan bantuan buku-buku dan kitab-kitab kuning untuk menubuhkan sebuah perpustakaan daripada sebuah institusi besar di Jakarta. Sewaktu penghantaran tersebut, pasukan penghantar daripada institusi tersebut bingung mencari pesantren Kebon Jambu dan tiada sesiapa yang mengenalinya. Oleh itu, mereka berinisiatif untuk datang ke balai desa bagi mendapatkan maklumat lokasi pesantren tersebut.

Kebingungan terus menyelubungi mereka kerana walaupun disebutkan Nama pesantren yang dicari ialah Pesantren Al-Islamy, namun tiada sesiapa yang maklum. Namun, ahli balai desa itu bertanya tentang Nama pengetua pesantren, dan disebutkan namanya ialah K.H Muhammad. Setelah kejadian itu, Pesantren Kebon Jambu diberi Nama tambahan iaitu Al-Islamy. Ini dilakukan agar proses penghantaran buku-buku dan kitab-kitab sampai alamat yang dituju iaitu Pesantren Al-Islamy. Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy yang dipimpin pengetuanya iaitu KH. Muhammad suami dan Nyai. Hj. Masriyah Amva.

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy terletak di jalan Kebon Jambu No. 1 Desa Babakan Kecamatan Ciwaringin Kabupaten Cirebon 45167 Jawa Barat yang berada

dibawah Yayasan Tunas Pertiwi dengan NSPP: 512321128370. Pesantren Kebon Jambu berstatuskan Tanah Wakaf dengan bangunan Milik Peribadi. Secara geografi Pesantren Kebon Jambu dikatakan sangat strategik kerana lokasinya yang boleh menghubungkan kenderaan antara Kota Bandung dengan Cirebon dan terletak di persekitaran pendidikan yang dikelilingi pesantren salafi lain.

Had kawasan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy adalah seperti berikut:

1. Barat Desa Budur.
2. Timur Ciwaringin.
3. Utara Desa Gintung.
4. Selatan Kasab.

Bagi lambang Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Cirebon dan makna daripada perlambangan tersebut iaitu:

Lambang Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Babakan, Cirebon



Lambang

Makna Lambang

1. Warna Dasar Hijau Muda

Ketenangan, Ketenteraman

2. Dua Bintang Kuning Emas

Dua Cita-Cita yang Tinggi

3. Bola Dunia Putih/ Hijau Tua

Kehidupan Dunia dan Akhirat

- | | |
|---------------------------------------|------------------------------|
| 4. Buah Jambu Muda Hijau Tua | Tunas-Tunas Bangsa dan Agama |
| 5. Garis Putih | Kesucian Jiwa |
| 6. Tambang dan Pita Kuning Emas-Hitam | Ikatan Persaudaraan |
| 7. Garis Hitam Bola Dunia | Menghapuskan Kebodohan |
| 8. Kitab Kuning Emas | Hukum-Hukum Islam |

Maknanya: Menciptakan Ketenangan dan Ketentraman Dunia dan Akhirat Bagi Tunas-Tunas Bangsa dan Agama dengan Menanamkan Rasa Persaudaraan, Kejujuran dan Kesucian Jiwa Serta Menghilangkan Kebodohan menurut Dasar Hukum-Hukum Islam.

Adapun objektif Pesantren Kebon Jambu termasuk Pesantren selatan di Desa

Babakan iaitu:

- a. Bangunan Pesantren Putri.
 1. Rumah Pengasuh.
 2. Surau Aminah Maknun.
 3. Studio.
 4. Dua kompleks: Alia dan Salavina.
 5. Koperasi.
 6. Dua perkarangan: Annisa dan Varia.
 7. Pendopo.
 8. Kawasan penyidai.
 9. Makmal komputer.
 10. Tempat mandi.
- b. Bangunan Pesantren Putera.
 1. Surau untuk kegiatan berjemaah.

2. Rumah pengasuh.
3. Dua kompleks: Makkah dan Arafah.
4. Bangunan madrasah (MA Tunas Pertiwi).
5. Pejabat pusat dan pejabat MTA (Pendidikan).
6. Kawasan *hotspot*.
7. BUMP (Badan usaha milik pesantren).
8. Tempat Mandi.

Keupayaan Masyarakat persekitaran Pondok Kebon Jambu secara umumnya hidup dengan usaha pertanian terutamanya daripada menuai padi dan berdagang. Mereka menganut agama Islam dan taat dengan nilai-nilai agama serta sopan dalam berperilaku, keadaan ini sangat kondusif bagi usaha perkembangan pesantren.

3.2.1 Visi dan Misi Pesantren dan Tugas Utama

1. Visi

Iaitu membentuk peribadi pelajar dan menjadikan mereka umat yang beriman dan bertaqwa dan terus meningkatkan ibadah kepada Allah SWT untuk mendapatkan redaNya. Tunduk dan patuh kepada apa yang diperintahkan agama Islam dalam seluruh aspek kehidupan. Mengimplementasi fungsi khalifah Allah di muka bumi ini (melalui sikap proaktif, inovatif dan produktif).

2. Misi

Iaitu mempersiapkan individu yang unggul dan berkualiti menuju terbentuknya umat yang terbaik yang bermanfaat antara satu sama lain (*khayrul ummah*). Mempersiapkan ulama dan pemimpin ummat (*Munzir al-Qawm*) yang mempunyai kehendak dan

kemampuan untuk melaksanakan dakwah kepada kebaikan, *Amar ma'rūf nahi munkar* dan *Inzar al-Qawm*.

3.2.2 Struktur Organisasi

Pada masa kepemimpinan Nyai Hj. Masriyah seorang pemimpin dipilih secara langsung oleh beliau untuk satu tempoh. Pengurusan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy adalah terdiri daripada:

1. Pembimbing
2. Setiausaha.
3. Bendahara.
4. Beberapa Pecahan.

Setiap pengurus Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy mempunyai tugas dan kewajipan sebagai berikut:

a. Ketua Pondok

- 1) Mengkoordinasi dan memberi perintah serta motivasi dalam setiap aktiviti.
- 2) Mengawal, mengawasi dan meminta tanggungjawab daripada setiap bahagian.
- 3) Menerima dan membuat pembetulan untuk setiap laporan.

b. Wakil Ketua Pondok

- 1) Membantu tugas Ketua Pondok.
- 2) Menggantikan Ketua Pondok apabila beliau mempunyai urusan.

- 3) Melaksanakan mandat yang diberikan oleh Ketua Pondok.
- c. Setiausaha
- 1) Mengumpul dan mengatur dokumen Pesantren.
 - 2) Menyelaras Surat keluar masuk Pesantren.
 - 3) Mengumpulkan pelajar secara berkala serta membuat statistic,
 - 4) Menyelaras kad identiti pelajar, stambuk, silsilah *masyayikh* dan ijazah Pesantren.
- d. Penyelaras kewangan
- 1) Memerhati, mengawal dan mengatur segala yang berkaitan dengan pesantren, kemasukan dan pengeluaran.
 - 2) Mengarah, mendidik dan meminta bertanggungjawab bagi semua tugas yang melibatkan kewangan.
 - 3) Mengawal hutang pelajar dan prosesnya.
- e. Bendahari *Syahriyah* (Bulanan).
- 1) Mengatur, mencatat dan melaporkan kewangan.
 - 2) Menguruskan pembayaran.
- f. Bendahari Simpanan Harian dan Tahunan,
- 1) Mengatur, mencatat, menyusun, dan melaporkan simpanan.
 - 2) Menyelaras buku dan perkara-perkara yang berkenaan dengan simpanan.
 - 3) Menguruskan pembayaran pengambilan.
- g. Bahagian Pendidikan dan MTAS
- 1) Mengatur dan mengawal kestabilan pendidikan pengajian dan MTAS.
 - 2) Mewujud dan melengkapkan alatan dan prasarana pendidikan dan MTAS.
- h. Bahagian keselamatan
- 1) Menjaga dan meningkatkan kestabilan keselamatan pesantren.

Merumus peraturan, memproses dan mengenakan sekatan bagi pelajar yang bersalah.

3) Menyelaras Surat kebenaran sekolah, Surat kebenaran keluar dan surat kebenaran pulang.

4) Melaporkan kewangan secara bertulis dan berkala.

i. Bahagian pembangunan potensi kanak-kanak

1) Menyediakan jadual ko-kurikulum.

2) Pengambilan.

j. Bahagian Kebersihan

1) Memelihara keindahan dan susun atur pesantren.

2) Membersih, dan merapikan tumbuhan dan pokok.

3) Menyelaras kebersihan pesantren pada waktu siang, hari Jumaat dan waktu yang diperlukan.

4) Menyedia, merawat, dan menyusun keperluan peralatan.

k. Bahagian pengairan

1) Mengatur, mengawal dan mengawasi pergerakan air, dan menangani pembaziran.

2) Menyedia, merawat dan menyusun peralatan.

l. Bahagian Ibadah

1) Memimpin setiap waktu solat fardu.

2) Menyusun solat Jemaah.

3) Menyusun peraturan, memproses, dan memberikan hukuman bagi pelajar yang ingkar.

m. Jawatankuasa Kompleks

- 1) Menyelaras dan mengawasi pelaksanaan setiap kegiatan.
- 2) Membantu tugas-tugas jawatankuasa bilik dan bersama-sama menjayakan aktiviti yang diselaras oleh jawatankuasa pusat.
- 3) Menyelaras kewangan kompleks.
- 4) Mengawasi kewujudan pelajar dan melaporkan pelajar yang melanggar keselamatan pusat.

n. Jawatankuasa bilik

- 1) Memimpin dan menyelaras dan menyusun kegiatan pelajar.
- 2) Bersama-sama menjayakan kegiatan yang diselaras oleh jawatankuasa pejabat pusat dan kompleks.
- 3) Mengajar dan mendidik pelajar.
- 4) Menyelaras kewangan bilik pelajar.
- 5) Mengawasi kewujudan pelajar dan melaporkan pelajar yang melanggar keselamatan pusat.

o. Pendidik

Pendidik Pesantren Kebon Jambu berjumlah 119 orang, beberapa orang pendidik merupakan alumni daripada institusi kolej dan sebahagian besar mereka masih lagi duduk dalam masa sektor pendidikan. Majoriti pendidik menetap di dalam Pesantren dengan tujuan untuk mengoptimumkan proses pendidikan dan pengajaran yang berlangsung selama 24 jam. Selain daripada itu, dalam proses pengajaran dan pendidikan, setiap guru mempunyai tugas yang berstruktur dan berfungsi dengan berbeza antara satu sama lain.

3.2.3 Pendidikan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Cirebon

1) Komponen Sumber Daya Manusia

a) Ustaz atau Guru

Di dalam Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy sebutan ustaz lazimnya digunakan untuk tenaga pengajar yang berpengalaman dari peringkat alumni pesantren tersebut atau dibawa dari luar. Para pengajar mempunyai tugas untuk mengajar kitab Islam klasik dan kitab Al-Qur'ān. Selain daripada itu, ustaz juga mempunyai tugas untuk membantu Kyai dengan berkhidmat di Pondok.

b) Pelajar dan Siswa

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy Cirebon ialah pesantren yang menerapkan sistem Pesantren atau Pengajian Salaf dan sistem klasik Sekolah atau Madrasah. Pelajar dan siswanya berasal dari daerah-daerah terdekat dan Luar Jawa.

2) Komponen dan Alat Pembelajaran

Pembelajaran yang bertahan adalah pembelajaran yang berasaskan kitab-kitab Islam klasik yang biasanya diajar di hadapan pelajar yang ramai. Oleh itu, ketika sesi tersebut, penggunaan pembesar suara (*microphone*) dan perakam suara (*tape recorder*) untuk memberi kelancaran kelas tersebut.

Bagi kurikulum pendidikan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy boleh merujuk jadual di bawah:

Jadual Aktiviti Pelajar Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy

NO	WAKTU	AKTIVITI
1	03.00 - 04.00	Bangun dan Persiapan (Qobliahan)
2	04.00 - 04.45	Solat Malam
3	04.45 - 05.15	Solat Subuh Berjemaah
4	05.15 - 06.15	Mengaji
5	06.15 - 07.00	Mandi dan Persiapan ke Sekolah
6	07.00 - 13.00	Sekolah Awam
7	08.00 - 11.00	Pengajian MTAS
8	11.00 - 13.30	Waktu Rehat
9	13.30 - 14.00	Solat Zuhur Berjemaah
10	14.00 - 14.30	Makan Tengahari
11	14.30 - 15.00	Hemat diri tengahari
12	15.00 - 15.30	waktu rehat pelajar
13	15.30 - 16.00	Persiapan Jemaah
14	16.00 - 16.30	Solat Asar Berjemaah
15	16.30 - 17.30	Pengajian
16	17.30 - 18.00	Persiapan Jemaah
17	18.00 - 19.00	Solat Maghrib Berjemaah
18	19.00 - 20.00	Solat Isya' Berjemaah
19	20.00 - 20.30	Makan Petang
20	20.30 - 21.30	Pengajian
21	21.30 - 22.30	Ulangkaji
22	22.30 - 03.30	Rehat

Aktiviti ko-kurikulum Pelajar Pondok Kebon Jambu Putri

NO	AKTIVITI KO-KURIKULUM
1	Hafaz Al-Qur'ān
2	Pengajian Fiqh Berbeza Mazhab
3	Tahlil
4	Kuliah
5	Marhaban
6	Seni Kaligrafi Khat
7	Seni Selawat
8	Seni Qiraat Al-Qur'ān
9	Menjahit
10	Kursus Komputer
11	Kursus Bahasa Inggeris
12	Kursus Memasak

13	Kursus Kraftangan (Parcel)
14	Kursus Seni Pertahanan Diri
15	Kelab Pengucapan Awam (Belajar MC, Pidato, Diskusi, Moderator)
16	Jurnalistik
17	Latihan Pelajaran (Matematik, Akaun, Fizik dan lain-lain)

Bagi ko-kurikulum terbahagi kepada 2 bahagian, iaitu:

NO	Aktiviti Rutin
1	Kajian Tasawwuf
2	Kajian Fiqh kepelbagaian Mazhab
3	Kajian seni budaya
4	Bahth al-Masāil/bedah buku
5	Zikir rātib syams al-Syumūs dan asmāul ḥusnā
6	Mawlid al-Rasul dan marhaban
7	Manaqib Syeikh Abdul Qadir Jaylani
8	Lawatan dan Mujahadah

NO	KEGIATAN UNGGULAN
1	Tahfiz Al-Qur'ān
2	Seni Pertahan Diri Pencak Silat
3	Seni Retorik Dakwah
4	Seni Musik Angklung
5	Seni Teater
6	Seni Marawis
7	Seni Murotal
8	Seni Qirā'at al-Qur'ān
9	Seni Dekorasi/Kaligrafi
10	Seni Tarian
11	Kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab
12	Kursus Menjahit
13	Kursus Komputer
14	Marching Band
15	PMR
16	PRAMUKA
17	PASKIBRA

Bagi senarai mata pelajaran Pesantren kebon Jambu Al-Islamy, Cirebon adalah seperti berikut:

PERINGKAT	SENARAI MATA PELAJARAN
Persiapan/I' dād	Persiapan membaca Tulisan Al-Qur'ān Praktikal Ibadah Latihan Membaca Kitab Kuning
1. Faşolatan	Muḥafazoh Tasyrifān Ilmu Adab dan Eskatologi Islam Juz 'Amma Sorogan Kitab Kuning
2. Jurumiyah	Muāfazah Amrity Ilmu Tajwid Ilmu Nahu Al-Qur'ān Sorogan Kitab Kuning
3. Mutammimah	Muḥafazah Al-Fiyyah 1 Ilmu Nahu Ilmu Sarf Sorogan Kitab Kuning
4. Al-Fiyyah	Muḥafazah Al-Fiyyah 2 Ilmu Nahu Al-fiyyah Ilmu Fiqh Musyāwarah Nahu
5. Fath al-Qarib	Muḥafazah Jawhar Al-Maknūn Ilmu Usul Fiqh Ilmu Fiqh Ilmu Balaghah Musyāwarah Fiqh
6. Fath al-Mu'in dan pengurus	Ilmu Mantiq Ilmu Fiqh Ilmu Mantiq Al-Qur'ān dan Musyawaroh Fiqh
7. Semua Peringkat	Kitab Tafsir Munir

- Kitab pengajian sorogan dan disiplin ilmu adalah ditentukan sesuai mengikut peringkat.
- Jadual pengajian dan nama-nama secara terperinci boleh diperolehi dari pejabat Pendidikan.
- Terdapat program khusus untuk mendalami pengetahuan tentang pesantren:

Beberapa catatan untuk pelajar dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti harian:

1. Setiap pelajar adalah diwajibkan untuk belajar dan menghafal beberapa kitab.

2. Mengikuti beberapa aktiviti yang tidak disenaraikan di atas.
3. Bagi Komponen Teknik Pengajaran adalah seperti berikut:
 1. Metod *Sorogan*¹⁹³ dan *Bandongan* iaitu kelas pengajian harian yang dipimpin oleh para ustaz, MTAS (*Madrasah Tahsinul Akhlaqul Karimah*) adalah untuk untuk siswa *non formal*, dan aktiviti ko-kurikulum untuk menambah kemahiran dan pengetahuan pelajar.
 2. Bagi proses modernisasi pendidikan yang banyak mempengaruhi pendidikan tradisional pesantren iaitu Dikdas, kejar pakej C yang bergabung dengan MTAS dan beberapa kursus seperti kursus bahasa Inggeris. Proses modenisasi ini adalah bertujuan untuk menjayakan program pemerintah.
 3. Proses pemodenan ini masih belum dilaksanakan secara sepenuhnya kerana melaksanakan beberapa aktiviti lain, iaitu: mengamalkan keilmuan Islam (Fiqh, Akhlaq, Tasawwuf) untuk setiap hari bagi para pelajar, untuk meneruskan warisan tradisi Ulama Salaf seperti *Baḥth al-Masā'il* yang mereka ikuti. Maka metod *Sorogan* dan *Badongan* tidak boleh dihapuskan.

Di kebon Jambu Al-Islamy terdapat tiga pecahan pendidikan yang dipraktikkan iaitu:

1. MTAS.
2. SMP Tunas Pertiwi.
3. MA Tunas Pertiwi.

Madrasah Tunas Pertiwi merupakan Lembaga Pendidikan Islam di bawah naungan Yayasan Tunas Pertiwi. Madrasah ini memenuhi kurikulum yang berasaskan kepesantrenan. MA Tunas Pertiwi memaksimumkan latihan

¹⁹³ Metod mengajar secara individual, langsung dan intensif. Dikatakan sebagai metod moden disebabkan antara guru dengan pelajar, mereka saling mengenal erat dan guru menguasai benar materi yang perlu diajarkan. Dilakukan tanpa terdapat paksaan dan bebas daripada cemuhan.

agama kepada siswa-siswi dengan kitab yang muktabar sehingga hasilnya mereka memiliki kredibiliti penguasaan yang menyeluruh.

SMP Tunas Pertiwi berbeza dengan sekolah lain di daerah Cirebon sistem yang digunakan. SMP Tunas Pertiwi menggunakan kurikulum bersepadu iaitu kurikulum sekolah dan kurikulum pesantren. Penggunaan kurikulum bersepadu ini adalah kerana terletaknya SMP Tunas Pertiwi yang dekat dengan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy dan pelajar yang bersekolah di SMP Tunas Pertiwi merupakan pelajar Pesantren tersebut. Selain daripada itu, penggunaan kurikulum bersepadu juga adalah kerana belum terdapat sistem kurikulum kurtilas. Terdapat juga mata pelajaran yang ada ditambah dengan matapelajaran asas pesantren iaitu pendidikan Al-Qur'ān, kitab kuning dan pendidikan akhlak.

Sistem pesantren adalah secara teknikal sahaja tetapi untuk pentadbiran dan perkhidmata adalah dengan menggunakan garis panduan Pendidikan Nasional (Diknas). Penggunaan kurikulum bersepadu adalah salah satu usaha pengajar agar pelajarinya menjadi pelajar yang cerdas, pintar, mempunyai budi pekerti dan bertaqwa kepada Allah.

Visi dan Misi MA Tunas Pertiwi iaitu:

1. Visi

“Terwujudnya manusia yang pandai, terampil, dan berakhlak karimah agar menjadi orang soleh yang mulia, dan beramal ikhlas”.

2. Misi

- a. Melahirkan insan yang berpengetahuan luas dalam rangka pembangunan nasional.
- b. Mewujudkan manusia yang berwawasan kebangsaan dan keagamaan.

- c. Berakhlakul karimah.
- d. .Melahirkan lembaga yang berkualiti, nyaman dan beragama.

Ada beberapa bentuk perintah dan larangan yang selalu Nyai Hj. Masriyah Amva jelaskan kepada para pelajarnya, yang mana ini mampu untuk membentuk disiplin pelajar secara tidak langsung mempertingkatkan kemajuan pesantren pada masa akan datang.

Bentuk perintah dan larangan yang beliau tekankan adalah seperti:

1. Perintah

- a. Mesti bersungguh-sungguh-dalam menuntut ilmu, supaya cepat pandai.
- b. Mesti bersungguh-sungguh solat jemaah, supaya dikurniakan akhlak yang baik dan terpuji.

2. Larangan

- a. Tidak dibenarkan makan makanan segera.
- b. Tidak dibenarkan kerap tidur.
- c. Tidak dibenarkan melepak dan merayau tanpa tujuan.
- d. Tidak dibenarkan menonton wayang.
- e. Tidak dibenarkan bermain.
- f. Tidak dibenarkan mengikat rambut.
- g. Tidak dibenarkan pulang ke kampung dengan kerap.
- h. Tidak dibenarkan pindah sebelum cukup tempoh tujuh tahun.

- i. Tidak dibenarkan pindah sebelum pandai.

Bagi maklumat yuran pelajar Kebon Jambu Al-Islamy iaitu:

MAKLUMAT YURAN PELAJAR BAHARU

Daftar Rincian	Tahun 2017
Pendaftaran	Rp. 75.000,00
Buku Lejar	Rp. 75.000,00
Pembangunan	Rp. 200.000,00
Kitab Miftah	Rp. 75.000,00
Almari	Rp. 200.000,00
Pakaian Seragam PTSG	Rp. 200.000,00
Bulanan	Rp. 480.000,00
Rojabiyah	Rp. 19.000,00
Kelendar	Rp. 50.000,00
Tahun Akhir	Rp. 140.000,00
Penggunaan keseluruhan	Rp. 996.000,00
Kepesantrenan (Asrama)	Rp. 720.000,00
Tab Tahunan	-
Bilik	Rp. 240.000,00
Jumlah	Rp. 3.470.000,00

MAKLUMAT YURAN MTAS BAHARU

Senarai	Tahun 2017
Pendaftaran	Rp. 250.000,00
Bulanan	Rp. 240.000,00
Takhusus	Rp. 60.000,00
UAS	Rp. 80.000,00
Al-Miftah	-
Jumlah	Rp. 680.000,00

MA TP KELAS X

Senarai	Tahun 2017
Pendaftaran	Rp. 1.160.000,00
Bulanan	Rp. 720.000,00
UTS	Rp. 70.000,00
UAS	Rp. 140.000,00
Aksioma/KSM	Rp. 15.000,00

ESKUL	Rp. 75.000,00
LDKS	Rp. 50.000,00
Jumlah	Rp. 2.215.000,00

MAKLUMAT YURAN PELAJAR MELATI BAHARU

Senarai	Tahun 2017
Pendaftaran	Rp. 100.000,00
Pembangunan	Rp. 500.000,00
Kitab Miftah	Rp. 100.000,00
Bulanan	Rp. 1.800.000,00
Tahun Akhir	Rp. 200.000,00
Kepesantrenan (Asrama)	Rp. 600.000,00
Jumlah	Rp. 3.300.000,00

MAKLUMAT YURAN PUTRI BAHARU

Senarai	Tahun 2017
Pendaftaran	Rp. 100.000,00
Buku Lejar	Rp. 50.000,00
Pembangunan	Rp. 200.000,00
Almari	Rp. 500.000,00
Bulanan	Rp. 2.400.000,00
Kalendar	Rp. 50.000,00
Jumlah	Rp. 3.300.000,00

3.3 Kesimpulan

Menurut senarai jumlah bayaran dan jenis pembayaran dibuat di atas, adalah didapati kuasa dan komitmen seorang Nyai Hj. Masriyah Amva terhadap kajian Kitab Kuning yang mempengaruhi dua tugas bagi seorang pengetua iaitu tugas pengurusan dan tugas ketua. Dengan dua tugas tersebut diharapkan sebuah pesantren dapat meluaskan kewujudannya dengan visi misi yang ideal.

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy masih tetap berdiri kokoh dengan menerpkan perpaduan system *salaf* dan menerima adanya perubahan globalisasi perkembangan di era moden dan terbuka dengan idea-idea pemikiran baru salah satunya ditandai dengan berdirinya Madrasah Aliyah. Corak kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva menjadi dominan di kalangan pesantren kerana setiap unit yang ada bergantung kepada atasannya.

Keberadaan Nyai Hj. Masriyah sebagai pengetua pesantren dilihat dari tugasan yang dipandang sebagai fenomena kepimpinan wanita yang unik. Bukan sahaja membuat kurikulum, peraturan pesantren, dan memberikan pengajaran kepada pelajar, akan tetapi menjadi tokoh dan pemimpin masyarakat dipelbagai forum kewanitaan. Bentuk kepimpinan wanita yang ideal bagi masyarakat juga boleh dilihat dari tingkat kedalaman dan keilmuan seorang Nyai dalam mengatasi pelbagai bentuk cabaran. Dalam hal ini corak kepimpinan yang sesuai sangat diperlukan seperti yang telah dituliskan dalam perundangan Islam.

BAB EMPAT

ANALISA BENTUK KEPIMPINAN NYAI HJ. MASRIYAH AMVA DALAM MENGHADAPI CABARAN DAN USAHA SEBAGAI PENGASAS PESANTREN WANITA KEBON JAMBU AL-ISLAMY

4.1 Pendahuluan

Jawatan Nyai dalam pesantren¹⁹⁴ adalah yang terpenting dalam pesantren. Nyai Hj, Masriyah Amva dalam pesantren telah meminta agar warganya dapat memelihara nilai budaya dalam tindakan dan membangunkan pesantren tersebut. Banyak elemen penting daripada sebuah pesantren kerana Nyai Hj. Masriyah lazimnya akan meminta warganya untuk menjadi seorang yang bijak, berketerampilan dalam pelbagai cabang ilmu terutamanya dalam ilmu agama dan menjadi *qudwah hasanah* (contoh terbaik) bagi guruguru senior dan pelajar-pelajarnya.

Kebijaksanaan bukan sahaja bijak dalam menghadapi cabaran dan usaha tetapi bijaksana dalam bentuk pemikiran dan berhadapan dengan melalui forum perbincangan yang ada. Dalam tradisi pesantren, kepimpinan seorang pengetua menjadi simbol dan kekuatan dalam membentuk karekter pelajar. Bukan hanya berurusan dengan nilai pendidikan sahaja tetapi lebih kepada untuk menjadikan mereka penerus, penyebar dakwah pada masa akan datang. Walaupun corak kepimpinan pengetua pesantren Kyai khususnya mempunyai ciri-ciri paternalistik tetapi Nyai Hj. Masriyah Amva berbeza dengan seorang pengetua lelaki.

¹⁹⁴ Dari segi pembelajarannya pesantren dibagi menjadi 3 bahagian iaitu; yang pertama pesantren *an-Sich* di mana model pembelajarannya terbatas kepada kitab kuning (salaf) dan berlakunya sistem *diniyah* sahaja, yang kedua pesantren moden *An-sich*. Karakteristik pesantren model ini lebih menekankan kepada penguasaan bahasa asing, yang ketiga adalah pesantren semi salaf semi moden iaitu pengajian kitab salaf, dan ada kurikulum moden. Ditulis oleh Abdul Munir Mulkhan, *Menggagas Pesantren Masa Depan*, (Yogyakarta, CV. Qalam: 2003), 7-9.

4.2 Deskripsi Pemikiran dan Sikap Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Menghadapi Cabaran dan Usaha yang Dilihat daripada Bahagian Internal

4.2.1 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Pengurusan Kurikulum Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy

Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy bukan sahaja menggunakan metod Bandongan¹⁹⁵ dan Sorogan,¹⁹⁶ bahkan mengamalkan pengukuhan terhadap kurikulum Madrasah atau Madrasah Tahsinul Akhlaq Salafiyah (MTSA) yang ditubuhkan pada tahun 1987 (pada ketika itu MTSA masih berada di Pesantren Kebon Melati), pengasas dan pengetuanya pula merupakan pengasas madrasah pertama iaitu Ustaz Nashir dari Lemah Abang, Cirebon.

Program madrasah adalah dipengaruhi oleh adaptasi model pendidikan Islam tradisional di Babakan, yang sebelumnya telah wujud Madrasah Salafiyah Syafi'iyah (MSS) yang bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat untuk membentuk manusia dan seorang Muslim yang berilmu, beramal, bertaqwa dan mempengaruhi *syakhsiah* murid dengan menggabungkan antara kurikulum Pesantren dan kurikulum Nasional.¹⁹⁷ Di samping itu, motivasi pengukuhan juga disertai tanggungjawab pesantren dalam memudahkan pelajar-pelajar yang tidak memasuki sekolah formal. Program madrasah ini yang

¹⁹⁵ Metod Bandongan iaitu pembelajaran kelompok di mana seorang pelajar mendengarkan seorang ustazah, Kyai atau Nyai yang membaca, menterjemahkan, dan menjelaskan buku-buku Islam dalam bahasa Arab, dan setiap murid diwajibkan membawa buku masing-masing, dan metod ini biasa disebut dengan *Halaqah*. Dikutip daripada Zamakhsary Dhofier, *Tradisi Pesantren, Studi tentang Pandang Hidup Kyai*, catatan ke4, (Jakarta, LP3ES: 1994), 28.

¹⁹⁶ Metod Sorogan iaitu sebuah sistem pembelajaran di mana para santri maju satu persatu dan menjelaskan isi kitab dihadapan seorang guru atau kyai secara langsung. Dikutip daripada Armai Arief, *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan*, (Jakarta, Ciputat Press: 2002), 150.

¹⁹⁷ Pendidikan formal yang dimaksudkan dalam Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 17 Tahun 2010 tentang penyelenggaraan Pendidikan Bab I, Fasal 1, nomor 6 iaitu jalur pendidikan yang terstruktur yang berjenjang yang terdiri daripada pendidikan dasar, menengah, dan tinggi.

kemudiannya secara kurikulum tidak dipengaruhi oleh kurikulum pendidikan formal.

Pembelajaran yang diarahkan oleh pengetua Kebon Jambu lazimnya dilaksanakan di serambi pemandoran atau dikenali sebagai penginapan, di surau milik pondok seperti pesantren tradisional yang lain. Ilmu agama yang diajar juga pelbagai, seperti *dirasah Islāmiyah* yang bermula daripada *sarf, tajwid, tafsir, hadith, falak* dan sebagainya. Semua kitab tersebut diambil daripada kitab kuning atau kitab klasik.¹⁹⁸

Nyai Hj. Masriyah selaku pengetua Pesantren, ketika ini berperanan dalam memperkasa dan merancang pelbagai aktiviti di bawah kelolaan Pesantren. Nyai Hj. Masriyah Amva juga terlibat dalam permasalahan yang timbul kerana kerana penggabungan kurikulum (kurikulum pesantren dan kurikulum nasional) sepanjang Pesantren beroperasi dan strategi penyelesaian masalahnya. Beliau merupakan individu terpenting dalam menerajui kurikulum Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy ketika ini.

Kepimpinan memiliki perkara-perkara yang berbeza dalam melihat masa depan. Boleh digambarkan jika pengetua pesantren itu seorang wanita, maka dengan lazimnya segala yang berkaitan dengan kegiatan (akademik atau bukan akademik) pesantren akan menjadi cenderung ke arah satu jantina sahaja. Namun, Nyai Hj. Masriyah antara seorang pengetua wanita yang mempunyai idea yang bernas dalam soal jantina. Sekurang-kurangnya, perkara ini diaplikasikan dalam kepimpinannya yang dilihat daripada cara beliau berfikir

¹⁹⁸ Temubual dengan salah satu santri Kebon Jambu Al-Islamy, 27 Disember 2016, di kediaman Nyai Hj. Masriyah Amva, pukul 14.00.

dengan sudut pandangan jauh. Wacana jantina yang juga disebut sebagai feminisme budaya iaitu menekankan kepada kualiti positif untuk wanita.

Nyai Masriyah berjaya melumpuhkan mitos dominasi kepemimpinan lelaki, sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa, sekaligus menghentikan pandangan keagamaan yang berabad lamanya tentang pengharaman kepemimpinan wanita di mana-mana peringkat. Nyai Masriyah faham tentang fatwa-fatwa ulama mengenai perkara ini dalam teks-teks klasik atau kitab kuning. Bahkan beliau sendiri mengajarkan telah bertahun-tahun kitab ini kepada para pelajarnya. Namun, apa yang menarik adalah kepemimpinan Nyai Masriyah tidak pernah tergugat dengan mana-mana kyai. Maksudnya, kewujudan beliau adalah diperakui meskipun secara diam-diam dan kewujudan beliau telah memberi impak pendidikan kepada pelajar pesantren secara tidak langsung.

Kebanyakan masyarakat mengkritik pola pemikiran beliau dalam perkara kekuasaan atas keputusannya. Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva disebutsebut kerana boleh dikatakan sebagai pencetus revolusi terhadap tradisi kepemimpinan Pesantren.¹⁹⁹ Beliau lebih menerapkan pola kepemimpinan yang menitik beratkan tugas pendidikan dan keagamaan yang bersifat individu seperti yang menjadi tradisi selama ini. Bukan itu sahaja, beliau juga menitikberatkan kompetensi organisasi seperti bentuk kepemimpinan yang kolektif. Bagi kepemimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam memelihara kesinambungan kurikulum di Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy iaitu:²⁰⁰

¹⁹⁹ Temubual dengan salah satu alumni, guru tertua, dan jiran dari K.H Muhammad, di kediaman beliau Cirebon bersebelahan dengan pesantren Kebon Jambu Al-Islamy, pada tarikh, pukul 11.00.

²⁰⁰ Temubual dengan salah satu alumni Pesantren kebon Jambu Al-Islamy dan ustadzah pengabdian terakhir 26 Disember 2016 dikantor pengasuhan, pukul 14.00.

- 1) Terdapat pemilihan pelajar dalam menjaga perkembangan kualiti pendidikan untuk pelajar pesantren.
- 2) Pemahaman kitab klasik merupakan elemen terpenting dalam menjaga kualiti pesantren yang telah dipercayai oleh masyarakat persekitaran.
- 3) Nyai Hj. Masriyah Amva menjadikan dirinya sebagai *role model* atau contoh tauladan dan pendorong yang berperanan dalam tugas-tugas internal dan eksternal dan sentiasa bergerak di atas landasan yang tepat.
- 4) Nyai Hj. Masriyah Amva selalu mewujudkan komunikasi terbuka untuk semua golongan juga banyak melibatkan diri dengan kakitangankakitangan dengan komunikasi dua perkara.
- 5) Nyai Hj. Masriyah Amva sering memberi tumpuan kepada kemahiran guru dengan cara meningkatkan pemahaman terhadap kitab klasik sebagai rujukan utama.

Berdasarkan bahagian di atas, boleh dikatakan bahawa Nyai. Hj. Masriyah Amva mempunyai bentuk menonjol dalam berkomitmen terhadap kajian kitab Islam klasik dalam pembinaan kawasan kebudayaan yang sebagai kunci kejayaan seorang pengetua.

Ciri khas utama Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy ialah dengan pelestarian sistem pendidikan yang telah wujud sejak sekian lama. Melalui penambahan metod-metod dan program yang menyamai dengan pesantrenpesantren lain.²⁰¹ Peranan beliau dalam mengiktiraf pencapaian aktiviti

²⁰¹ Temubual dengan Nyai Hj. Masriyah Amva dan santri dari salah satu Pesantren ternama di Tasik Malaya yang berjumlah 3 orang di kediaman beliau, tarikh 27 Disember 2016, pukul 19.00.

adalah suatu kewajiban. Oleh itu, seorang pengetua mestilah mempunyai bentuk kewibawaan dan keupayaan dalam memimpin.

4.2.2 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Pengurusan Institusi

Selepas kematian suami untuk kali pertama, beliau memberanikan diri untuk mengumpulkan beberapa pelajarnya lantas berkata, *“Hari ini saya telah mendapatkan pengganti K.H Muhammad yang lebih mulia dan akan memimpin pesantren iaitu Allah SWT”*.²⁰² Ketika itu juga masyarakat persekitaran masih melarang dan tidak percaya dengan kepimpinan wanita dalam kalangan mereka. Beliau juga menyatakan bahawa beliau ditunjukkan Allah untuk menjadi pengetua pesantren dengan segala kemampuan yang dimilikinya. Perkara ini membuktikan bahawa Nyai Hj. Masriyah Amva tentang kesamarataan jantina bahawa lelaki dan wanita sama sahaja apabila bersandar kepada Allah sematamata.

Semangat Nyai Hj. Masriyah Amva merupakan unsur penting dalam membina dan mencapai kepercayaan masyarakat dalam memberi motivasi yang bermutu. Nyai Hj. Masriyah memerhati dan menilai institusi dengan menentukan pencapaian matlamat-matlamat yang ingin digarap. Mereka akan termotivasi untuk melaksanakan program-program dengan rasa bangga, simpati dan rasa untuk mencontohi semangat yang dimiliki oleh Nyai Hj. Masriyah Amva.

²⁰² Ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva dalam buku sasteranya yang berjudul *“Bangkit dari Terpuruk”*,

Nyai Hj. Masriyah Amva adalah insan yang memberi inspirasi kepemimpinan atau *Inspiring leadership* dengan sikapnya yang proaktif dalam menghadapi ujian dan cabaran. Beliau telah melaksanakan program-program yang rasional dan relevan dengan menumpukan kepada guru dan pelajarnya untuk sentiasa positif terhadap hubungan antara agama, sains dan teknologi. Kejayaan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam memotivasi telah meningkatkan potensi mereka sehingga mereka mempunyai semangat kerja yang tinggi (*high mode*).

Seperti perkembangan unit-unit institusi pesantren di daerah lain, sebahagian besar daripada pesantren adalah hasil sumbangan wakaf daripada masyarakat, namun Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy adalah diwakafkan oleh keluarga Nyai Hj. Masriyah sendiri. Keadaan ini membentuk kepercayaan dan kebanggaan masyarakat terhadap kewujudan pesantren tersebut dan menunjukkan bahawa sekolah kampung (*rural school*) mempunyai integriti oleh masyarakat sekitar. Dalam istilah kepesantren, Nyai Hj. Masriyah Amva merupakan penasihat, pemimpin dan fasilitator keseluruhan (*totalitas*) kehidupan pesantren sama ada internal dan eksternal. Oleh kerana itu, kepemimpinan di Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy masih bersifat perwarisan dan individu. Pengurusan kepemimpinan dalam institusi Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy berjalan sepenuhnya dengan digerakkan oleh anak kandung beliau. Proses organisasi juga bersifat bersama kerana telah dibentuk dengan unit-unit dan lembaga-lembaga di bawah struktur Nyai Hj. Masriyah Amva. Bagi tugas terpenting, Nyai Hj. Masriyah Amva akan menjadi tonggak dalam sebuah institusi iaitu memberi bantuan dan sokongan kepada kakitangan dan pelajar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti menurut senarai yang telah ditentukan.

Nyai Hj. Masriyah Amva lebih banyak berkomunikasi untuk mempengaruhi kakitangannya dengan cara memberikan motivasi. Komunikasi yang dilakukan Nyai. Hj. Masriyah Amva dengan kakitangan dan pelajar adalah suatu bentuk proses perkongsian idea atau maklumat yang tepat untuk dilaksanakan- Sama ada secara simbolik atau rangkaian pertukaran maklumat.

Kuasa yang dimiliki oleh Nyai Hj. Masriyah Amva sebagai Pengetua Pesantren adalah besar dan bersifat autonomi kerana itu beliau menjadi tokoh utama dalam memegang tampuk kuasa yang ada dalam Pesantren. Bagi mengurus institusi pesantren yang berkesan, beliau menguasai kemahiran dan pengetahuan tentang aktiviti-aktiviti dengan mamahami syarat-syarat, peraturan atau undangundang aktiviti institusi yang dipertanggungjawabkan. Nyai Hj. Masriyah Amva juga membuka ruang untuk mengadakan komunikasi yang bersifat formal, informal, dan non-formal. Komunikasi formal beliau dapat dilihat melalui mesyuarat institusi dengan kakitangannya.

Pungutan keputusan merupakan elemen terpenting dalam pengurusan institusi dan tidak dapat dipisahkan dengan definisi sebuah kepimpinan. Dalam mengambil keputusan, lazimnya beliau akan bermesyuarat dan membincangkan tentang risiko dan keperluan terhadap keputusan yang akan dibuat. Nyai Hj. Masriyah mempunyai kuasa yang besar dalam Pesantren, tetapi beliau tidak bertindak secara individu, bahkan beliau bersifat terbuka dengan mewakilkan kepada orang bawahan beliau terutama anak-anaknya.

Salah satu bentuk cabaran yang dihadapi Nyai adalah masyarakat menguatkan kesan bahawa pesantren adalah milik peribadi Nyai atau bahkan sebaliknya kerana pesantren adalah milik peribadi Nyai maka kepimpinan yang dijalankan adalah kepimpinan individu. Keadaan seperti ini, menjadikan

masyarakat tidak boleh dan berasa tidak memiliki hak untuk mengajukan usulusul konstruktif-strategik dalam upaya pemegangan pesantren pada masa hadapan. Fenomena yang demikian seringkali muncul kerana kebiasaan sistem pendidikan pesantren yang menerapkan pengurusan serba tidak formal. Dalam perkara ini bentuk yang sesuai ketika pengambilan suatu keputusan mampu dilihat dengan saksama.

4.2.3 Pengurusan kewangan Pelajar

Pengurusan Kewangan Pesantren dikelola oleh kakitangan Pesantren secara telus. Proses penambahan kewangan Pesantren adalah bersumberkan daripada keluarga Nyai Hj. Masriyah Amva dan beberapa unit kepesantrenan sendiri.

Nyai Hj. Masriyah Amva berupaya menyusun dan menyumbang kepada pelaksanaan program pesantren. Dalam mempertahankan kelangsungan hidup dan berkembangnya Pesantren, ia adalah bergantung kepada kemampuan peribadi Nyai Hj. Masriyah Amviyah. Salah satunya keperibadian ini adalah dengan mempersiapkan generasi penerus terhadap perkembangan pesantren dan mewajibkan semua *Zuriyyah* atau anak-anaknya untuk mengelola Pondok Pesantren.²⁰³ Kegagalan dalam menggantikan pengetua merupakan suatu musibah bagi pesantren tradisional kerana tradisi yang telah diamalkan oleh pengasas akan mati. Oleh itu, perpaduan dan kerjasama anak K.H Muhammad diperlukan.

Daripada kenyataan tersebut, Nyai Hj. Masriyah Amva berpendapat bahawa mengurus kewangan bukan sahaja melibatkan kakitangan jabatan

²⁰³ Sebahagian besar anak-anak daripada K.H Muhammad mengelola Pesantren sehingga secara intelektual mereka mempunyai bentuk keilmuan dan kemampuan yang hampir sama dan sebahagian besar daripada mereka menguasai kitab kuning.

kewangan, malah memerlukan kerjasama dengan bahagian-bahagian lain. Oleh itu, dalam mengurus kewangan, beliau berperanan sebagai *Resource Allocator* iaitu mengatur sumber dana yang diputuskan melalui mesyuarat koordinasi yang melibatkan semua bahagian, demi mewujudkan garis panduan dan memastikan kewangan yang dibelanjakan adalah secara berhemah.

Di sebalik kejayaan beliau dalam mengelola kewangan pesantren, masih terdapat masyarakat mempertikaikan perkara yang berkaitan dengan pembiayaan para pelajar, sedangkan setiap kekurangan yang berlaku, beliau berkorban dengan menjual harta peribadinya demi keperluan para pelajar.

Perubahan kepimpinan pesantren dari individu ke kepimpinan kolektif terlihat sederhana. Akan tetapi, perubahan tersebut menjadi salah satu bentuk cabaran yang dihadapi Nyai dengan masyarakat sekitar. Sebelum terdapat perubahan tersebut Nyai sangatlah dihormati dalam kalangannya, sekarang hubungan tersebut menjadi sangat berkurang di sekitar pesantren *salaf* bentuk perubahan seperti ini menjadi sangat penting untuk diperbincangkan.

4.2.4 Pelatihisasi Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy

Selepas kematian suami Nyai Hj. Masriyah Amva (K.H. Muhammad) menjadi ujian berat buatnya, beliau berusaha keras untuk mencari pengganti Akang²⁰⁴. Dalam kekacauan, beliau menulis satu rangkap puisi yang berbentuk kepasrahannya kepada Yang Maha Kuasa.

²⁰⁴ Panggilan daripada Nyai kepada sang suami (K.H Muhammad) semasa hidupnya.

Beliau telah bertekad dan kuat keinginan untuk menggantikan akang sebagai pengetua Pesantren. Dalam perkara ini, beliau menyatakan bahawa pengetua pesantren tertinggi mestilah mempunyai susur galur; *zurriyah* (Keturunan) atau boleh dipilih daripada kalangan alumni pesantren tersebut dengan syarat calon tersebut mestilah berkomitmen tinggi dalam memimpin dan mempunyai bentuk yang sesuai dengan cadangan pesantren Kebon Jambu pada ketika itu.

Keadaan ini sekiranya diperhatikan bahawa terdapat sedikit kelonggaran, walaupun sedia maklum bahawa Nyai selalu memberikan terbaik untuk kemajuan pesantren, namun seorang kyai akan tetap menduduki kedudukan tertinggi dalam organisasi. Jelas membuktikan bahawa hierarki sebuah pesantren sejak zaman dahulu sangatlah kuat dan tidak boleh berganti.²⁰⁵

Sosok seorang Nyai berbanding jauh dengan seorang kyai yang setia yang sukar untuk dipertahankan kelangsungan dan kemajuannya. Dalam perkara yang berkaitan dengan pelatihisasi masyarakat masih banyak menilai bahawa pesantren telah berjaya mendapatkan seorang pengatur bukan seorang pemimpin berdasarkan apa yang beliau miliki ketika ini.

Seorang Kyai/Nyai selalu meneladankan *traits* bentuk kepimpinan Rasulullah kepada semua pelajar pesantren, seorang Kyai/Nyai memberikan *uswah* kerja keras dan menjadi seorang *leader* yang cerdas dan bijaksana dalam bertindak. Selalu memberikan semangat untuk selalu belajar agama, dan aktif dalam semua organisasi. Munculnya *traits* di atas didapati dengan pembiasaan, ketauladanan, dan milieu yang kondusif iaitu persekitaran di mana seorang pelatih dilahirkan. Dalam perkara ini, Nyai berpendapat perlu diisyaratkan

²⁰⁵ Temubual dengan alumni, guru, dan Mahasiswai IAIN Syekh Nurjati, pada tarikh 28 Disember 2016, di Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy, pukul 14.00.

bahawa pelatih pemimpin pesantren perlu dipersiapkan dengan dibekalkan pengalaman-pengalaman dan nilai yang mencerminkan agama Islam dan sesuai dengan perundangan Islam yang berlaku ketika ini. Pemikiran di atas menjadi sedikit prokontra kerana secara langsung Nyai menjadi sedikit terperinci dalam pemilihan pelatih yang sesuai dengan yang beliau inginkan. Dapat dilihat bahawa kepimpinan wanita menjadi sangat lebih diidamkan kerana kejayaan yang Nyai perolehi selama ini.

Pelatih pemimpin wanita yang berbentuk sesuai dengan yang ditetapkan menempati posisi yang sangat strategik bagi kelangsungan pesantren wanita sebagai sebuah gerakan dakwah Islam untuk kemajuan dan kesejahteraan wanita pada masa hadapan.

4.2.5 Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Membentuk Akhlak Pelajar

Dalam tradisi kepesantren pastinya seorang pemimpin mempunyai beberapa kaedah dalam membentuk akhlak dan sikap para pelajar. Tauladan adalah salah satu bentuk usaha untuk mengembangkan potensi pelajar, semakin banyak yang beliau lakukan, semakin banyak yang akan dicontohi pelajar. Penyerapan dalam bentuk ceramah membuatkan pelajar memahami cara Nyai berfikir. Mendidik para pelajar bukan sahaja dengan menunjukkan tauladan baik, bahkan boleh dipengaruhi melalui perspektif pelajar iaitu nasihat, amalan seharian, disiplin, dan *targhīb wa tahzīb* (hadiah dan hukuman).²⁰⁶

²⁰⁶ *Targhīb* adalah janji disertai dengan rayuan agar seseorang dan menjalankan kebajikan menjauhi larangannya. Sedangkan *tahzīb* adalah suatu ancaman untuk menimbulkan rasa takut kerana berbuat kejahatan, tujuannya adalah untuk membangkitkan sifat *Robbāniyah* tanpa terikat dengan waktu dan tempat.

Nyai Hj. Masriyah selalu memberi nasihat kepada pelajar wanita untuk menjadi wanita kuat seperti beliau, mempunyai sifat yang tegas, belajar lebih berdikari dan tidak bergantung kepada pertolongan lelaki. Ujian bukanlah penanda aras sebuah kegagalan, kerana dengan menangani ujian dengan sempurna maka setiap insan akan berjaya pada kemudian hari. Dalam interaksi ini seorang pelajar secara akan lebih aktif dan agresif berbanding lelaki sehingga persekitaran persekitaran itu sendiri berubah dan dan mampu berfikir dan bertindak sendiri.

Salah satu bentuk cabaran yang beliau hadapi adalah masyarakat meragui bahawa beliau tidak mampu melahirkan pelatih ulama dan pemimpin Islam yang menjadi salah satu matlamat institusi pesantren ketika ini. Mereka meragui beliau kerana tidak percaya beliau memiliki kemampuan dan bentuk kepimpinan yang sesuai seakan kekuatan lelaki lain selepas kematian suaminya. Dalam perkara ini masyarakat belum melihat secara terperinci bentuk-bentuk kejayaan yang beliau perolehi selama menjadi pengetua.²⁰⁷ Namun, berbekalkan keinginan yang tinggi dan modal yang besar, telah mendorong melaksanakan idea-idea pembaharuan dalam Pendidikan dan pembentukan akhlak pelajar wanita yang lebih baik.

Sebahagian masyarakat masih beranggapan bahawa bentuk kepimpinan yang Nyai punyai belum sesuai dengan perundangan Islam yang berlaku kerana mereka masih beranggapan bahawa bentuk kepimpinan seperti baginda Rasulullah hanya dipunyai oleh seorang Kyai.

²⁰⁷ Temubual dengan Nyai Hj. Masriyah Amva, tanggal 27 Disember 2017, di kediaman Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy, pukul 19.00.

Walau bagaimanapun, demokrasi susunan kepimpinan di pesantren masih menghubungkan antara seorang Nyai dengan pelajarnya. Menurut masyarakat sekitar, Nyai bukanlah *primus inter pares* melainkan seorang yang bertindak sebagai pemilik tunggal pesantren ketika ini. (*Director eigenaar*). Pemikiran yang demikian menjadikan Nyai belum melaksanakan peranannya secara mutlak dengan kewujudan dalam pembentukan pelajar dan belum mendapatkan membuahkan hasil yang signifikan.

4.3 Deskripsi Pemikiran dan Sikap Nyai Hj. Masriyah Amva Melalui Wawasan dan Idea dari Sudut Eksternal

4.3.1 Surat khabar

Dalam salah sebuah akhbar yang bertemakan “*Peran wanita dalam mengisi kemerdekaan yang merupakan rangkaian peringatan HUT ke-68 tingkat Kab. Brebes*” ada menyatakan bahawa Nyai. Hj. Masriyah Amva merupakan salah seorang tokoh wanita nasional yang menjadi rujukan dan tauladan kerana usaha beliau dalam memperjuangkan dirinya dalam yang ketika dalam kesukaran dan menyedarkan wanita serta memberikan manfaat yang luar biasa buat wanita masa kini.

Beliau dalam ceramahnya pernah berpendapat bahawa wanita bukan sahaja mengendalikan urusan persekitaran rumahtangga sahaja, bahkan boleh mengendalikan perkara-perkara yang berkait dengan kepimpinan. Perkara ini yang selalu ditekankan oleh beliau dalam setiap ceramahnya. Bentuk kepimpinan lelaki dan wanita tidaklah jauh berbeza, yang berbeza adalah pola pikir masing-masing personal.

Nyai Hj. Masriyah di mata wanita masa kini boleh diibaratkan seperti Kartini pada zaman dahulu. Beliau adalah seorang wanita pemberi inspirasi, penulis yang produktif dan seorang pengasas juga pengetua pesantren wanita pada masa kini. Salah satu bukti nyata bahawa beliau adalah seorang yang sangat berpengaruh iaitu terbentuknya KUPI (*Konferensi Ulama Wanita Indonesia*) yang dilaksanakan di Pesantren Kebon Jambu. Ini merupakan sebab pesantren ini mempunyai pengetuanya wanita. Bermula daripada pengetua yayasan hingga pengetua sekolah, beliau dikatakan sebagai tokoh utama dalam perkembangan pesantren yang berasaskan kesamarataan jantina dengan tujuan yang positif.

Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva diyakini masyarakat mempunyai bentuk yang lebih efektif berbanding dari kepemimpinan sebelumnya, tetapi bentuk pendapat tersebut cenderung kepada sifat dan bentuk yang melekat pada beliau. Bukan kerana efektif itu sahaja akan tetapi kerana kuasa Nyai dalam memimpin.

Dalam perkara kepemimpinan, sebahagian besar orang Jawa masih berpegang teguh kepada ungkapan “*wong wadon iku swargo nunut neraka kulu*” ertinya wanita itu syurganya bergantung kepada suami dan jika seorang suami ke neraka maka isteri juga akan ikut sama. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa tanggungjawab wanita di luar rumah menjadi tanggungjawab kedua.

4.3.2 Buku-buku Sastera

Beberapa buku yang ditulis oleh Nyai Hj. Masriyah Amva telah mendapat anugerah S.K Trimurti daripada Aliansi Jurnalis Independen pada tahun 2014. Anugerah tersebut dikurniakan kerana kegigihan dan ketabahan beliau dalam

menjalani hidup seperti yang ditulis dalam bukunya. Keadaan Indonesia ketika itu sangat tegang kerana berhadapan dengan gerakan toleransi dan wujud budaya Patriarki.

Merujuk kepada buku yang beliau tuliskan untuk masyarakat, beliau ada menegaskan bahawa beliau merupakan salah seorang tokoh yang berjuang dalam mendobrak isu agama dan fundamentalisme yang berlaku di persekitarannya. Berbekalkan berkat kesabaran, pesantren yang beliau kembangkan telah menjadi pesantren yang mengembangkan nilai-nilai pluralisme dan kesamarataan jantina dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat. 'Penghargaan yang saya dapatkan sekarang akan menjadi modal utama untuk memperluas kesetaraan jantina,' ujar beliau kepada majalah *Tempo*.

Bagi beberapa buku sastera yang beliau tulis ada menjelaskan tentang peranan seorang wanita dan keluhan beliau yang selama tempoh menjadi pengetua seperti:

4.3.2.1 Bangkit Dari Terpuruk (2010)

Bagi kesan berganda daripada novel *Bangkit dari Terpuruk* dan perjalanan penuh beliau di pesantren Babakan Ciwaringin mampu menembak semangat pembaharuan dan perubahan pemikiran dalam kalangan pesantren tentang wanita. Memeriksa beberapa ulasan biografi Nyai Hj. Masriyah yang murni berpendidikan dalam kalangan tradisional, pengaruh buku sastera yang merupakan luahan hati jujur daripada seorang perempuan Kyai kharismatik Cirebon itu menginspirasi para wanita. Bukan itu sahaja, ia mengubah pandangan stereotaip dunia terhadap perwatakan wanita Muslim (tradisional), khususnya di Indonesia.

Sastera adalah karya fiksi yang kerap digandingkan sebagai refleksi daripada sebuah realiti sosial masyarakat untuk menyampaikan kehidupan yang nyata, dibayang dan dirasakan oleh penulis. Beliau juga menunjukkan semangat wanita dalam menentang budaya Patriarki.

Selain daripada itu, beliau juga telah mengubah stigma negatif masyarakat Indonesia terhadap status janda yang memilih untuk berdikari, dan tidak berkahwin lagi. Sedangkan dalam posisinya sebagai pengetua pesantren, ditambah statusnya sebagai *trah 'Ningrat'*²⁰⁸ keturunan daripada tokoh-tokoh pengasas pesantren di Cirebon, bukanlah perkara sukar untuk beliau berkahwin lagi.

Dalam buku sastera yang beliau tulis, beliau meluahkan keluhan dan keresahan hidupnya sebagai seorang perempuan kyai yang perlu menelah kepahitan hidup dan cabaran hidup berumahtangga dengan dua kyai ternama yang kedua mereka mempunyai masalah yang sukar untuk dilalui. "*Aku ingin mempunyai makna hidup! Kemahuan inilah yang mendorongku menuliskan pengalaman hidupku dalam menulis buku ini*", kata beliau dalam buku sastera ini.

Cerita-cerita kehidupan beliau yang sangat peribadi, untuk diceritakan. "*Rasa sakit, malu dan beribu rasa lainnya bercampur menjadi satu. Harga diri menjadi tiada erti*", kata beliau dalam kata pengantar buku sasteranya. Beliau juga menggambarkan bagaimana proses transformasi semangat feminisme dan kesamarataan jantina di persekitaran persekitaran pesantren Babakan Ciwaringin yang ketika itu

²⁰⁸ *Ningat* adalah suatu gelaran yang diberikan kepada golongan tertentu atau pewaris tahta kerajaan di Jawa, atau biasa disebut darah biru, dan mempunyai kedudukan yang tinggi di wilayah itu. Salah satu ciri daripada seorang *nigrat* adalah pemberani bagi seorang lelaki dan anggun bagi seorang wanita.

(tahun 1980 - 1990) masih benar-benar bersifat tradisional, bahkan masih kuat antara pendidikan formal dan pendidikan pesantren.

Nyai Hj. Masriyah mula menyerahkan kepercayaan hidupnya kepada Sang Maha Kuasa. Beliau juga mula menyingkir dan melepaskan kepercayaan terhadap lelaki. Dalam beberapa puisi dan karyanya beliau selalu menyatakan bahawa “*Bukan lelaki sahaja yang membuat wanita berjaya di masa depan! Tapi Allahlah yang membuat para wanita mampu berjaya termasuk lelaki itu hidup dan mulia, berjaya dan bercahaya adalah kerana cahaya-Nya*”. Fikiran inilah yang menjadikan beliau berasa sangat kuat seperti lelaki.

4.3.2.2 Suamiku Inspirasiku

Melalui buku yang bertajuk *Suamiku Inspirasiku* mengajarkan bahawa ketulusan seorang isteri dalam melayani suami menjadikan seorang isteri mendapat kualiti waktu terbaik dalam konsep kemanusiaan. Konsep zuhud dalam buku ini menjadi sendi kehidupan yang menyedarkan kita tentang kesabaran, kesedarhanaan, kegigihan dan istiqamah yang mendatangkan hasil yang luar biasa. Ini adalah salah satu bentuk implementasi dalam prinsip kesamarataan wanita dan keadilan dalam Islam.

Dalam salah satu rangkap dalam buku sastera yang beliau tulis ada menyatakan bahawa beliau banyak membimbing Akang, memilih semua menantu-menantunya secara wajar dan beliau yang membiayai keperluan keluarga atau sosial. Dalam buku ini beliau menceritakan sifat dan kerendahan hati Akang selama hayatnya. Beliau menceritakan sosok

Akang yang sangat menghormati beliau sebagai seorang yang telah banyak membiayai kehidupan Akang. Ini menyebabkan Akang seringkali tidak berani mengejutkan Nyai ketika tidur sekalipun tidur sepanjang hari. Namun, apa yang terpenting daripada isi buku sastera ini ialah menceritakan tentang kematian akang dan salah satu penyebab keruntuhan emosi beliau selama ini.

4.3.2.3 Cara Mudah Menggapai Impian (2010)

Dalam buku ini beliau menceritakan bahawa kekurangan dan kelemahan yang beliau miliki. Kelemahan ini bukanlah alasan untuk menjadi mundur dan putus asa. Kadang beliau sangatlah perihatin dengan kelemahankelemahan dimiliki. Bagi beliau, manusia perlu menjadi hamba Allah sebagai sandaran yang hakiki, kerana hanya Allah yang sempurna dan tiada kekurangan.

Sikap kepasrahan dan lapang dada yang beliau miliki mengandungi kekuatan yang luar biasa. Bagi beliau, kepasrahan diri dalam menerima takdir akan membunuh rasa kecewa serta menyubur semangat dan kekuatan jiwa. Beliau benar-benar menghargai kehidupan, menghargai apa yang dikurniakan Allah kerana setiap apa yang kita lakukan tidak akan terlepas daripada campur tangan Allah.

Sebagai seorang wanita dan ibu, Nyai Hj. Masriyah mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan. Semua itu menjadikan beliau mencari seseorang yang boleh meringankan beban yang dimilikinya. Seseorang yang beliau cari iaitu kuat, baik dan kaya. Menurut beliau bersandar kepada manusia dan lelaki akan tetap membuatnya lemah

kerana tidak semua orang berfikir positif. Dalam beberapa bukunya beliau selalu menyatakan bahawa tiada seorang yang lebih kuat kecuali Allah sematamata. Kelemahan yang beliau miliki menjadi wasilah utama untuk lebih mengenal Allah. Terdapat satu puisi menarik yang menceritakan tentang cara Nyai Hj. Masriya Amva mengenali Tuhan.

Dalam buku ini banyak menceritakan tentang Nyai Hj. Masriyah yang wajib kita ambil pengajaran. Salah satunya, hidup di dunia ini bukan hanya untuk menerima dan menikmati, hidup ini juga perlu banyak membantu dan bukan sahaja melihat. Itu adalah salah satu cara untuk mendapat kemuliaan daripada Allah SWT.

Manusia dicipta untuk saling berkomunikasi. Ini menjadi sebab apabila Nyai Hj. Masriyah Amva hidup tanpa dapat berkomunikasi dengan orang lain. Namun, beliau berfikir bahawa dengan komunikasi sesama manusia adalah bersifat sementara. Maka menurut beliau hanya Allah satu-satunya yang selalu menyapa dengan kelembutan terhadap makhluk atau manusia. Sejak itu, puncak perjalanan spiritual beliau, diperkatakan oleh beberapa kelompok bahawa beliau adalah seorang yang misteri dengan tindakannya.

4.3.2.4 Rahsia Yang Maha Esa Mengubah Derita Menjadi Bahagia

Dalam bukunya beliau mengajak kita semua menyelami masa-masa pahit kehidupannya yang beliau hadapi dengan penuh kesukaran dan kisah duka, menjadikan beliau tidak berdaya melawan kehendak Yang Maha Kuasa. Boleh dapat kita simpulkan bahawa kekuatan yang dimiliki oleh Nyai Hj. Masriyah ketika ini adalah kerana luka lama yang amat dalam selama hidupnya.

4.3.3 Ceramah-Ceramah

Sikap dan pemikiran Nyai Hj. Masriyah telah beliau terapkan dalam kehidupan sehari-hari, bukan kerana dekatnya pemikiran ini dengan agenda *KUPI (Kongres Ulama Wanita Indonesia)* sahaja, tetapi beliau meluaskan pandangannya kepada pelbagai golongan masyarakat, tanpa batasan agama dan etnik. Nyai Hj. Masriyah berpendapat bahawa perbezaan agama bukan sesuatu perkara yang menjadi ancaman baginya, bahkan ia akan mempertebal iman. Ini adalah sikap yang diajarkan kepada pelajarannya untuk lebih bertoleransi.

Dalam persekitaran Pesantren tradisional seperti kebon Jambu Al-Islamy, Nyai. Hj. Masriyah Amva melatih kesamarataan jantina dan mempraktikkannya. Dalam ceramahnya, Nyai menjelaskan bahawa dalam agama Islam tiada larangan tentang kesamarataan jantina, kerana kesamarataan jantina menjadikan agama Islam mempunyai nilai yang lebih hidup dan bermakna.²⁰⁹

Melalui ceramah-ceramah yang beliau sampaikan bermaksud bahawa seorang wanita standing dengan lelaki apabila bersandar kepada Allah Tuhannya dan bukan seperti seorang wanita yang bersandar kepada lelaki. Oleh itu, seorang wanita mesti bergantung kepada Allah seperti seorang lelaki yang hanya bersandar kepada Tuhan. Setiap yang dilakukan Nyai Hj. Masriyah bagi memupuk kesamarataan jantina dalam persekitaran Pesantren dan pluralisme membuatkan beliau menerima penghargaan *AlBiruni Award* sebagai tokoh yang berperanan penting dalam Budaya dan Seni (2012) dan *SK Trimurti Award* sebagai tokoh jantina dan pluralisme (2014).

Banyak permasalahan yang berkaitan dengan wanita masa kini dan keluhankeluhan membuatkan Nyai Hj. Masriyah Amva berasa terpanggil untuk

²⁰⁹ Temubual dengan Alumni, Guru, dan Mahasiswi IAIN Syekh Nurjati, pada tarikh 28 Disember 2016, di Pesantren Kebon Jambi Al-Islamy, pukul 14.00.

menyebarkan tentang pentingnya pemahaman kesamarataan jantina dalam kalangan warga pesantren dan persekitaran wanita sekitarnya supaya dilayan secara adil. Bagi beliau, kesamarataan jantina tidak akan mengotori agama Islam bahkan akan memberi cahaya dan mendorong para wanita untuk lebih maju. Kesamarataan jantina bukan untuk menafikan tanggungjawab para lelaki tetapi wanita akan dijunjung dan dimuliakan yang membuat lelaki menjadi semakin hebat.

Feminisme menurut Nyai Hj. Masriyah iaitu bahawa wanita diharamkan dalam memerlukan lelaki kerana lelaki juga adalah makhluk. Sedangkan pengertian kesamarataan jantina menurut Nyai Hj. Masriyah Amva adalah wanita dilarang bersandar kepada kekuatan lelaki. Wanita perlu bersandar kepada kekuatan Allah sahaja agar mereka mempunyai kesamarataan. Pluralisme menurut Nyai. Hj. Masriyah Amva iaitu semua makhluk mesti mencintai ciptaan Allah SWT tanpa mengira latar belakang seseorang.²¹⁰ Bukan sesuatu yang baharu apabila seorang wanita seperti beliau yang sering memberi ceramah yang bertajuk kesamarataan jantina kerana kemampuan beliau yang boleh membawa perubahan demi kemaslahatan masyarakat pada masa akan datang.

Perhatian dan komitmen Nyai Hj. Masriyah Amva dalam rangka pemberdayaan wanita dalam sebuah kepimpinan perlu mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Perhatian masyarakat persekitaran tentang kepimpinan wanita sangat diperlukan untuk mengetahui bagaimana bentuk kepimpinan wanita dalam perspektif jantina.

Dalam persekitaran keluarga kepimpinan Nyai Hj. Masriyah boleh difahami secara benar, bentuk kepimpinan yang dilihat dari aspek perundangan pun menyatakan bahawa kepimpinan wanita bukan suatu perkara yang sangat dipermasalahkan ketika ini

²¹⁰ Beliau tuliskan dalam selebaran yang dibagikan untuk acara KUPI (Konferensi Ulama Wanita Indonesi), pada tarikh 25 April 2017, di IAIN Syekh Nurjati.

kerana kapasiti wanita sangatlah memadai. Namun, penilaian masyarakat yang berpengaruh dalam nilai guna pada pembentukan suatu karekter bangsa perlu dipertegas. Dengan kata lain, program intensif, latihan yang berterusan dan penilaian masyarakat berkaitan dengan kepimpinan wanita perlu melibatkan pelbagai pihak yang akan menerima keperluan tertinggi sebagai *Control and Decision Making*.

4.4 Deskripsi kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Forum Diskusi (International Seminar on Women Ulama) atau KUPI (Konferensi Ulama Wanita Indonesia)²¹¹

4.4.1 Poligami antara bentuk kekerasan dalam Rumah Tangga/KDRT)

Maksud daripada poligami iaitu suku kata yang diambil daripada kata *Poli* atau *polus* yang bererti banyak, manakala *gamos* yang bererti kahwin atau perkahwinan. Menurut salah satu penulis menyatakan bahawa makna daripada poligami adalah ikatan perkahwinan antara seorang lelaki (suami) yang berkahwin dengan beberapa seorang wanita dengan kadar maksimum 4 orang²¹² wanita pada satu-satu masa.²¹³

Banyak yang beranggapan bahawa poligami menjadi terkenal dengan terdapat agama Islam. Mereka menganggap bahawa Islam yang membawa ajaran poligami, ada juga yang berpendapat bahawa ajaran berpoligami adalah

²¹¹ KUPI atau juga disebut dengan *Konferensi Ulama Wanita Indonesia* adalah konferensi yang diadakan oleh para ulama wanita khususnya dan dihadiri lebih dari 300 ulama dalam atau luar negara dengan tujuan untuk terus menerus, memastikan pemikiran seorang ulama dan menegaskan kewujudan dan legitimasi keilmuan wanita, diadakan pada tarikh 25-27 april 2017, di IAIN Syekh Nurjati dan Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy.

²¹² UUP (Undang-undang Perkahwinan) No.1 Tahun 1974 Fasal 3, Ayat 2, yang menyatakan bahawa pengadilan boleh memberikan izin seorang suami untuk beristeri lebih daripada seorang apabila dikehendaki oleh seseorang yang bersangkutan.

²¹³ Siti Musdah Mulia, *Islam Menggugat Poligami*, (Jakarta, PT Gramedia Pustaka Utama: 2007), 43.

disebabkan kewujudan Islam²¹⁴, dan bezanya pada zaman Rasulullah adalah dibolehkan untuk bernikah dengan lebih daripada empat isteri, selepas itu Allah menghadkan menjadi empat isteri sahaja.²¹⁵ Poligami pada zaman dahulu banyak dipraktikkan oleh masyarakat Yunani, Persia, dan Mesir kuno.²¹⁶

Menurut jumhur ulama, ayat ke 3 dari surah An-Nisa' turun selepas perang Uhud, kerana kebanyakan *mujahidin* yang gugur kerana perang, telah meninggalkan anak-anak dan janda yang ditinggal mati oleh suaminya, maka kehidupan dan pendidikannya dan pendidikan mereka terabai.²¹⁷

Sebahagian ulama menyatakan bahawa dalam surah tersebut tiada perkataan yang memerintahkan untuk berpoligami, tetapi perintah melayan anakanak dan janda dengan adil. Sebahagian ulama berpendapat bahawa dibenarkan poligami dengan syarat yang berat iaitu mampu untuk bersikap adil dari segi nafkah, *muamalat*, pergaulan, dan pembahagian malam.²¹⁸

Wahbah Zuhaily dalam bukunya menyatakan bahawa terdapat syaratsyarat yang perlu dipenuhi oleh seorang suami apabila ingin berpoligami, iaitu: *pertama* sanggup berlaku adil kepada setiap isteri, *kedua* kesanggupan memberi nafkah. Ini merupakan syarat untuk lelaki yang berniat untuk bernikah dan poligami.²¹⁹

Adapun dasar-dasar Hukum Poligami di Indonesia iaitu:

²¹⁴ *Ibid*: 44.

²¹⁵ Muhammad Ilham Marzuq, *Poligami Selebritis*, (Sidoarjo, Masmadia Buana Pustaka: 2009), 5.

²¹⁶ Amiur Nuruddin, et.al, *Hukum Perdata Islam di Indonesia*, (Jakarta, Kencana: 2004), 157.

²¹⁷ Khoiruddin Nasution, *Riba dan Poligami*, (Yogyakarta, Academia: 1996), 85.

²¹⁸ Sayyid Qutb, *Fi Zilāl Al-Qur'ān*, (Dar Al-kutub Al-Ilmiyah: 1961), 236.

²¹⁹ Wahbah Al-Zuhayli, *Al-Fiqh Al-Islām wa Adillatuhu*, Juz 9, (Beirut, Darul Fikr: 1999), 6669.

- 1) Undang-undang No.1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan. Dalam Undang-undang No.1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan yang berkaitan dengan poligami ada dalam pasal 3, 4, dan 5.²²⁰
- 2) Peraturan Pemerintahan No.9 Tahun 1975 tentang Pelaksanaan Undang-undang No.1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan.
- 3) Instruksi Presiden No.1 Tahun 1999 tentang Kompilasi Hukum Islam. Adapun poligami dalam Kompilasi Hukum Islam ada dalam pasal 55, 56, 57, dan 58.
- 4) Peraturan Menteri Agama RI No. 11 Tahun 2007 Tentang Pencatatan Nikah.

Hukum KUA (Kantor Urusan Agama) di Indonesia membenarkan untuk berpoligami dan bukan poliandri. Namun, bukan perkara yang mudah untuk berpoligami di Indonesia, dan prosedur yang dilalui untuk Poligami di KUA (Kantor Urusan Agama) iaitu:

- 1) Surat keizinan daripada Pengadilan Agama tempat tinggal suami
- 2) Memenuhi syarat untuk berkahwin seperti perkahwinan biasa.

Antara prosedur poligami yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- 1) Daftar dengan membawa syarat yang telah ditentukan.

²²⁰ Sudarsono, *Hukum Perkawinan Nasional*, (Jakarta, PT Rineka Cipta: 1991), 289.

- 2) Mengemukakan keizinan poligami kepada Pengadilan Agama dengan melengkapi maklumat-maklumat yang diminta oleh pihak pengadilan, seperti:
 - a) Salinan KTP pihak suami.
 - b) Salinan pihak isteri pertama.
 - c) Salinan isteri pertama, kedua, atau ketiga.
 - d) Surat pernyataan setuju dipoligami bagi isteri pertama.
 - e) Surat pernyataan sedia untuk berlaku adil bagi pihak suami.
 - f) Surat keterangan penghasilan daripada Kepala Desa atau lurah untuk suami.
- 3) Jika proses sudah selesai maka surat keizinan daripada Pengadilan Agama boleh diambil dan boleh diserahkan kepada KUA (Kantor Urusan Agama)
- 4) Kutipan akta perkahwinan akan diterbitkan.

Dalam persidangan ini, sebahagian besar ulama wanita Indonesia menyatakan bahawa poligami bukan sebuah tradisi. Teras dalam ajaran agama Islam dalam perkahwinan adalah keadilan dalam dan bukan berapa jumlah isteri yang dimiliki. Maka, seorang suami yang hendak berpoligami adalah wajib untuk memastikan bahawa dia mampu untuk memberi nafkah zahir dan batin yang layak untuk isteri-isterinya. Poligami akan menjadi isu yang negatif jika dibincangkan secara umum, sedangkan praktikal dalam poligami yang dijalankan kadangkadang tidak bermasalah bagi orang lain.

Dalam surah An-Nisa' ayat:3²²¹ yang dijadikan rujukan tentang kebenaran dalam berpoligami, dalam surah ini juga menjelaskan tentang dibolehkan untuk berpoligami dan juga penjelasan tentang monogami yang juga sama kuat, terletak di hujung dalam ayat yang sama, dikatakan bahawa apabila bimbang tidak boleh berbuat adil dan potensi untuk bersikap tidak adil sangat tinggi, maka cukuplah sekadar mempunyai satu isteri sahaja cukup.

Indonesia merupakan sebuah Negara demokrasi yang mengikut sistem monogami seperti dalam UU (Undang-Undang) No 1 tahun 1974 tentang perkahwinan, yang mempunyai syarat yang ketat untuk berpoligami. Dalam Fasal 3 ayat 1, pada asasnya disebutkan bahawa seorang lelaki hanya boleh mempunyai seorang isteri dan seorang wanita hanya boleh memiliki seorang suami.

Sebahagian besar ilmuan wanita Indonesia menyatakan bahawa poligami adalah salah satu bentuk KDRT (kekerasan dalam rumah tangga) yang berbentuk kekerasan fizikal, psikologi dan ekonomi. Sebahagian ilmuan wanita juga menyatakan bahawa Islam melihat poligami sebagai sebuah jawapan yang realistik terhadap masalah sosial seperti penzinaan dan kehidupan seorang janda. Rata-rata mereka tidak dapat berlaku adil terhadap isteri-isterinya.

Beberapa ulama memahami Al-Qur'an secara tekstual sahaja yang merujuk kepada fiqh-fiqh, seolah-olah mereka tidak berani untuk mengubah hukum-hukum yang terpakai. Namun, sebahagian ulama juga menyatakan bahawa mereka ingin segera menghapuskan kekerasan melalui metodologi dakwah yang berbeza-beza.

²²¹ “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil (hak-hak) seorang wanita yang yatim (bila engkau berkahwin dengannya), maka kawinilah wanita-wanita lain yang kamu senangi; dua, tiga, atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak berlaku adil, maka kawinilah (satu sahaja), atau budak-budak yang kamu miliki, yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya”.

Bentuk kekerasan wanita yang ada pada masa kini seringkali menggunakan Justifikasi Agama. Contoh daripada Justifikasi Agama yang dimaksudkan adalah seperti isu Poligami yang telah dibahas di atas. Meskipun poligami bukan tradisi Islam, tafsir agama itu sering kali didominasi oleh ulama-ulama yang tidak selalu terbuka terhadap wanita.

Oleh itu, persidangan ini bertujuan untuk mengkaji semula poligami dilihat daripada impak positif dan negatif yang sering terjadi dalam kalangan masyarakat masa kini. Dalam menangani permasalahan ini Nyai Hj. Masriyah Amva lebih menumpukan kepada asas monogami yang disebutkan dalam UU Perkahwinan (UUP) 1974 dan sekiranya terdapat permasalahan yang menjadikan poligami berbeza.

4.4.2 Intoleransi, Radikalisme dan Terorisme Menjadikan Wanita sebagai Mangsa

1. Nigeria dalam Melawan Tafsir Islam

Diceritakan bahawa ada kelompok Boko Haram²²² di Nigeria telah menyebabkan wanita-wanita diculik ketika sesi persekolahan dan menjadi mangsa pencabulan di tempat penculikan tersebut. Pencabulan menjadi senjata perang yang menyebabkan pada impak besar terhadap fizikal, psikologi, sosio-ekonomi dan sosio-budaya. Kelompok Boko Haram menculik ribuan wanita yang berusia lebih kurang lapan tahun untuk membina khalifah Islam di Afrika dan memaksa mereka secara kasar untuk memeluk agama Islam. Mereka juga dengan rela membunuh diri dengan menjadi pengebom berani mati atas tiket berjihad.

²²² Boko Haram dibentuk oleh seorang ulama terkenal yang bernama Syekh Muhammad Yūsuf pada tahun 2002 di daerah Maidiguri, Nigeria Utara. Boko Haram dalam bahasa setempat biasa disebut dengan “*Hausa*” (Pendidikan Barat Haram). Syekh Muhammad selalu mengajarkan kepada santrinya atas penolakan sistem sekuler buatan barat.

Kelompok militan Islam Boko Haram telah bersekutu dengan ISIS, menculik lebih kurang 200 kanak-kanak wanita di Kota Chibok, Nigeria pada 2014 lalu. Setahun selepas tragedi tersebut, Pengetua Boko Haram, Abubakar Shekau, menyatakan bahawa kanak-kanak wanita tersebut telah memeluk Islam dan dikahwinkan. Perkara ini telah menimbulkan keresahan kepada ahli militan untuk memperlakukan mereka sebagai hamba seks dan harta rampasan perang. Keresahan itu semakin kuat selepas kanak-kanak tersebut dibebaskan dan mereka keluar dengan membawa anak daripada hasil pencabulan. Ketika itu juga, kelompok militan Boko Haram mengangkat sumpah setia kepada *Islamic State in Iraq and Syria* (ISIS) atau DAESH.

Penculikan dan pencabulan yang telah mereka lakukan ini adalah ketika Muslim Afrika Tengah dibakar hidup-hidup, dibantai dan anakanak kecil disiksa, namun, tiada satu negara yang peduli dengan umat Muslim dan ketegangan tersebut. Permulaan ini menyebabkan Boko Haram melaksanakan penculikan kerana ketika itu pemerintahan Nigeria adalah didominasi oleh agama Kristian yang sangat diskriminatif. Namun, dapat dilihat terdapat perbezaan yang sangat ketara iaitu kemakmuran negara tersebut. Kebelakangan ini, kaum Boko haram telah menjadi militan dan lebih radikal.

Demi menentang radikalisme yang terjadi di Nigeria dan salah faham dalam pentafsiran, maka para ilmuan wanita mengadakan kempen untuk meningkatkan kepedulian wanita melalui dakwah dan kajian para ulama. Menurut Nyai Hj. Masriyah Amva, salah satu bentuk penentangan kekerasan adalah dengan kepedulian terhadap wanita masa kini perlu dipertingkatkan. Wanita berhak untuk mendapatkan apa sahaja

yang layak diberikan, sebagai contoh pendidikan yang setara dengan lelaki dan kebebasan seorang wanita perlu diberi.

Dr. Rafatu Abdul Hamid²²³ dalam diskusi yang telah diadakan ketika KUPI (Konferensi Ulama Wanita Indonesia) juga menyatakan bahawa kanak-kanak perlu dididik dengan betul agar mereka tidak terlibat dengan pemahaman radikal ini.

2. Kenya dan latihan Pelajar di Madrasah

Seperti di Nigeria, kelompok militan Al-Shabab²²⁴ di Somalia sering kali melakukan serangan ke atas Kenya, selaku negara jiran. Kelompok yang memiliki puak pendukung ISIS itu pernah melakukan serangan dengan menggunakan wanita sebagai senjata. Tiga penyerang di Balai Polis di

Mombasa merupakan seorang wanita Kenya dan dua lagi wanita Somalia. Mereka bertiga mempunyai kaitan dengan Jaylish Al-Ayman, yang merupakan sekutu al-Shabab di Mogadishu, Somalia.

Ulfat Hussein Masibo²²⁵ dari Kenya menyatakan bahawa ilmuan wanita di Kenya berupaya untuk memperkukuh komuniti menguatkan institusi keluarga dan menggalakkan untuk mencari pendidikan di sekolah

Islam untuk mencegah kanak-kanak daripada menjadi target perekrutan ISIS. Latihan untuk pelajar di madrasah atau pesantren pada

²²³ Seorang ahli akademi di Universiti Abuja, Nigeria. Beliau adalah seorang penulis yang sering menulis buku sastera bertajuk Feminisme.

²²⁴ *As-Syabāb* iaitu kelompok militan Islam akibat anarkisme. *As-Syabāb* berarti para pemuda radikal Somalia yang sebelumnya iaitu sebuah kelompok yang dibentuk pada tahun 2006 untuk mendirikan negara Islam di Afrika Timur. *As-Syabāb* adalah pendukung wahabi Saudi sedangkan sebahagian orang Somalia adalah sufi. Disebut juga *Harakah As-Syabāb Al-Mujāhidin*.

²²⁵ Beliau adalah satu ahli SUPKEM (Supreme Council of Kenya Muslim) atau biasa disebut dengan dewan panglima tertinggi di Kenya. Menyelesaikan perkuliahan Jabatan undang-undang di universiti MOI Kenya. Selain daripada itu beliau juga mendapatkan penghormatan daripada KMYA (Kenya Muslim Youth Alliance) sebagai *Good Leadership dan Governance Skill* pada bulan Mac lalu.

masa kini, yang selalunya memberi pendedahan dan pengetahuan terhadap cara perekrutan yang digunakan ISIS di seluruh dunia seperti penculikan.

Selain daripada itu, golongan wanita juga perlu diperkuat dengan mengajar dan memimpin wanita untuk memahami agama agar dapat mendorong mereka untuk hidup secara harmoni. Oleh itu, pesantren menjadi wasilah dakwah keagamaan yang banyak menggalakkan kemajuan pendidikan bagi kaum wanita. Pesantren juga boleh menjadi lambang keamanan bagi wanita agar mereka tidak terlibat dengan dunia yang penuh pancaroba.

3. Wanita Pakistan Sasaran Puak Radikal

Bushra Qadims Hyder Lumiere²²⁶ menjelaskan bahawa dalam permasalahan wanita Pakistan yang seringkali dijadikan sasaran dakwah yang menjurus kepada radikalisme. Para ilmuan wanita juga dianggap mampu untuk mencetus perubahan di tengah maraknya radikalisme.

Keadaan sebegini membuatkan mereka menjadi resah dan kebanyakan daripada mereka akan bertanya kepada maulana (Imam) tetapi jarang maulana tersebut menerapkan fahaman-fahaman radikal. Inilah punca ilmuan wanita Pakistan bekerjasama dalam aktiviti dan ketika ditimpa masalah, mereka akan terus bersatu. Institusi inilah yang menyebabkan mereka bergabung pandangan untuk melawan bias daripada masyarakat terhadap wanita dengan meningkatkan kapasiti guru wanita untuk membangun kesefahaman.

²²⁶ Seorang ulama wanita Pakistan dan PAIMAN alumni daripada *Trust Pakistan*. Melalui organisasi yang beliau buat mampu melawan ektrimisme agama dan menciptakan agama Islam yang damai.

Walau bagaimanapun, mereka menyatakan bahawa usaha pemberdayaan wanita ini berisiko kerana ketiadaan upaya mereka untuk mengubah cara pandang masyarakat yang sebahagian besar tidak mengiktiraf peranan wanita. Salah faham dalam cara pandang itu menyebabkan tindakan yang mencetus perkara yang tidak diinginkan.

Dalam perkara ini, seorang wanita perlu bijak dalam membuat keputusan dan memilih idola untuk mereka contohi. Perkara ini dapat mengurangkan kecenderungan ekstrimisme dalam mendidik kanak-kanak sebagai seorang manusia dan Muslim yang sejati.

Dalam beberapa buku yang Nyai Hj. Masriyah tulis, beliau sering menyatakan bahawa seorang wanita perlu kuat fizikal dan mental, bahkan perlu lebih kuat daripada seorang lelaki kerana kita tidak dapat meramal masa hadapan.

4. Indonesia dan Radikalisme yang Tersebar di Media Sosial

Sebagai negara majoriti Muslim yang terbesar di dunia, Indonesia tidak terlepas daripada ancaman radikalisme dan juga terorisme. Serangan bom di kawasan Thamrin pada awal 2016 merupakan contoh bahawa warganya mempunyai kaitan dengan *Islamic State in Iraq and Syria* (ISIS).

Selain daripada itu, pelbagai kajian menunjukkan ajaran-ajaran Radikalisme sudah menyusup masuk ke dalam institusi pendidikan melalui media sosial. Pengguna media sosial khususnya internet di Indonesia semakin berkembang pesat, oleh itu banyak kelompok

masyarakat yang menyalahgunakan media sosial dalam penyebaran perkara-perkara negatif.

Sebenarnya, kebebasan dalam sesebuah negara bukan sebuah kebebasan yang membenarkan kekafiran dan celaan yang melahirkan sifat fanatik yang terkongkong. Ini menjadi punca lahirnya fahaman keras dan radikalisme di Indonesia dengan cepat.

Neng Dara Affiah²²⁷ merupakan pengetua pesantren, seperti Nyai Hj. Masriyah Amva menyatakan bahawa selama ini beliau juga berusaha menghentikan penyebaran fahaman radikalisme melalui tulisan sastera, *"Dengan menulis pemikiran saya mampu menyebar, apabila mereka melakukan pekerjaan dengan media sosial, maka kita menggunakan media sosial sebagai kaunter ke mereka, kerana kaunter boleh dijadikan tempat argumentasi,"* beliau berkata.

Selain daripada itu, masjid dan majlis ta'lim, menurut Neng Dara Affiah seringkali dijadikan tempat untuk menyebarkan agenda radikalisme. Para ilmuan wanita juga bimbang jika tiada usaha pencegahan, fahaman radikalisme dan intoleran ini akan menimbulkan keganasan serta mengancam keselamatan negara Indonesia. Sebahagian besar ilmuan wanita juga sama berpendapat tentang perkara ini. Tindakan perlu diambil dengan pantas dan cara berfikir adalah salah satu kunci utama dalam mencegah idea radikalisme menyusup masuk. Nyai Hj. Masriyah Amva juga berkata bahawa dengan bertindak tegas mampu untuk mencegah perkara ini daripada berlaku.

²²⁷ Beliau adalah seorang Sosiologis, Pembaca, Pendidik, Peneliti, Penulis, Pensyarah di Universiti Nahdatul Ulama Indonesia, dan sekaligus pengetua wanita di Pesantren An-Nizomiyah, Banten.

5. TKI (Tenaga Kerja Indonesia) dan Penggunaan Media Sosial

Beberapa pekerja asing terlibat dengan gerakan radikal kerana rata-rata mereka mempunyai pengetahuan agama yang rendah dan terjebak dengan pergaulan yang tidak terkawal. Mereka bekerja sendiri di luar negara, jauh daripada pantauan keluarga, akses media sosial yang mudah dijangkau menjadi punca mereka mendapat kawan baharu melalui media sosial seperti *facebook*, *telegram* dan lain-lain. Bahkan ada yang berkahwin dengan seorang yang tidak diketahui keturunan dan agamanya menjadi penyebab mereka terlibat dalam gerakan radikal yang meluas. Fenomena mendapatkan teman baharu melalui media sosial akan dirungkai dalam topik selanjutnya dalam konten Islam di media sosial.

Sebahagian besar sasaran kelompok radikal adalah wanita yang bebas, kurang ilmu agama dan tiada ilmu pengetahuan. Bahkan jumlah wanita yang diusir dari negara tempat mereka bekerja lebih pembantu rumah berbanding seorang lelaki. ISIS lebih menekankan misi yang global dan memperkuat aspirasi melalui media sosial kerana mereka beranggapan bahawa wanita tidak mempunyai perasaan curiga yang tinggi. Oleh itu, salah satu cara untuk menghindari kelompok radikal iaitu dengan meminta bantuan kepada kedutaan besar yang ada di luar negara untuk terus memberikan arahan dan meyelenggara forum-forum tentang deradikalisasi sekerap mungkin.

Diskriminasi wanita membuat sebahagian wanita enggan untuk memberikan peluang bagi dirinya untuk menempuh jalur kekuasaan dibidang perundangan Indonesia. Peranan kepimpinan wanita terkadang terbungkam dan kalah dengan dominasi lelaki dan seterusnya dinilai

tidak mampu memimpin dan membuat suatu kebijakan penting lainnya. Nyai Hj. Masriyah beserta tokoh wanita lainnya membuka peluang untuk terus peduli akan permasalahan wanita dengan tidak mementingkan perasaan sahaja dibanding rasional. Satu persatu bentuk kepemimpinan seorang wanita akan menjadi terlihat dan dipedulikan masyarakat awam.

4.4.3 Indonesia dan Usia Perkahwinan Anak

Dalam konteks usia perkahwinan anak, setiap orang berkewajipan untuk mengelak perkahwinan anak di bawah usia. Ibu bapa, masyarakat, dan pihak berkuasa perlu menggembleng tenaga mengekang permasalahan ini. Dalam masalah usia perkahwinan anak ini, KUPI (*Konferensi Ulama Wanita Indonesia*) mencadangkan pindaan bagi UU (Undang-Undang) Nombor 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, terutama yang berkait dengan usia minimum perkahwinan anak iaitu pada asalnya had umur adalah 16 tahun dinaikkan kepada 18 tahun. Berkaitan dengan keputusan ini, Menteri Agama, Lukman Hakim Saifuddin menjelaskan, bahawa Analisis Penghakiman (*Judicial Review*) UU

Perkahwinan telah ditolak Mahkamah Konstitusi kerana menjadi tanggungjawab dalam Analisis Legislatif (*Legislative Review*). Apabila tuntutan adalah di peringkat Analisis Penghakiman, maka keputusan adalah tidak boleh diubah dan had umur minimum tidak boleh dinaikkan lagi (Kerajaan juga mempunyai hak untuk menganalisa masalah ini).

Dalam UU (Undang-undang) Nombor 35 Tahun 2014 Jo. 23 Tahun 2002 tentang perlindungan anak, amalan perkahwinan kanak-kanak dengan segala kesan yang timbul adalah melanggar hal kanak-kanak. UU Perlindungan kanak-kanak didefinisikan sebagai kanak-kanak adalah seorang yang belum berusia 18 Tahun, termasuk anak yang berada di dalam kandungan (Fasal 1).

Lebih daripada 50 peratus perkahwinan kanak-kanak akan berakhir dengan perceraian sebelum setahun usia perkahwinan. Perkahwinan usia muda juga terdedah dengan kekerasan rumahtangga dan hubungan seksual secara paksaan. Pihak berkuasa boleh bertindak mengekang perkahwinan kanak-kanak, tidak memberi taraf sah pernikahan bagi kanak-kanak meletakkan had umur perkahwinan kanak-kanak. Kementerian Informasi dan Komunikasi wajib menyekat *website* yang berunsurkan pornografi yang boleh diakses anak-anak. Adalah disebutkan juga agar kanak-kanak yang menjadi mangsa perkahwinan pada usia muda untuk bersekolah dan sekolah dilarang untuk menolak permohonan mereka.

Perkahwinan kanak-kanak tidak mampu untuk menyelesaikan masalah kerana beberapa faktor seperti faktor ekonomi, budaya, pandangan agama, kesukaran akses pendidikan. Bahkan, jika ada anak yang hamil di luar nikah, ibu bapa juga diminta untuk tidak memaksa menikahkan anaknya seperti yang menjadi penyelesaian kebanyakan ibu bapa.

Demi kemaslahatan, perkahwinan kanak-kanak di bawah umur terbukti menyebabkan mudharat atau kesan negatif berbanding positif, sama ada bagi kanakkanak wanita atau lelaki yang dikahwinkan. Keberjayaan penghapusan perkahwinan anak-anak adalah tidak terlepas dari kepedulian serta komitmen seorang tokoh wanita disetiap daerah untuk benar-benar memerangi kes permasalahan perkahwinan anak. Bagaimana seorang tokoh wanita boleh mengatasi dan mengawal suatu keberjayaan melalui pelbagai kebijakan dengan bentuk yang mereka punyai.

Terlihat dari komitmen Nyai dalam sebuah kepimpinan terhadap suatu tindakan kerana berani memisahkan antara masa lalu dengan masa hadapan, komitmen terhadap tujuan sama yang didasari agama yang kuat mampu menjelaskan semuanya.

Memperluas hubungan dengan tokoh wanita masa kini demi menegakkan undang-undang yang berlaku di Indonesia.

4.4.4 Indonesia dan Konteks Keganasan Seksual

Dalam konteks keganasan yang terjadi di Indonesia adalah dilarang, Jika terjadi pencabulan, maka yang terjadi adalah seks yang berbentuk paksaan atau rogol dan zina. Keganasan seksual telah melanggar HAM (Hak Asasi Manusia) yang sebenarnya telah dijamin oleh Islam seperti hak dan kebebasan hidup, hak berkahwin dan mempunyai keluarga juga telah dilanggar.

Terdapat bentuk keganasan menurut KOMNAS (Komisi Nasional) terhadap wanita iaitu bermula daripada pencabulan, intimidasi/perdugaan pencabulan, gangguan seksual, eksploitasi seksual, perdagangan wanita untuk seks, pelacuran, perhambaan seksual, perkahwinan paksa, kehamilan paksa, pengguguran paksa, merancang keluarga, siksaan seksual, tiada nilai kemanusiaan dan pelaksanaan hukuman seksual, praktikal tradisi seksual yang membahayakan wanita, dan kawalan seksual termasuk peraturan diskriminasi yang beralaskan moral dan agama.²²⁸ Keganasan seksual yang telah disebutkan di atas juga sangat memberi kesan terhadap ketidakstabilan kanak-kanak sama ada secara fizikal dan mental. Kekerasan seksual juga mempunyai kesan kepada diskriminasi berasaskan jantina.²²⁹

Berdasarkan lembaran fakta tersebut, ada juga disebutkan bahawa mangsa keganasan seksual sering dilabel sebagai barangan terpakai. Maka hukuman bagi

²²⁸ Semua di atas telah disebutkan dalam Lembaran Fakta Kekerasan Seksual, Upaya Penanganan Komprehensif dan Dorongan Rancangan Undang-undang Penghapusan Kekerasan Seksual Komnas Wanita, Jakarta 19 September 2016.

²²⁹ Rumusan diatas ditafsirkan oleh Pengadilan Kriminal tentang kekerasan seksual yang diambil dalam tulisan Patricia Viseur Seller. *The Prosecution of Sexual Violence in Conflict, The Importance of Human Right as Means of Interpretation* di unduh pada 20 ogos 2010.

pelakunya iaitu dengan mempertimbangkan kemaslahatan rakyat. Negara juga wajib menjamin hak sepenuhnya terhadap mangsa keganasa seksual.

Menurut pandangan Islam, Negara wajib menjamin hak seluruh warganegara sepenuhnya, terutama hak-hak mangsa. Jika negara dan—pihak berkuasa dan penguatkuasa undang-undang mengabaikan dan menia-siakan hak-hak mangsa keganasan seksual, bererti negara tersebut zalim dan melanggar perlembagaan. Maka, perlunya *Maqashid Syariah* yang mewajibkan menjaga agama, jiwa, harta, akal dan keturunan.

Dalam catatan KOMNAS (Komisi Nasional), wanita termasuk dalam golongan mangsa keganasan dan mempunyai masalah kesihatan reproduktif. Data merekodkan bahawa terdapat 3000 hingga 6500 kes keganasan wanita yang dilaporkan sebagai berjaya ditangani dalam tempoh 4 tahun terakhir, iaitu pada tahun 2012-2015 bagi kategori keganasan seksual tertinggi iaitu pencabulan.²³⁰

Keganasan seksual berimpak terhadap ketidakstabilan wanita sama ada fizikal dan mental dalam pelbagai aspek, seperti:

1. Kesihatan fizikal dan psikologi seperti depresi, ketakutan dan trauma.
2. Hilang peluang untuk bersekolah.
3. Hilang pekerjaan dan mata pencaharian.
4. Sosial (dipinggir masyarakat sekitar dan keluarga cenderung menyalahkan mangsa).
5. Jenayah iaitu mangsa pencabulan boleh menjadi mangsa pukulan dan terajang kerana sumpah yang diikrar.

²³⁰ Diperoleh daripada CATAHU (Catatan Tahunan) iaitu Kompilasi Data Nasional Komnas Wanita daripada jumlah kes yang ditangani oleh Lembaga Pengada Layanan bagi wanita korban kekerasan wanita di seluruh Indonesia, sama ada yang diselenggarakan negara atau masyarakat sivil.

Kepedulian tokoh wanita adalah cara seorang pemimpin memelihara hubungan dengan oranglain dan masyarakat persekitaran, di mana mereka merasakan komitmen dan tanggung jawab peribadinya. Para tokoh wanita dan Nyai khususnya mengimbau kepada setiap orang tua untuk mendidik anaknya dengansama ada. Walaupun, banyaknya pelbagai permasalahan yang berkaitan menimbulkan kekangan proses hukum yang ingin dilakukan dengan damai tapi tidak dapat diselesaikan.

4.4.5 Indonesia dan Kerosakan Alam Dalam Konteks Masalah Sosial

Bagi kemusnahan alam dalam konteks kegagalan sosial, maka berdasarkan hasil perbincangan KUPI adalah mengharamkan secara mutlak untuk dilakukan. Pembangunan yang dilakukan mesti menjaga kelestarian alam kerana manusia merupakan khalifah Allah dan wajib dipulihara dan dipelihara keseimbangan ekosistem. Negara juga wajib bertindak tegas terhadap persekitaran terhadap perosak alam persekitaran. Modenisasi Islam perlu perlu diutamakan sebagaimana Islam tidak menolak kedudukan wanita dan Islam dalam menyebarkan kemaslahatan bersama.

Kemiskinan merupakan masalah sosial yang sering dihadapi masyarakat. Menurut beberapa pihak, kesedaran wanita terhadap kerosakan alam mempunyai impak jangka masa panjang, namun wanita tidak mendapat tempat dalam rundingan-rundingan politik. *Sterotype* menempatkan mereka sebagai *Konco Wingking*²³¹ iaitu kelompok marginal yang subordinat.

Sebahagian ulama mencadangkan untuk semua ilmuan wanita Indonesia bersedia mendorong dan menyebarkan pemahaman tentang dakwah ini bukan sahaja untuk tujuan keagamaan tetapi berkait dengan kehidupan sosial. Dakwah juga

²³¹ Seorang wanita yang sudah berkahwin dan yang akan mewarnai kehidupan dalam perkahwinan tersebut.

bukan hanya untuk ibadah sahaja tetapi sebagai pusat kegiatan sosial persekitaran dalam kalangan masyarakat.

Amat penting untuk ilmuan wanita memahami pelbagai metodologi *ijtihad*²³², konsep *Istinbat Al-Hukm*²³³ dan metodologi *Istidlāl*²³⁴ fatwa ke-Islaman dan pemahaman Islam kontemporari. Ini merupakan inisiatif penuh daripada golongan wanita sendiri. Persidangan yang pertama kali ini diadakan di Indonesia dengan tujuan untuk memperjuang keadilan wanita melalui kesedaran hubungan antara wanita dan lelaki.

Kepedulian pimpinan wanita masa kini dalam mengatasi pelbagai permasalahan dan menetapkan keputusan besar mengalami suatu peningkatan kerana sebahagian besar daripada tokoh wanita yang menjawat sebagai pengetua, masanya lebih banyak berkontribusi dalam permasalahan keagamaan. Kesejajaran lelaki dan wanita dalam perkara menyuarakan haknya dalam menetapkan keputusan adalah suatu perkara yang wajar dan biasa dilakukan di Indonesia. Bahkan dalam perkara-perkara tertentu yang bersangkutan-paut tentang persoalan wanita, maka wanitalah yang lebih dominan menyelesaikannya.

²³² *Ijtihad* iaitu berusaha memaksimumkan daya dan upaya yang dimilikinya atau penerahan kemampuan untuk mengatasi masalah yang sulit. Dikutip daripada Rahmat Syafi'i, *Ilmu Ushul Fiqh*, (Jakarta, Pustaka Setia: 1999), 98.

²³³ *Istinbat Al-Hukm* berasal daripada kata *Nabth* iaitu air yang mula-mula terpancar daripada sumur yang digali. Maka boleh diertikan dengan penggalian, perumusan hukum daripada sumbernya. Dikutip daripada Romli SA, *Muqorohah Madzahib fi Al-ushul*, (Jakarta, Gaya Media Pratama: 1996), 25

²³⁴ *Istidlāl* iaitu meminta petunjuk, mendapatkan dalil, dan kesimpulan. Atau mencari sebuah dalil untuk mendapatkan hasil yang diminta. Dikutip daripada MKD IAIN Sunan Ampel, *Studi Hukum Islam*, (Surabaya, IAIN Sunan Ampel Press: 2011), 50.

4.5 Kesimpulan

Wakil Pondok Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy tetap bertahan di tengah-tengah perubahan, menarik untuk dikaji dan menjadi alternatif utama bagi ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anaknya. Perkara ini disebabkan oleh keberjayaan pengetuanya dalam membentuk karekter dan membuktikan kualiti penghambaan kepada Yang Maha Esa dan pendidikan pada umat, bangsa dan negara. Bekalan ilmu agama sangat diperlukan kerana agama merupakan asas utama kehidupan bermasyarakat di kemudian hari. Boleh disimpulkan bahawa tertegak sebuah pesantren tidak boleh dipisahkan daripada sosial budaya masyarakat sekitar.

Kini Nyai Hj. Masriyah Amva mulai membangun dirinya secara kualitas yang bukan sahaja berkaitan dengan kepesantrenan dan peduli dengan isu-isu kontemporer. Manajemen pendidikan dalam pesantren *salaf* perlu adanya sentuhan *professional* dalam mengelolanya sehingga menghasilkan *output* yang siap menghadapi zaman dan proses perundangan yang berlaku di Indonesia. Corak kepimpinan Nyai dalam menghadapi apa sahaja yang berkaitan dengan perundangan Islam adalah memberikan pencerahan kepada seluruh ummat Islam melalui pelbagai forum agar terus kreatif dan produktif dalam segala hal sehingga tidak melupakan tradisi kepesantrenan yang sudah lama melekat.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap bentuk kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva yang dilihat daripada pelbagai aspek dan solusi, serta pola pikir beliau dalam beberapa forum diskusi yang berkaitan dengan perundangan Islam. Dapat dirumuskan kepada beberapa kesimpulan hasil yang telah diperolehi sepanjang kajian dilakukan. Oleh itu, pada Bab ini akan membincangkan kesimpulan tentang: (1) Diskripsi Corak kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam menghadapi cabaran (Nyai Hj. Masriyah Amva disebut sebagai salah satu tokoh penggerak menuju kearah tujuan feminis dengan nuansa Islami dan usahanya sebagai pengetua dilihat dari pelbagai aspek Internal iaitu yang berkaitan dengan kemajuan Pesantren. Antara lain adalah, dalam pengurusan kurikulum Pesantren Kebon Jambu Al, Islamy. Peranan dalam pengurusan kewangan, pelatih Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy dan peranan beliau dalam pembentukan karekter pelajar, (2) Diskripsi corak kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam menghadapi cabaran dan usaha sebagai pengetua dilihat daripada pelbagai aspek Eksternal iaitu yang berkaitan dengan social masyarakat, seperti, Surat Khabar, Buku-buku sastera, Ceramah-ceramah dan forum Diskusi yang terdiri daripada pelbagai aspek Perundangan Islam.

Selain daripada itu, pengkaji juga akan mengemukakan saranan dan cadangan kepada pengkaji lain dengan menyenaraikan bibliografi bagi menyempurnakan kajian.

5.2 Kesimpulan

5.2.1 Deskripsi Kepimpinan Nyai Hj. Masriyah Amva dalam Menghadapi Cabaran dan Usaha dilihat Daripada Aspek Internal

5.2.1.1 Peranan Nyai Hj. Masriyah Amva di Pesantren Kebon Jambu Al-Islamy

Dalam permasalahan operasi dan strategi Pesantren, Nyai Hj. Masriyah Amva terlibat dan berperanan dalam mencetus dan merancang perubahan apa sahaja yang berada di bawah kawalan beliau. Kepimpinan wanita dalam pesantren seperti beliau menjadi arah yang berbeza dalam melihat masa depan.

